



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

**SHAH ALAM 18 JUN 2014 ( RABU )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Hajah Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak  
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiyah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali  
(Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Kusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Diana Binti Shuwardi  
**Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana Binti Razali  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Mohd Redzuan Bin Adam  
Encik Ibrahim Bin Mat Mom

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalammualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas Pada Hari Yang Ketiga 18 Jun 2014 dimulakan dengan bacaan Doa.

**I. DOA.**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HJ. MOHD HASLIN HASSAN:** Soalan No. 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HJ. MOHD HASLIN HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: PENGURUSAN**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;

- a) Apakah tindakan kerajaan untuk melancarkan penyelesaian pelbagai aduan rakyat?
- b) Berapa peratuskah aduan rakyat melalui talian Internet diselesaikan?
- c) Apakah masalah pihak kerajaan sehingga masalah penyelenggaraan jalan-jalan dan parit-parit masih gagal dilaksanakan secara berkesan?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan satu aplikasi khusus iaitu portal sistem talian aduan rakyat Selangor atau TAS bagi membolehkan pengurusan aduan awam yang melibatkan proses pengumpulan aduan dan maklum balas secara sistematik. Inisiatif aplikasi ini adalah bertujuan meningkatkan kemudahan, keboleh capaian dan kualiti interaksi dengan orang awam bagi mencerminkan perkhidmatan mesra pelanggan. Portal TAS ini juga adalah gerbang utama kepada pengadu yang ingin

menyampaikan aduan atau maklum balas kepada mana-mana organisasi dan agensi Kerajaan di Selangor. Peraturan aduan rakyat melalui talian Internet yang dapat diselesaikan bagi tahun 2013 yang bilangan yang diterima 3,068, yang selesai 2,831, peratusnya 92%. Bagi tahun 2014 yang diterima 1,067, yang selesai 438, peratusannya 41%.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Apakah yang dimaksudkan selesai? Kadang-kadang kita melihatkan status jawapan daripada Pihak Kerajaan di Portal tersebut adalah status itu adalah telah selesai. Jadi sebenarnya di *ground* ataupun di lapangan tidak selesai.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Selesai berertinya tindakan telah pun diambil. Sekiranya pelanggan tidak berpuas hati dengan tindakan yang diambil maka boleh dibuat aduan lagi.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD. RIDWAN:** Terima kasih Speaker. Soalan no. 39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD. RIDWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN RANCANGAN  
KAWASAN KHAS KAMPUNG SUNGAI PUSU**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;

- a) Apakah langkah bersepadu yang diambil oleh kerajaan bagi memantau dan menguatkuasakan pelaksanaan Rancangan Kawasan Khas Kampung Sungai Pusu?
- b) Apakah langkah kerajaan bagi memastikan pencerobohan dan salah guna status tanah tidak berlaku di kawasan itu buat masa ini?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Gombak Setia. *Assalammualaikum Warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi rahmanir rahim* dan salam sejahtera. Tindakan Kerajaan Negeri ialah memastikan setiap pembangunan yang dicadangkan perlu mengikut Zon Gunatanah yang telah

ditetapkan di dalam RKK atau Rancangan Kawasan Khas Sungai Pusu yang telah diwartakan pada 12 April 2012. Mana-mana permohonan yang bercanggah dengan zon guna tanah RKK Sg. Pusu Majlis tidak akan menyokong pembangunan tersebut.

Majlis akan mengemukakan notis mengikut peruntukan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (172) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di mana operasi bersepadu bersama-sama penguatkuasaan juga akan dilakukan.

Notis dan laporan akan dikeluarkan kepada pihak pemilik tanah, penguasa yang mengadakan pemajuan tanpa kebenaran. Tindakan Mahkamah akan diambil oleh pihak Majlis. Hingga setakat ini notis-notis kepada pemilik tanah juga telah diberikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang. Tidak hadir. Batu Caves. Tidak hadir. Sg. Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Tuan Speaker, soalan 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : JAWATAN KONTRAK DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI (SUK)**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;

- a) Berapakah jumlah pegawai kontrak di pejabat SUK dan senaraikan mengikut jawatannya?
- b) Apakah kerajaan negeri berhasrat memberikan jawatan tetap kepada penjawat kontrak?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** *Bismillahir rahmannir rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada Sungai Panjang. Sungai Panjang bertanya tentang jumlah pegawai kontrak di pejabat SUK. Berdasarkan data perjawatan yang dikemas kini sehingga 2 Jun 2014. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mempunyai seramai 175 pegawai yang dilantik secara kontrak dan terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dan gred.

Perincian jumlah pegawai lantikan kontrak berkenaan mengikut jawatan dan bahagian atau seksyen atau unit adalah seperti di jadual berikut:-



1.	Pereka	-	1 orang
2.	Pegawai Ehwai Ekonomi	-	1 orang
3.	Penolong Pegawai Ehwai Ekonomi	-	4 orang
4.	Pegawai Teknologi Maklumat	-	2 orang
5.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	-	2 orang
6.	Pemandu Kenderaan	-	21 orang
7.	Juruteknik	-	2 orang
8.	Jurutera	-	3 orang
9.	Juruukur Bahan	-	1 orang
10.	Pembantu Teknik	-	1 orang
11.	Penolong Juruukur	-	1 orang
12.	Pegawai Undang-undang	-	1 orang
13.	Pegawai Khidmat Pelanggan	-	1 orang
14.	Pegawai Tadbir	-	16 orang
15.	Pembantu Am Pejabat	-	11 orang
16.	Pembantu Operasi	-	2 orang
17.	Pembantu Penguat kuasa	-	14 orang
18.	Pembantu Tadbir (Perkeranian Operasi)	-	46 orang
19.	Pembantu Tadbir Rendah	-	1 orang
20.	Penolong Pegawai Penguat kuasa	-	1 orang
21.	Penolong Pegawai Tadbir	-	19 orang
22.	Pekerja Am	-	4 orang
23.	Tukang K3	-	1 orang
24.	Pegawai Berita	-	1 orang
25.	Pembantu Belia dan Sukan	-	1 orang
26.	Penolong Pegawai Penerangan	-	1 orang
27.	Penolong Pegawai Perancang Bahasa	-	1 orang
28.	Akauntan	-	2 orang
29.	Pembantu Tadbir Kewangan	-	11 orang
30.	Penolong Akauntan	-	2 orang
31.	Penolong Juru Audit	-	1 orang

Jumlah keseluruhan 175. Pada dasarnya pentadbiran Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memberikan nilai tambah kepada aspek pembangunan kerjaya dan kebajikan anggota perkhidmatan awam yang berkhidmat di jabatan dan agensi kerajaan negeri meliputi anggota yang dilantik secara tetap, kontrak mahupun sambilan. Istilah menyerap masuk anggota lantikan kontrak ini kepada perjawatan tetap tidak wujud dan tidak dilaksanakan kerana urusan pelantikan ke jawatan tetap ini mempunyai prosedur yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa melantik PBM masing-masing dan perkara ini tertakluk kepada di bawah Perlembagaan Persekutuan. Dalam konteks pentadbiran Kerajaan Selangor PBM ini merangkumi pihak-pihak berkuasa berikut:-

Pertama, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPAN). Mereka ini bertanggungjawab melantik anggota tetap bagi mengisi waran perjawatan di jabatan dan agensi negeri kecuali Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan anak-anak syarikat kerajaan negeri.

Pihak Berkuasa Melantik (PBT) bertanggungjawab melantik anggota tetap bagi mengisi waran perjawatan di PBT masing-masing.

Ketiga, Badan Berkanun Negeri bertanggungjawab melantik anggota tetap bagi mengisi waran perjawatan di Badan Berkanun Negeri masing-masing.

Anak syarikat Kerajaan Negeri bertanggungjawab melantik anggota di tempat masing-masing. Jadi antara inisiatif yang telah dilaksanakan dalam membantu anggota lantikan kontrak ini untuk mendapat peluang di lantik ke jawatan tetap adalah seperti berikut:-

Pertama, memberi peluang kepada anggota kontrak yang telah lama berkhidmat sekurang-kurang 5 tahun dan berprestasi cemerlang untuk dipanggil ke sesi temu duga jawatan-jawatan yang bersesuaian. Faktor pengalaman dan pendedahan terhadap pengoperasian di jabatan agensi kerajaan sepatutnya memberikan kelebihan kepada mereka untuk dilantik ke jawatan tetap yang ditawarkan berbanding calon luar.

Kedua, mewujudkan perjawatan tetap tambahan berdasarkan justifikasi peluasan skop dan kompleksiti tugas yang sedia ada. Sekiranya permohonan penambahan perjawatan ini diluluskan maka urusan pelantikan ini dilaksanakan berdasarkan prosedur standard yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik dan anggota lantikan kontrak diberikan peluang sama rata berbanding calon lain untuk memohon mengisi jawatan-jawatan yang ditawarkan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Sg. Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Maknanya daripada seramai 175 orang pegawai kontrak tersebut memang tidak ada yang diserap secara tetap. 175 yang disebut tadi.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Ya, sebab itu yang saya jawabkan tadi. Di mana mereka ini Pihak Berkuasa Melantik maknanya SPAN, PBT, Badan Berkanun Negeri dan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri melihat di mana mereka yang ada ini yang ada di dalam kontrak ini apabila ada waran perjawatan, kekosongan katakan orang itu meninggal dunia ataupun dia pencen dan sebagainya maka mereka ini bolehlah diambil untuk dipertimbangkan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ada sesetengah pegawai-pegawai kontrak ini telah berkhidmat dengan Kerajaan Negeri melebihi 15 tahun. Malangnya mereka telah bekerja dan kita ambil mereka bekerja tapi apakah jaminan pada mereka bahawa mereka akan menjadi jaminan pekerjaan pada mereka sebab pada usia ini kalau mereka nak cari kerja payah jadi adakah insentif kenaikan pangkat diberikan kepada mereka dan mereka boleh terus berkhidmat di negeri Selangor.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Kalau mengikutkan apa yang disebutkan tadi mengikutkan skim sedia ada peluang bagi mereka untuk masuk ke dalam skim jawatan tetap ini adalah agak terhad. Itu yang saya dah kemukakan dalam jawapan tadi. Memang kita tahu itu ada di antara masalah tetapi waran perjawatan itu bergantung pada Persekutuan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Sg. Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Maknanya tidak ada apa-apa kelebihan kalau dia bekerja kontrak untuk dimasukkan nanti sekiranya ada kekosongan daripada segi perjawatan.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Prestasi, seperti yang saya sebutkan tadi, prestasi mereka ini akan diambil kira apabila mereka di temu duga. Sudah tentulah sekiranya mereka menunjukkan prestasi yang baik, budaya kerja yang bagus. Sudah tentulah mereka akan di rekomen oleh majikan mereka. Bahagian-bahagian mereka bekerja itu. Sudah tentu itu adalah satu *up* ataupun nilai tambah bagi mereka. Mereka adalah lebih peluang bagi mereka adalah lebih cerah kecuali kalau prestasi mereka tidak memuaskan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya nampak, saya nak tanya EXCO ini, adalah pekerja-pekerja kontrak ini saja di agensi-agensi kerajaan bukan yang kerja-kerja di SUK bukan kontrak? Saya.. yang setahu saya banyak yang kerja di SUK, Dewan ni pun ada banyak yang di bawah kontrak. So, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk atasi masalah ini dan tukar status mereka kepada pekerja kekal. Apa langkah diambil oleh Kerajaan.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Seperti yang saya sebutkan tadi untuk meng*upgred* ataupun menukarkan status kontrak mereka kepada perjawatan tetap itu terpulung kepada waran perjawatan sedia ada dan ini lah yang terhadnya. Jadi kita mencari kaedah yang lain untuk memastikan kebajikan mereka. Memang saya mengakui mungkin ada kegelisahan, atau pun mungkin kita rasa seolah kebajikan mereka ini tidak di ambil peduli oleh kerajaan tetapi ini yang kita, masalah yang kita hadapi selama ini dan sedikit sebanyaknya kita cuba memohon waran perjawatan ini daripada SPA.

**TUAN SPEAKER:** Telok Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih Puan Speaker, soalan saya 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELOK DATOK)**

**TAJUK: INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) DI DAERAH KUALA LANGAT**

43. Sila menyatakan lokasi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Daerah Kuala Langat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah sumbangan cukai pintu dan cukai tanah kepada Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga kini;
- b) Apakah infrastruktur asas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha IKS di Daerah Kuala Langat;
- c) Anggaran berapakah peluang pekerjaan disediakan dalam IKS di Daerah Kuala Langat

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Telok Datok. Tuan Speaker, Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat sedang dalam proses mengemas kini data-data berkaitan usahawan IKS di Daerah Kuala Langat. Oleh itu setakat ini data cukai berkaitan belum dapat diperolehi sehingga proses kemas kini selesai.

b) Antara infrastruktur asas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha IKS adalah seperti pembinaan Kedai PLB yang sehingga kini berjumlah 290 unit di seluruh Daerah Kuala Langat. Infrastruktur asas yang paling terbaharu adalah penubuhan Bazar Darul Ehsan yang sedang dalam proses ubah suai

sebelum diserahkan kepada operator yang telah dilantik. Seramai 14 orang usahawan terlibat di dalam Bazar Darul Ehsan ini yang mana 4 operator utama telah dilantik untuk beroperasi di dalam bangunan Bazar Darul Ehsan serta 10 orang usahawan di *kiosk* yang bakal ditempatkan di luar bangunan BDE ini di mana 5 daripadanya terdiri daripada usahawan belia berusia 35 tahun ke bawah.

c) Berdasarkan profil kampung Daerah Kuala Langat tahun 2013, terdapat 299 pengusaha IKS yang secara puratanya mempunyai pekerjaan, pekerja seramai 3 orang dan anggaran jumlah keseluruhan peluang pekerjaan adalah sekitar 800 orang.

Anggaran, *table* yang mungkin saya boleh kemukakan kepada Telok Datok tentang senarai nama kampung-kampung dan jumlah IKS serta anggaran pekerja yang sejumlah 36 kampung di seluruh Daerah Kuala Langat serta 299 IKS dan hampir 800 orang pekerja.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kalau lihat keterangan tadi, Y.B. EXCO ada menyatakan tentang asas yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri seperti kedai-kedai PLB dan juga Bazar Darul Ehsan. Ada 1 lagi kemudahan, saya rasa mungkin Yang Berhormat terlupa untuk menyatakan tadi iaitu ialah Pusat Pengumpulan IKS. Jadi di Kuala Langat, saya ingat ada 1 pusat ada di sana dan juga di Sepang juga 1. Sehingga kini ia bangunan itu wujud tetapi tidak dilaksanakan. Apa yang sebenarnya berlaku?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Tanjung Sepat. Ingin saya menjelaskan bahawa Pusat Pengumpulan IKS di Kuala Langat yang telah pun dimulakan oleh Yang Berhormat EXCO yang lepas, Kota Anggerik, kita tukarkan ataupun kita jenamakan sebagai Bazar Darul Ehsan. Ini yang saya sebut tadi. Tentang 1 lagi Pusat Pengumpulan IKS di Sepang, ia juga sedang dalam proses pengubahsuaian dan insya-Allah akan kita, akan beroperasi sekitar sama ada sebelum Hari Raya atau Ramadhan ataupun selepas Hari Raya. Insya-Allah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Puan Speaker. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan sumbangan cukai pintu, cukai tanah kepada Kerajaan Negeri sejak tahun 2008. Jawapan EXCO

tadi menyatakan tidak ada lagi *breakdown* ataupun statistik. Dah 6 tahun berlalu, takkan tak ada lagi statistik berkenaan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Dengkil. Soalan yang dikemukakan oleh Telok Datok adalah sumbangan cukai pintu dan cukai tanah Kerajaan Negeri untuk Kuala Langat. Jadi pihak Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat belum mengemas kini dan mereka sedang mengemas kini tentang data-data berkaitan dan insya-Allah sekiranya pihak Dengkil memerlukan, apabila telah selesai data tersebut kita boleh kemukakan kepada Dengkil. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya yang ke 44

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: WIFI SELANGORKU**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak lokasi *hotspot* WiFi Selangor sekarang?
- b) Siapakah syarikat pembekal perkhidmatan dan berapa banyak bayaran perlu dibayar?
- c) Berapa banyak kali perkhidmatan ini telah terputus sejak dilancarkan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kampung Tunku. Tuan Speaker, pada tahun 2013, dengan menggunakan peruntukan Geran Selangorku, Kerajaan Negeri Selangor telah mewujudkan lokasi perkhidmatan internet WiFi untuk Negeri Selangor sebanyak 112 lokasi di seluruh negeri dengan penempatan yang meliputi kawasan bandar dan luar bandar. Setiap DUN diperuntukkan sebanyak 2 lokasi. Bagi mengenal pasti kawasan terpilih, setiap DUN telah diminta untuk mengemukakan cadangan kepada *STANDCO* Sains, Teknologi dan Inovasi bagi memastikan semua mendapat kemudahan tersebut.

b) Syarikat yang dilantik untuk mengurus pemasangan dan penyediaan perkhidmatan internet percuma di bawah Program WiFi Selangorku ini adalah Syarikat Extol Corporation (M) Sdn. Bhd. Kos bagi menyediakan kemudahan WiFi Selangorku ini adalah sejumlah RM2,740,959.00 yang melibatkan sewaan kemudahan internet selama 2 tahun di 112 lokasi di seluruh Negeri Selangor dan

peruntukan ini dibiayai oleh Perbadanan Menteri Besar atau MBI menerusi Geran Selangorku.

c) Rumusan Laporan Purata Perkhidmatan WiFi Selangorku sejak diperkenalkan bermula dari April 2013 sehingga Mac 2014 adalah seperti berikut iaitu:

Sepanjang perkhidmatan WiFi Selangorku ini dilancarkan, sebanyak 70% perkhidmatan dapat dijalankan dengan lancar, manakala 30% perkhidmatan adalah tergendala. Perkhidmatan tergendala ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya:

- i) Kerosakan perkakasan iaitu 35%. Perkakasan seperti '*Access Point*' (AP), *Switch*, *POE Adapter*, *Modem ISP* mengalami kerosakan dan gagal berfungsi dengan baik. Dan kerosakan ini berlaku disebabkan seperti terkena pancaran kilat, arus berlebihan dan faktor cuaca.
- ii) Gangguan daripada Sektor ISP 30%. Talian perkhidmatan internet yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat ISP ialah mengalami gangguan teknikal seperti kabel gentian terputus. Kerosakan pada pancaran antena syarikat ISP juga penyebab kepada keadaan setempat tidak mendapat talian internet.
- iii) Pengguna 35%. Terdapat beberapa kes gangguan disebabkan oleh pengguna sendiri seperti menutup bekalan kuasa selepas waktu pejabat, tersalah pemasangan kedudukan kabel ketika membuat ubahsuai lokasi serta ada juga yang mengalihkan peralatan tanpa pengetahuan pihak DUN.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, mengapa kerajaan memilih hanya sebuah syarikat sahaja untuk menangani projek sebesar RM2 juta ini kerana saya lihat ada potensi untuk projek ini berkembang dan diluaskan ke lebih banyak tempat dan adalah kurang, kurang betul saya kira sekiranya hanya diberi kepada sebuah syarikat sahaja.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kampung Tunku. Untuk masa kini syarikat yang mengendalikan adalah diberi peluang selama 2 tahun iaitu daripada 2013 sehingga Disember 2014. Dan selepas ini dengan teknologi yang terkini mungkin kita akan mengenal pasti syarikat lain yang dapat memberikan teknologi yang lebih terkini untuk diguna pakai oleh pihak Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin juga meminta pendapat ataupun pertimbangan daripada kerajaan sama ada bolehkah atau tidak kerajaan mempertimbangkan cara pembiayaan yang berbeza daripada cara sekarang memandangkan sekarang ini kerajaan di bawah MBI mengeluarkan, memperuntukkan wang RM2 juta untuk membiayai projek ini. Tapi sekiranya projek ini sebenarnya boleh dilaksanakan secara *cross subsidi* iaitu kita meminta syarikat pembekal itu memberi perkhidmatan internet dan pada masa yang sama mereka yang akan menanggung segala kos di mana mereka akan mendapat pulangan melalui siaran iklan dan sebagainya. Saya rasa cara ini boleh dilaksanakan dan telah pun berjalan dengan berjaya di Pulau Pinang.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kampung Tunku di atas cadangan.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Adakah kerajaan bercadang untuk menambah lokasi untuk dipasang WiFi di tempat-tempat yang lain? Cadangan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Untuk penambahan lokasi WiFi ini selain daripada kita memberi peluang kepada pihak ADUN menukarkan lokasi-lokasi sedia ada yang tidak ataupun kurang mendapat liputan ataupun kurang berfungsi di kawasan masing-masing, kita juga memberi peluang kepada ADUN untuk menambahkan tetapi ianya menggunakan peruntukan ADUN untuk bayaran sewaan bulanan.

**TUAN SPEKAER:** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD. RIDWAN:** Puan Speaker, soalan No. 45

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: STATUS TANAH MASJID YANG DIWAKAFKAN**



45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah masjid di Selangor yang status tanahnya masih atas nama pewakaf dan belum dipindah milik sebagai tanah wakaf?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada Gombak Setia. Berkaitan dengan masjid Selangor yang status tanahnya masih atas nama pewakaf dan belum dipindah milik,

Pertama ialah di Klang sebanyak 17 lot tanah dengan keluasan 14,794, 14.7 ekar tapi hanya 5 yang masih daripada 12 lot 5 yang, daripada 17, 5 yang belum, masih lagi belum didaftar atas nama Majlis Agama Islam Selangor. Di Kuala Selangor, hanya 1 lot. Di Kuala Langat hanya 2 lot daripada 9. Di Sepang tidak ada. Yang lain-lain tidak ada. Jadi jumlah keseluruhan ialah 8 lot tanah yang masih belum dipindah milik, belum ditukar kepada nama MAIS, masih lagi nama pewakaf. 8 daripada 53 lot keseluruhan di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, Peraturan Tetap 24 (2).

**TUAN SPEAKER:** Ia, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya mengambil alih soalan No. 46.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: PADANG AWAM DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS  
PERBANDARAN SELAYANG**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membaik pulih beberapa padang awam di Taman Ehsan Kg. Desa Aman dan Bukit Rahman Putera?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, pada tahun 2014, MPS tidak dapat melaksanakan kerja-kerja membaik pulih ketiga-tiga padang tersebut iaitu padang di Taman Ehsan Kg. Desa Aman dan Bukit Rahman Putrajaya kerana tiada peruntukan. Untuk makluman, bajet bagi kerja membaik pulih padang bola ini dikongsi bersama dengan kerja-kerja membaik pulih peralatan permainan atau

rekreasi dan sehingga Jun 2014 ini, bajet bagi vot tersebut telah habis digunakan. Keutamaannya diberikan kepada kerja-kerja membaik pulih peralatan permainan kerosakan alatan tersebut boleh mengundang bahaya terutama kepada kanak-kanak. Walau bagaimanapun kos membaik pulih ketiga-tiga padang tersebut akan dimohon untuk kelulusan peruntukan tahun hadapan iaitu tahun 2015.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ia, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya sama ada Kerajaan Negeri akan mempunyai 1 peruntukan yang khas sekiranya PBT-PBT tidak ada kemampuan dari segi kewangan untuk menaik tarafkan padang rekreasi ataupun padang bola sepak memandangkan sekarang ada permintaan ataupun keperluan yang tinggi dalam kalangan komuniti tempatan itu?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, melainkan Majlis Daerah yang kurang kemampuan seperti Majlis Daerah Sabak Bernam dan Hulu Selangor, saya tidak nampak mana-mana majlis yang tidak memberi kemampuan untuk membaik pulih ataupun menaik taraf padang rekreasi ini. Walau bagaimanapun untuk tahun ini bagi kali pertamanya Kerajaan Negeri telah pun memperuntukkan 1 jumlah iaitu hampir RM17 juta untuk projek yang dipanggilkan sebagai projek Selangorku Sejahtera yang telah pun diturunkan kepada kesemua PBT untuk projek-projek yang diutama, yang penting tetapi di luar bajet PBT berkenaan. Jadi dengan harapan tahun akan datang, kita akan dapat meneruskan projek Selangorku Sejahtera ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan Ijok soalan 47.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK: JALAN-JALAN KAMPUNG**

47. Jalan-jalan kampung di kawasan Ijok masih dalam keadaan gelap gelita yang menimbulkan masalah keselamatan penduduk Ijok.
- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk menerangi jalan-jalan yang gelap ini?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker. Kerajaan Negeri mengguna pakai garis panduan yang digunakan oleh Jabatan Kerja Raya dalam program pemasangan lampu jalan. Di antara kriteria yang melayakkan lampu jalan dipasang adalah persimpangan-persimpangan jalan utama dan juga jalan-jalan utama. Syarat-syarat lain yang perlu dipatuhi adalah kapasiti trafik yang tinggi melebihi 40,000 kenderaan bagi jalan 4 lorong dan 20,000 kenderaan bagi jalan 2 lorong. Skala penempatan *settlement* di sepanjang jalan. Jumlah pejalan kaki, basikal dan motosikal yang tinggi di waktu malam, kelajuan 85 melebihi 70 km sejam. Jalan yang kerap berlaku kemalangan iaitu melebihi 3 kemalangan setahun dengan kadar kemalangan waktu malam adalah 1.3 kali kadar kemalangan waktu siang. Dengan itu Kerajaan Negeri menggalakkan Ketua-ketua Kampung hendaklah mengenal pasti keperluan pemasangan lampu jalan di kampung masing-masing dan memajukan permohonan tersebut kepada Unit Perancang Negeri Selangor melalui Pejabat Daerah untuk tujuan pemasangan bagi menerangi jalan-jalan yang gelap itu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ijok

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Birokrasi untuk memasang lampu-lampu pada jalan-jalan dikampung sangat lambat. Saya dapati banyak kemalangan telah berlaku. Adakah rancangan Kerajaan Selangor untuk menukar cara daripada cara konvensional TNB taruk kabel apa semua cara memasang lampu solar yang lebih terang dan lebih jimat *ecofriendly*.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih atas cadangan Ijok dan itulah antara perkara jugak yang di dalam perancangan kita yang melibatkan jumlah kos yang agak tinggi dan setakat ini peruntukannya pun tidak begitu besar. Bukan sahaja peruntukkan untuk pemasangan tetapi peruntukkan untuk penyelenggaraan bil pembayaran bil-bil dan sebagainya juga agak tinggi tetapi pun begitu kita akan melihat bahawa kewajaran menggunakan lampu solar dan sebagainya untuk keperluan kepada kawasan-kawasan desa terutamanya.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Ya Ijok

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Saya telah mulakan satu projek perintis di ijok. Kos itu saya ingat kalau kita ikut cara panjang murah sebab tak payah bayar elektrik bil dan tak payah nak pasang kabel. Dan kawasan-kawasan yang ceruk-ceruk dan di kampung-kampung boleh kita gunakan. Jadi saya ingat kerajaan boleh mengkaji cara kos panjang untuk memasang. Lampu seratus lebih kurang lima ribu sahaja. Sekian.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih kepada Ijok, perkara ini sudah kita lihat sebenarnya. Tetapi isu itu juga dihadapi terutama di kawasan desa adalah lampu-lampu ini juga terbuka kepada *vandalisme*....bukan *vandalisme* tetapi kerosakan-kerosakan yang dilakukan oleh monyet-monyet dan sebagainya. Saya kira di Ijok juga berlaku perkara ini Insya-Allah beberapa perkara akan kita ambil kira untuk tujuan kesejahteraan untuk seluruh rakyat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan saya soalan 48.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA FLAT-FLAT YANG TELAH  
USANG**

48. Dalam Sidang Dewan yang lalu EXCO Perumahan bersetuju untuk membangunkan semula flat rumah kos rendah Seksyen 16 Shah Alam.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan PKNS untuk membangunkan semula kawasan flat ini?
- b) Bilakah ia akan mula dilaksanakan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ADBUL SAMAD:** Terima kasih kepada Kota Anggerik. Inisiatif pembangunan semula rumah-rumah pangsa lama adalah satu usaha yang dilaksanakan oleh PKNS bagi membantu kerajaan negeri Selangor menaiktaraf rumah pangsa dari aspek kebersihan persekitaran kemudahan yang lebih baik dan ruang selesa yang sekali gus mewujudkan kualiti hidup penduduk yang lebih kondusif. Beberapa siri perbincangan telah diadakan diperingkat dalaman dan juga bersama ADUN kawasan bagi merancang beberapa perkara berkaitan pelaksanaan perancangan pembangunan semula tersebut. PKNS bersedia untuk melaksanakan projek ini dengan mendapat sokongan penuh dari persatuan penduduk dan juga kerjasama berterusan dari ADUN kawasan terbabit. Langkah seterusnya adalah untuk PKNS bersama ADUN mengadakan perbincangan bersama persatuan penduduk rumah pangsa terbabit bagi memberikan taklimat cadangan pembangunan dan juga mendapatkan maklumbalas samada mereka bersetuju atau tidak dengan cadangan pembangunan semula tersebut. Sepertimana yang saya telah bincangkan dengan YB bahawa PKNS hari ini sedang memulakan ataupun

sedang memulakan ataupun projek-projek rumah mampu milik mereka di beberapa tempat contohnya di Kota Puteri dan juga di Kg. Sri Temenggong di Gombak. Insyallah selepas ketiga-tiga projek ini berjalan dengan lancar maka PKNS akan mengadakan perbincangan yang selanjutnya dengan flat ataupun rumah pangsa kos rendah di seksyen 16 ini. Selain daripada itu ingin saya tegaskan di sini bahawa kerajaan negeri terbuka jika terdapat mana-mana pemaju yang ingin memajukan pangsapuri-pangsapuri kos rendah tetapi ianya berdasarkan kepada permodalan daripada pihak swasta dan pihak pemaju perlulah mengadakan rundingan dengan pangsapuri-pangsapuri tersebut. Malah pihak kerajaan negeri ataupun ADUN Ahli Dewan Negeri telah juga mendapat proposal-proposal dengan izin cadangan-cadangan daripada pemaju-pemaju untuk memajukan pangsapuri-pangsapuri kos rendah. Nasihat saya kepada pemaju-pemaju adalah untuk memulakan perbincangan dengan penduduk. Walau bagaimanapun dengan pemilik-pemilik pangsapuri tersebut. Walau bagaimanapun sebarang pembangunan mestilah mematuhi akan peraturan-peraturan perancangan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tambahan

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik dulu

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya harapkan supaya pihak PKNS ada satu *schedule* apa ni untuk pelaksanaan perkara tersebut sebab sebagai Wakil Rakyat saya sering ditanya oleh penduduk tempatan bila nak dilaksanakan dan hanya baru sekali bermesyuarat. Saya harapkan kalau ada "*job schedule*" yang jelas supaya Wakil Rakyat boleh membantu PKNS dan penduduk kawasan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ADBUL SAMAD:** Sepertimana yang saya ucapkan tadi bahawa *focus* sekarang adalah rumah mampu milik yang *new build* yang baru dibina. Setelah rumah-rumah tersebut di antaranya adalah kita telah mendapat , PKNS sedang mendapatkan Kebenaran Merancang dan ada di antaranya telah pun pergi ke tapak untuk dimulakan. Dan setelah perkara-perkara ini di selesaikan mungkin dalam masa akhir tahun...aaa....awal tahun hadapan maka kita akan PKNS akan *focus* kepada pembangunan semula. Kita selesaikan rumah-rumah mampu milik yang dibina daripada *scratch* ini dengan izin.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih. Kerajaan Negeri, adakah Kerajaan Negeri merancang untuk memperkenalkan dan menawarkan insentif-insentif tertentu kepada syarikat-syarikat supaya mencambah minat syarikat-syarikat swasta membangunkan rumah-rumah mampu milik samada daripada sifar ataupun membangun semula perumahan-perumahan lama. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ADBUL SAMAD:** Dalam mesyuarat jawatankuasa tetap perumahan minggu lepas kita telah membincangkan satu bentuk pembangunan yang baru di mana kita hendak membenarkan cadangannya lah hendak membenarkan satu pembangunan itu apa yang dipanggil sebagai *mix development*. Walaupun tanah tersebut adalah tanah kediaman satu cadangan akan dikemukakan kepada kerajaan negeri supaya dapat dibina komersial atau perniagaan di situ. Kenapa kita cadangkan ....dengan terhad dan ini kalau nak dibina komersial atau pun perniagaan di kawasan kediaman ianya tidak lebih daripada 2% daripada jumlah unit. Kalau lebih daripada itu mereka di situ akan di "charge" kadar cukai tanah perniagaan. Ini tidak adil bagi mereka. Jadi cadangan yang baru ini adalah supaya dapat dicampurkan agar boleh kita melaksanakan konsep iaitu apa yang dipanggil sebagai "*cross subsidy*"..."*cross subsidies*" bermakna perniagaan yang dibina itu akan "*cross subsidies*" kepada kediaman-kediaman yang .....,mungkin kediaman mampu milik yang akan dibina. Ini ia memberi satu insentif kepada pemaju untuk membangunkan kawasan-kawasan tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Permatang

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: CAJ PEMAJU PERUMAHAN**

49. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional kerajaan negeri mengenakan Caj Pembangunan untuk setiap projek pembangunan bagi disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?
- b) Berapa peratuskah caj pembangunan yang dikenakan bagi setiap projek pembangunan?
- c) Berapakah jumlah terkumpul sehingga kini untuk setiap PBT di Negeri Selangor?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan speaker rasional kerajaan negeri mengenakan Caj Pembangunan ialah supaya hasil yang dikutip dapat disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan pembangunan, menaik taraf dan membaik pulih kemudahan awam, infrastruktur dan lain-lain. Semua bayaran Caj

Pemajuan yang diterima dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Caj Pemajuan selaras dengan peruntukkan Seksyen 34(4) Akta yang sama.

Merujuk kepada kaedah-kaedah Caj Pemajuan 2010, Caj Pemajuan yang dikenakan adalah sebanyak 20% (bagi Majlis Daerah) dan 30% (bagi Majlis Perbandaran dan Bandaraya) daripada kenaikan nilai tanah akibat perubahan penggunaan tanah jika tiada pengubahan Rancangan Tempatan, Perubahan ketumpatan dan Perubahan luas lantai dengan adanya pengubahan Rancangan Tempatan, Perubahan ketumpatan dan Perubahan luas lantai dengan adanya pengubahan Rancangan Tempatan.

Bagi Majlis Bandaraya 30% x kenaikan Nilai Tanah. Bagi Majlis Perbandaran 30% kenaikan nilai tanah dan bagi Majlis Daerah 20% kenaikan nilai tanah.

Berikut adalah jumlah yang terkumpul sehingga kini untuk setiap PBT di Negeri Selangor:

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH(RM)</b>
1	MBSA	3,333,424.85
2	MBPJ	33,154,509.56
3	MPK	33,612,699.60
4	MPAJ	4,167,887,.45
5	MPSJ	26,611'903.50
6	MPS	20,559,803.48
7	MPKj	45,049,179.22
8	MPSp	20,748,560.32
9	MDKL	4,431,450.00
10	MDHS	1,584,950.00
11	MDKS	6,139,160.00
12	MDSB	1,500,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>200,893,527.98</b>

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Permatang

**Y.B .TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Pertama bilakah mula diperkenalkan caj pembangunan ini. Dan yang kedua apakah syarat yang mesti dibuat ....syarat wajib pada pemaju untuk membayar dan apakah kesannya pula kepada kenaikan harga rumah ataupun hartanah kerana adanya kenaikan ataupun berkenaan caj pembangunan ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, mengikut aa...ini adalah kaedah-kaedah caj tahun 2010. Telah pun dilaksanakan pada selepas itu , selepas dikuatkuasakan kaedah-kaedah ini. Dan dari segi kenaikan nilai...apa tu harga rumah sudah tentu dia ada kesan tetapi tidak ada kajian diadakan. Tetapi itu adalah penting kerana sekiranya tidak ada caj pembangunan ini rumah murah tetapi masalah kemudahan awam kemudian perlukan baikpulih dia memerlukan kewangan juga. Jadi sebenarnya Cuma duit tu dikumpulkan terlebih dahulu daripada kita nak naikkan cukai kemudian. Jadi kesannya sebenarnya sama, samada kita mengenakan cukai atau tidak tetapi dengan adanya peruntukkan ini dan adanya tabung ini maka lebih mudah bagi pihak berkuasa tempatan khususnya untuk menjalankan kerja-kerja membaikpulih atau pun menaiktaraf.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan sikit lagi

**TUAN SPEAKER:** Permatang

**YB. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Selama ini sebelum caj pembangunan ini dibuat kerja-kerja *maintenance* dengan izin, pengendalian dan sebagainya kawasan perumahan ini melalui cukai-cukai pintu dan juga cukai-cukai yang dibayar oleh penduduk jadi bukannya ini juga satu lagi bebanan yang diberi kepada pembeli penduduk kerana adanya kenaikan pertama akan melibatkan kenaikan rumah dan yang kedua juga hasil tadi menurut EXCO akan digunakan untuk membangunkan ataupun menjalankan penyelenggaraan dan sebagainya sedangkan pembeli sudah membayar cukai pintu, cukai pelbagai untuk melaksanakan kerja-kerja yang dimaksudkan tadi.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker kita mengambil iktibar daripada kegagalan pentadbiran Barisan Nasional dahulu kerana cukai pintu lama tidak dinaikkan kerana atas alasan politik dan juga tidak ada kewangan mencukupi menyebabkan rakyat amat tidak berpuas hati dengan kerajaan Barisan Nasional kerana banyak kemudahan infrastruktur tidak dapat diperbaiki kerana tidak ada kewangan. Cukai tidak naik, pungutan hasil lain tidak ada. Sebab itu apabila Pakatan Rakyat mengambil alih kita lihat kepada contoh, contoh di Kuala Lumpur bagaimana Kuala Lumpur melakukannya. Jadi kita ikut Ibu Kota kita. Ikut Ibu Kota yang berjaya melaksanakannya lebih jauh....lebih daripada....saya difahamkan lebih 10 tahun telah dikenakan caj kemajuan ini. Dan jika caj tidak kita kumpulkan ini kita tidak ada kewangan mencukupi...kita tidak ada hasil mencukupi untuk menaiktaraf infrastruktur. Kemudian kita kena naik cukai. Sama juga kesannya Cuma bila kita ada tabung ini kita pungut dahulu. Jadi bayar kemudian sekarang kita pungut dahulu. Jadi kita boleh buat bila-bila masa. Dan tak payah tunggu pungutan cukai kemudian yang mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk mendapatkan kewangan yang mencukupi bagi tujuan penambahbaikan dan juga tujuan penyelenggaraan ini.



**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Bolehkah EXCO beritahu berapa telah pun dikutipkan sekarang dengan caj pemaju perumahan

**TUAN SPEAKER:** Telah dijawab Sri Andalas, mengikut PBT tadi EXCO telah jawab.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Sudah

**TUAN SPEAKER:** Sudah

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker saya minta satu lagi

**TUAN SPEAKER:** Ya Permatang:

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bila perlaksanaan tadi...saya tak dapat nak tangkap tarikh mula dikuatkuasakan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya tidak ada tarikh kuatkuasa pada sekarang ini kerana ini tidak ada disebut dalam soalan tapi kaedahnya ditetapkan dalam tahun 2010.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Damansara Utama

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih tuan speaker, soalan no. 50

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: BIASISWA MENTERI BESAR**

50. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Biasiswa Menteri Besar akan ditawarkan seperti yang dijanji di Manifesto Pakatan Rakyat Selangor?
- b) Apakah status penubuhan biasiswa tersebut?

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Damansara Utama. Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam proses memuktamadkan segala perincian berkenaan Biasiswa Dato' Menteri Besar Selangor (BDMBS) antaranya mengujudkan satu dengan izin "trust fund" atau dana amanah, yang akan dipantau oleh Lembaga Pemegang Amanah serta Penubuhan Jawatankuasa Pemilihan akan dibentuk untuk mengendalikan Biasiswa Dato' Menteri Besar Selangor. Sekretariat dana amanah ini akan diletakkan di bawah Pejabat Menteri Besar atau Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI). Kami mensasarkan kumpulan penerima pertama yang akan menikmati peruntukan biasiswa ini pada bulan Januari 2015. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing

**Y.B TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih, Puan Speaker, Soalan 51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK : PERBELANJAAN STANDCO KAJIAN DAN PENYELIDIKAN**

51. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar : -

- a) Berapa jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan Kajian dan Penyelidikan?
- b) Senaraikan 5 kajian utama yang dilakukan sejak pentadbiran Pakatan Rakyat di Negeri Selangor?

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Speaker, setiap tahun Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM 2.5 juta bagi Kajian dan Penyelidikan di mana ianya adalah berdasarkan kepada keperluan untuk memperkasakan dasar-dasar kerajaan negeri dan kajian-kajian spesifik seperti Cadangan Program Pungutan Suara dan Pendapat Terhadap Pelaksanaan Projek Sambungan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya (KLJ) dan Kajian Geoteknikal dan Penilaian Risiko Geologi Rizab Gua Batu Caves, Selayang.

Peruntukan-peruntukan telah dibelanjakan bagi melaksanakan perkara-perkara seperti yang dinyatakan. Antara kajian yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

1. Tinjauan Berkala Sosio-Politik di Kalangan Rakyat Selangor 2010;
2. *Organization Investigative Study and Strategic Development Pilot Project;*

3. Kajian Pengubalan Undang-Undang Berkaitan Dengan Hak Tanah Orang Asli di Selangor;
4. Penyediaan Laporan Pencemaran *Influent* Kolam Udang Harimau;
5. Kajian / Pandangan (*Second Opinion*) Berhubung Projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKÉ);
6. Kajian Cadangan Pembentukan Dasar Belia Negeri Selangor;
7. Kajian Pengurusan Jeti di Negeri Selangor; dan
8. *Integrated Solid Waste Management Study*

Kajian-kajian yang dilaksanakan adalah menggunakan khidmat nasihat dari pelbagai universiti di Malaysia dan juga menggunakan khidmat perunding swasta yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan.

Selain daripada peruntukan di bawah Jawatankuasa Tetap Kajian dan Penyelidikan, Kerajaan Negeri Selangor juga turut memberi geran penyelidikan sebanyak RM 5.8 juta kepada UNISEL dan KUIS bermula dari tahun 2009 sehingga 2012 dalam membangunkan bidang penyelidikan yang menjadi tumpuan kepada institusi yang berkenaan.

5 Kajian utama yang dilakukan sejak pentadbiran Pakatan Rakyat di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

1. Kajian di dalam bidang Teknologi Hijau, '*Green Chemistry*', Industri Bioteknologi;
2. Cadangan Program Pungutan Suara dan Pendapat Terhadap Pelaksanaan Projek Sambungan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya (KLJ);
3. Penyediaan Kajian Kediaman Mampu Milik di Kawasan Lembah Klang;
4. Kajian Saintifik Permatang Kuartza Genting Kelang Sebagai Tapak Warisan Geologi Kebangsaan dan Tapak Warisan Dunia;
5. Kajian Geoteknikal dan Penilaian Risiko Geologi Rezab Gua Batu Caves, Selayang untuk Kerajaan Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih, Puan Speaker. Adakah kajian-kajian yang dilakukan menggunakan Dana Kerajaan ini. Adakah orang awam boleh mengakses kajian hasil laporan kajian ini.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Bergantung kepada keadaan sebab sekiranya dia memerlukan diperlukan tidak ada masalah untuk diberikan akses kepada orang ramai.

**Y.B PUAN YEO BEE YIN:** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:** Ya, Damansara Utama

**Y.B PUAN YEO BEE YIN:** Adakah laporan kajian ini akan dibentangkan kepada ADUN-ADUN.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Speaker, tidak ada peruntukan yang mana yang kajian-kajian untuk tujuan pentadbiran perlu dibentangkan dewan ini. Tetapi sekiranya kajian itu berkenaan dengan kawasan Yang Berhormat dan perlu dalam tugas Yang Berhormat, permohonan boleh dibuat tidak ada masalah kerana kajian ini sebenarnya tidak melibatkan perkara-perkara yang rahsia tapi memang tidak ada menjadi amalan bahawa semua kajian mesti dibentangkan di dewan ini.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Berapa kekerapan kajian berkaitan prestasi Kerajaan Negeri yang diadakan setiap tahun dan kos setiap kajian tersebut.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Buat masa ini tidak ada, Puan Speaker, tidak ada kajian dibuat terhadap persembahan Kerajaan Negeri Selangor yang dibuat selama ini tidak ada dan hanya sekarang ini mulai tahun ini Kerajaan Negeri telah pun melantik Merdeka Centre untuk menjalankan kajian ke atas kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada oleh PBT iaitu 8 (lapan) Majlis Perbandaran dan Majlis Bandar raya terlibat dan laporan yang pertama dijangkakan akan siap pada Julai tahun ini dan dalam rancangan Kerajaan Negeri kita akan menjalankan kajian ini atau "survey" ini setiap 6 (enam) bulan untuk mempertingkatkan persembahan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Kos yang melibatkan kajian tersebut.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Untuk kos itu saya perlukan notis tapi dalam apa itu kos itu adalah satu kos yang munasabah. Saya akan berikan jawapan bertulis tentang kos yang dibelanjakan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Puan Speaker, nombor 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(SERI SERDANG)**

**TAJUK : SKIM KESIHATAN WANITA**

52. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar : -

- a) Sejauh manakah program kempen 1 juta Wanita Selangor Sihat telah dilaksanakan dan apakah kayu ukur untuk kita kenal pasti bahawa program ini telah berjaya?

**Y.B PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Puan Speaker, Seri Serdang bertanyakan tentang sejauh manakah Program 1 juta Wanita Sihat telah dapat dilaksanakan dan apakah kayu ukurnya. Untuk makluman dewan yang mulia ini, Skim Kesihatan Wanita merupakan satu inisiatif dan keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan kesejahteraan wanita Selangor terhadap risiko kanser payudara dan seterusnya memberi peluang kepada golongan wanita Selangor menjalani pemeriksaan mamogram secara percuma.

Untuk ini sebenarnya program kempen ini telah pun giat dijalankan dan setiap bulan diminta untuk menghantarkan wakil maknanya DUN yang diminta untuk menghantarkan wakil sebanyak 30 peserta setiap kali pemeriksaan. Untuk mengatakan apakah kayu ukur kejayaan ini sehingga kini daripada tahun 2013 dan 2014, 18,545 orang telah menerima manfaat daripada program dan skim ini, tetapi tahun ini kita tambahkan pula program ini bukan sekadar mamogram tetapi ianya program "*pap smear*" bersekali dengan program ini untuk risiko kanser rahim untuk wanita. Jadi macam mana nak ukur kejayaan, ini adalah satu penglibatan wanita hadir ke program-program ini adalah kayu ukurannya. Sasaran Kerajaan Negeri adalah setiap DUN perlu menghantar minima 400 peserta setiap tahun. Jadi untuk ini setiap ADUN diberikan paling kurang 1 bulan 30, ya, 30 peserta untuk hadir ke program ini minima.

Yang keduanya, tentang kesedaran wanita tersebut, kita lihat rata-rata wanita yang telah menghadiri program-program ataupun pemeriksaan ini telah mula berlakunya

kesedaran dan untuk itu mereka meneruskan pemeriksaan berkala setiap bulan di rumah.

Yang ketiganya, kayu ukur yang dinyatakan adalah untuk memastikan wanita yang telah pun dikesan berisiko itu dapat kita rujuk secara terus ke rawatan lanjutan di hospital-hospital tertentu.

Yang keempatnya, paling penting adalah kebajikan dari aspek sokongan moral bagi wanita-wanita yang telah pun dikesan kanser itu dapat diberikan oleh pihak-pihak yang telah dikenal pasti iaitu NGO-NGO memberikan sokongan supaya mereka dapat menghadapi masalah yang dihadapi itu iaitu kanser itu dengan keadaan yang tenang.

Jadi untuk Seri Serdang, telah pun menghantar tahun ini sebanyak sehingga tahun ini iaitu 273 peserta yang melibatkan kos sebanyak RM 26,355 untuk yang lain saya terpaksa bagi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang, dulu.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih dan ingin bertanya kepada pihak EXCO, adakah EXCO Bahagian Kebajikan Wanita bercadang untuk memberi sedikit token kepada Ibu Tunggal yang berdaftar sebagai tanda inisiatif mereka untuk melibatkan pembangunan wanita di Negeri Selangor.

**Y.B PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya tak pasti apa inisiatif yang disebut oleh Seri Serdang, tetapi kita sebenarnya isu yang berkaitan dengan Ibu Tunggal ini kalau mereka ini kebetulan hadir ke dalam program Skim Kesihatan Wanita, disinilah peluang untuk memastikan kebajikan bukan sekadar kesihatan kita akan perpanjangkan jika mereka mempunyai masalah-masalah lain selain daripada masalah kesihatan yang dinyatakan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor tentang skim-skim kesihatan untuk wanita, tetapi saya nak tanya di sini adakah rancangan untuk kerajaan untuk mencegah kanser serviks, selain daripada membuat "*pap smear*" iaitu "*designation*" kepada anak-anak muda, wanita kita di sekolah untuk mencegah kanser servik.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Ijok, sebenarnya program itu telah pun dilaksanakan oleh pihak dengan bantuan Jabatan Kesihatan dan pihak sekolah dan ianya dilaksanakan secara berkala di semua sekolah-sekolah

di seluruh Malaysia. Jadi pada saya kesedaran itu memang berterusan dan sebenarnya bila Kerajaan Negeri menggabungkan program mammogram dengan servik kanser ini adalah untuk memastikan kesedaran awal itu timbul. Jadi bila adanya, sekarang ini masalah kesedaran ini adalah di kalangan yang agak dewasa bukannya kanak-kanak, jadi program ini perlu ditekankan kepada wanita yang telah pun lepasan sekolah tetapi untuk sekolah kita memang ada 1 program khas iaitu gabungan dengan Jabatan Kesihatan untuk memberikan kesedaran untuk mendapatkan suntikan ini.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Ha... untuk mendapatkan keberkesanan yang baik kita kena beri "*designation*" ini kepada budak-budak di sekolah bermakna sebelum mereka di *expose* kepada luar iaitu umur 12 ke 15 tahun.

**TUAN SPEAKER:** Yang itu soalan ker cadangan, Yang Berhormat Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Itu soalan saya ingat kita kena alih kepada pencegahan kepada budak-budak di sekolah. Sekian.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Itu pandangan dan saya telah jawab bahawa itu adalah satu program khas yang dibuat bersama Kementerian Kesihatan dengan sekolah-sekolah. Insya-Allah itu akan diambil maklum. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Puan Speaker, soalan saya nombor 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN ROZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PEMERIKSAAN PERPUSTAKAAN DAERAH & PUSAT SUMBER**

53. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar : -

- a) Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk memperkasakan Perpustakaan Daerah di seluruh Negeri Selangor?
- b) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menjadikan masjid-masjid sebagai pusat sumber kepada masyarakat? Jika ada sila nyatakan perancangan itu.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** *Bismillahir rahmannir rahim.* Terima kasih Puan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Dusun Tua.

Tindakan yang telah diambil untuk memperkasakan perpustakaan Daerah di Negeri Selangor ialah:

1. Misi mengarusperdanakan perpustakaan sebagai Pusat Pembangunan Komuniti Tempatan di Selangor;
2. Penjenamaan semula bangunan-bangunan perpustakaan fasa demi fasa. Perpustakaan kini telah dimartabatkan untuk menjadi hub ilmuan, hub pendidikan dan Pusat Tumpuan Komuniti atau "*Community Centric*" dengan izin dengan konsep Penjenamaan Semula Perpustakaan "*rebranding*" dan Perpustakaan sebagai Rumah Kedua Ku "*Library My Second Home*" dengan izin.

Matlamat utama adalah bagi membantu kerajaan mengilmukan rakyat dan merakyatkan ilmu bagi mengurangkan kadar jenayah dan gejala sosial. Bermula pada tahun 2009, bangunan-bangunan perpustakaan mula di jenama dengan jenama semula dengan konsep yang lebih menarik melibatkan:-

- a) Buku-buku dan bahan penyelidikan terkini (termasuk pembangunan koleksi bahasa Cina dan Tamil di sebahagian perpustakaan yang di jenama semula);
- b) Infrastruktur;
- c) Ruang bacaan yang lebih santai;
- d) Perabot yang serba moden;
- e) Perkhidmatan multimedia;
- f) Internet dan wifi percuma;
- g) Pusat siber rakyat;
- h) Kemudahan kafeteria dan surau serta tandas yang bersih.

Berikut adalah perpustakaan komuniti yang ditubuh bermula dari tahun 2010 dan telah mengalami perubahan melalui penjenamaan semula perpustakaan:



BIL.	PERPUSTAKAAN	TARIKH OPERASI
1.	Perpustakaan Pekan Semenyih, Hulu Langat	15 Mac 2010
2.	Perpustakaan Komuniti Bukit Beruntung, Hulu Selangor	14 April 2010
3.	Perpustakaan Komuniti Taman Seri Manja, Petaling Jaya	18 Oktober 2010
4.	Perpustakaan Komuniti Seri Perantau, Pelabuhan Klang	31 Mei 2011
5.	Perpustakaan Komuniti Ampang Waterfront, Hulu Langat	17 Oktober 2011
6.	Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya, Ampang	9 Jun 2012
7.	Perpustakaan Komuniti Kajang	21 Februari 2013
8.	Perpustakaan Komuniti Rawang	24 Mac 2013
9.	Perpustakaan Komuniti Lembah Jaya	Akan dibuka
10.	Perpustakaan Komuniti Sungai Udang, Klang	Akan dibuka
11.	Perpustakaan Komuniti Sg. Pelek, Sepang	Akan dibuka

Pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menyenaraikan beberapa tindakan berikut untuk memperkasakan perkhidmatan perpustakaan daerah. Antaranya:-

1. Kempen keahlian ke sekolah-sekolah / tadika berdekatan (setiap bulan);
2. Menyertai karnival / program yang dianjurkan oleh jabatan lain;
3. Mempergiatkan pinjaman berkelompok (setiap bulan);
4. Hari bertemu pelanggan diperluaskan ke peringkat cawangan, pekan dan desa (1 kali setahun – Bulan November);
5. Anugerah peminjam terbanyak di semua peringkat;
6. Sambutan Hari Perpustakaan (Bulan Oktober);
7. Bulan Pengampunan : Bayaran denda dikurangkan iaitu bulan Jun;
8. Promosi Pusat Siber Rakyat dan perkhidmatan IT Jabatan Kerajaan dan Sekolah-sekolah;
9. Peserta lawatan diwajibkan mendaftar sebagai ahli perpustakaan.

b) Perpustakaan ini telah memberi perkhidmatan meliputi semua keperluan pembacaan, pembelajaran, penyelidikan dan rujukan serta perkhidmatan IT.

Hampir keseluruhan kemudahan perpustakaan ini dibina berhampiran dengan pusat komuniti dan kemudahan awam seperti balai raya, sekolah, klinik, perumahan dan termasuklah masjid.

Perpustakaan belum bercadang untuk mengadakan perkhidmatan perpustakaan di dalam masjid memandangkan ianya telah mempunyai sudut bacaan dan mini perpustakaan yang tersendiri.

Namun begitu, perpustakaan sentiasa bersedia membantu menyumbangkan buku-buku melalui permohonan yang diterima termasuklah sumbangan buku-buku melalui permohonan yang diterima termasuklah sumbangan buku untuk masjid tersebut. Perpustakaan juga menyediakan perkhidmatan pinjaman berkelompok dan aktiviti galakan membaca sebagai aktiviti tambahan masjid.

Soalan Tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burung.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ucapkan tahniahlah dalam usaha-usaha untuk memperkasakan perpustakaan daerah di seluruh negeri Selangor. Tapi walau bagaimanapun, saya perhatikan ada dua (2) daerah lagi yang belum diberi perhatian iaitu daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Saya ingin bertanya bilakah perpustakaan dua (2) daerah ini akan dipertingkatkan dia punya keupayaannya. Disamping itu juga saya melihat bahawa satu aspek yang penting dari segi perpustakaan ialah maklumat daripada multimedia. Sejauh manakah usaha untuk mempertingkatkan multimedia dari segi keupayaan jalur lebar pertama di kawasan-kawasan luar bandar yang kita dapati memang kekurangan ada masalah tentang penggunaan multimedia ataupun Internet ini. Jadi sama ada di kawasan-kawasan berikut di daerah berkenaan akan diadakan, orang kata wifi membolehkan akses kepada Internet yang lebih baik.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Sungai Burung yang telah sangat prihatin tentang penggunaan perpustakaan dan insya Allah saya akan lebih maklum yang disebutkan oleh Sungai Burung dan sudah tentu Kuala Selangor tidak ketinggalan begitu juga di bahagian luar-luar bandar yang lain.

Yang kedua tentang langkah kerajaan untuk memastikan *wifi* percuma, maklumat multimedia dan sebagainya sampai kepada kawasan luar Bandar insya-Allah bersama dengan STANDCO Inovasi, Inovasi insya-Allah STANDCO Inovasi ada mempunyai perancangan sendirinya kerana *synergy* kita di mana STANDCO

Inovasi ini bersama dengan perpustakaan mewujudkan Pusat *Cyber* Rakyat, jadi kelajuan jalur lebar dan sebagainya insya-Allah akan diambil kira dan kita mengharapkan insya-Allah akan terbaik, lebih baik daripada yang ada sekarang ini khususnya di kawasan di luar bandar. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burung.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tambah sikit, yang pertama tadi tu Kuala Selangor bagaimana pula Sabak Bernam, itu tak jawab lagi tadi Kuala Selangor sahaja. Yang keduanya tu yang saya maksudkan multimedia yang perlukan peningkatan wifi ini ialah di perpustakaan daerah berkenaan.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Ya, yang kedua tadi perpustakaan memang di perpustakaan itu sendiri ada karbolarasi bersama dengan *STANDCO* Inovasi itu yang dimaksudkan. Pusat *Cyber* Rakyat adalah bersama, dua *STANDCO* ini bersama.

Yang kedua, Sabak Bernam sudah tentulah ia juga adalah tumpuan insya-Allah dalam perkembangan pemerkasaan perpustakaan seluruh negeri Selangor, insya-Allah.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk penetapan sesebuah perpustakaan daerah atau pun komuniti itu tersebut sama ada berdasarkan populasi atau pun berdasarkan rancangan yang ditetapkan oleh kerajaan persekutuan atau pun kerajaan negeri dan sama ada kerajaan mempunyai satu peruntukan khas sekiranya ada pihak swasta yang ingin menyumbangkan premis untuk dijadikan sesebuah perpustakaan itu.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Sejujurnya, dana untuk perpustakaan ini agak terhad, jadi kita mengalu-alukan sekiranya ada sumbangan korporat *sosio responbility* dari mana-mana pihak sama ada nak menyumbangkan premis atau pun bahan bacaan atau pun ada sumber-sumber ilmu yang lain, kita memang mengalu-alukan. Bagaimana perpustakaan membuat keputusan sama ada mewujudkan sesuatu perpustakaan di desa atau di pekan tersebut bergantung kepada keperluan dan permintaan komuniti setempat dan sudah tentulah dengan perancangan setempat juga. Jadi semuanya diambil kira, yang paling penting tadi kita juga mempunyai dana terhad tersebut jadi kita melihat mana *piority*, mana yang paling atau top *piority*. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Bagaimana dengan kawasan yang memerlukan tambahan perpustakaan tetapi tidak mempunyai premis diwujudkan perpustakaan bergerak di kawasan tersebut.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI :** Itu memang adalah salah satu daripada cara kita menampungkan keperluan perpustakaan atau pusat ilmu. Dan ia memang sudah pun digunakan tapi dalam jumlah yang terhad dan insya-Allah kita merancang untuk menambahkan lagi perpustakaan bergerak ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Di manakah perpustakaan tersebut diadakan, perpustakaan bergerak yang sedia wujud itu.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI :** Untuk makluman Yang Berhormat, van yang dijadikan perpustakaan bergerak itu ditempatkan di HQ atau di Seksyen 13 di Ratu Shah Alam dan agak uzur, sudah lama dan sudah tentulah kita memerlukan yang lebih baik untuk pergi ke luar-luar Bandar, naik bukit dan sebagainya. Sebab itulah tempat yang paling memerlukan khidmat perpustakaan bergerak ini. Insya-Allah semuanya boleh dengan kita mempunyai wang yang cukup insya-Allah.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 54.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN DESA**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Pembangunan Desa merupakan perkara yang menjadi fokus utama dalam tempoh lima tahun penggal kedua kerajaan Selangor. Apakah status rancangan Pembangunan Desa ini?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Taman Medan. Berhubung kait dengan fokus utama dalam pembangunan desa untuk lima tahun yang akan datang. Pembangunan Desa telah diperuntukkan untuk lima tahun ini dengan RM50 juta untuk dibelanjakan dan pada ketika ini Kerajaan Negeri telah

menjalankan program kemahiran teknikal belia desa yang melibatkan belia-belia luar bandar fasa demi fasa untuk mengikuti kursus kemahiran di dalam bidang pendawaian elektrik dan penyaman udara. Yang sama belia-belia juga akan dilatih secara fasa demi fasa juga program secara berkelompok untuk pembangunan ekonomi berasaskan kepada pemilihan-pemilihan program terutama sekali dalam bidang pertanian bagi jenis-jenis pertanian program berkelompok bagi pasaran yang baik dan berdaya saing seperti sama dan program pemeliharaan lebah kelulut dan sebagainya. Dalam masa yang sama juga, Kerajaan Negeri telah menerima beberapa cadangan dan dalam fasa melaksanakan cadangan-cadangan dan *proposal-proposal* yang telah dikemukakan oleh komuniti-komuniti kampung-kampung melalui program Kenali Kampung Ku yang telah dilaksanakan dan sedang dilaksanakan untuk meneliti bahawa program-program yang dicadangkan itu benar-benar satu program yang memberi manfaat kepada masyarakat di komuniti di kampung tersebut terutamanya ialah untuk maksud pembangunan ekonomi bagi penduduk kampung tersebut.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Adakah telah disiapkan satu *blue print* berkaitan dengan pembangunan desa untuk tempoh lima tahun yang akan datang. Siapakah yang berada di dalam panel atau pun lembaga yang akan memastikan rancangan pembangunan desa ini dilaksanakan mengikut *blue print* tersebut.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Pembangunan Desa ini diketuai oleh Tan Sri Menteri Besar sendiri sebagai Pengerusi dan juga melibatkan beberapa orang EXCO yang terlibat dalam pembangunan desa termasuk EXCO kemiskinan dan industri. Ia juga melibatkan kepada semua pegawai-pegawai daerah yang terlibat dalam pasukan rangka lima tahun pembangunan desa akan berjalan.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya apakah, kawasan manakah menjadi pilot, projek kepada kawasan ini atau adakah menyeluruh dan apakah kayu pengukur kepada kejayaan program ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Kita memilih dalam program ini, dalam Kenali Kampung Ku terutama sekali kita memilih lebih kurang 20 kampung tetapi untuk permulaan kita melihat beberapa kampung yang kita akan laksanakan

terutama di Sabak Bernam dan juga di Hulu Selangor. Dan tentunya pencapaian dalam pembangunan desa ini ialah kayu ukurnya kita dapat memastikan program ini mampu untuk meningkatkan pendapatan masyarakat kampung maka itu menjadi penilaian yang paling penting dari sudut pendapatan bulanan mereka. Namun kita juga percaya bahawa kegagalan banyak program sebelum daripada ini ialah kerana masalah sikap dalam pelaksanaan dalam pengurusan program ini. Jadi apa yang untuk fasa yang pertama ini yang paling penting untuk kita buat dalam banyak program pembangunan desa ini ialah tentang pengurusan sikap itu sendiri supaya mereka yang terlibat ini benar-benar mempunyai satu disiplin dan fokus yang tinggi untuk menjayakan program.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burung.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker,. Saya ingin bertanya tentang pemilihan kawasan-kawasan kampung-kampung mengikut daerah di Sabak Bernam dan Hulu Selangor yang telah dipilih sebagai pilot projek ini. Boleh tak nyatakan kampung-kampung mana atau pun kampung tertentu yang dipilih dalam projek pilot ini.

Yang kedua, cara *model super randy* ini saya ingin bertanya sama ada ia melibatkan, sejauh mana ia melibatkan *institution* kampung seperti JKK, institusi kepimpinan di peringkat kampung.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih. Kampung antara kampung yang kita beri fokus di Sabak Bernam terutama ialah Kampung Banting di Sabak Bernam dan beberapa kampung lain yang kita pilih seperti di Sungai Lang di Sabak Bernam juga menjadi fokus dalam pemilihan untuk kita bangunkan kampung ini dalam program pembangunan desa. Saya tanya apa soalan kedua tadi.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Hulu Selangor itu di Sabak Bernam, sebab dua tadi dipilih, satu Sabak Bernam dan Hulu Selangor, yang kampung di Hulu Selangor kampung apa yang pilih.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Saya tak ingat nama kampung tapi saya perlu *later* untuk beri jawapan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Institusi desa.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Ya, ya, sudah tentulah ini membabitkan secara langsung satu jawatankuasa yang paling bawah dalam struktur organisasi kerajaan iaitu lah JKK sendiri. Sebab itu dalam program untuk memberi fokus kepada pembangunan desa ini, kita telah fokus dahulu kepada JKK sebab itu program Kenali Kampung Ku ini memberi fokus khusus kepada JKK supaya JKK sendiri mesti mempunyai satu organisasi kefahaman yang tersusun dan kefahaman

sikap yang baik dalam menerima program-program pembangunan desa ini sebab ini menjadi asas yang paling penting bagi memacu ataupun menjayakan program pembangunan desa di peringkat yang paling bawah.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, Peraturan Tetap 24 (2). Saya ingin mengambil alih soalan No. 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PEMBENIHAN AWAN**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah '*The Royal Rainmaking Technology*'?
- b) Apakah teknologi dari Thailand ini tidak sama dengan teknologi pembenihan awan yang dilakukan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, sekarang ini?

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : OPERASI PEMBENIHAN AWAN**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah operasi pembenihan awan yang dilakukan di kawasan tadahan air Empangan Sg. Selangor mengikut bulan pada tahun 2014.
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk operasi pembenihan awan jika musim kemarau terus melanda Selangor pada separuh kedua tahun ini.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya menjawab bersekali dengan soalan nombor 57. '*The Royal Rainmaking Technology*' adalah teknologi ataupun kaedah yang digunakan oleh *Royal Rainmaking and Agriculture Aviation Department* di Thailand untuk melakukan pembenihan awan di negara tersebut. Kaedah yang digunakan oleh negara Thailand adalah berbeza dan lebih maju berbanding di Malaysia yang hanya menggunakan kaedah *hydrosopic flare* yang mana *flare* akan dibakar dan menghasilkan *particle* halus untuk bertindak

balas apabila wujudnya awan kumulus yang seterusnya akan menghasilkan hujan. Manakala teknik perubahan cuaca ataupun *radar notification* digunakan oleh negara Thailand bagi operasi pembenihan awan di Thailand dikenali sebagai teknik *sandwich* yang mana menggunakan pelbagai bahan, ais kering, *sodium chloride*, *calcium chloride* dan lain-lain lagi pada *attitude* ketinggian yang berbeza-beza. Beberapa kapal terbang akan diperlukan untuk menjalankan operasi pembenihan awan tersebut secara serentak bagi meningkatkan keberkesanan operasi pembenihan awan. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) telah melaksanakan operasi pembenihan awan di kawasan tadahan empangan Sungai Selangor. Jumlah operasi pembenihan awan yang dijalankan di kawasan tadahan air Empangan Air Sungai Selangor sahaja sehingga 31 Mei 2014 adalah sebanyak 37 kali. Perincian mengikut bulan ialah seperti di dalam jadual yang saya sebutkan ini. Bulan Mac bilangan operasi pembenihan awan, sebanyak 5 kali, April 17 kali, Mei 15 kali, Jun, sehingga 11 Jun ini, 11 kali dengan jumlah 39 kali bilangan operasi pembenihan awan. Berdasarkan ramalan adalah dijangkakan keadaan cuaca panas dan kering berlanjutan sehingga hujung tahun bermula Jun berikutan Fenomena *El-Nino*. Sehubungan itu, pihak LUAS akan terus menjalankan operasi pembenihan awan sehingga hujung tahun ini dengan kerjasama pihak Jabatan Meteorologi Malaysia tertakluk kepada kesesuaian cuaca. Pihak LUAS juga mengambil inisiatif untuk menambah baik kaedah pembenihan awan ini yang dijalankan secara mendapat pandangan teknikal pakar operasi pembenihan awan daripada Jabatan Penerbangan untuk Penghasilan Hujan Dan Pertanian DiRaja Thailand ataupun *Department of Royal Rainmaking and Agriculture Aviation Thailand*. Cadangan penggunaan kombinasi seperti bahan ini seperti ais kering, dan butiran garam halus di dalam peringkat pelaksanaan untuk yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan operasi pembenihan awan. Ia tertakluk kepada kebolehdapatan peralatan-peralatan yang diperlukan di dalam negara pada masa ini. Di samping itu Kerajaan Negeri Selangor juga sedang mewujudkan kerjasama dengan jabatan tersebut bagi meningkatkan atau pemindahan teknologi yang digunakan yang mana telah dipatenkan yang mampu meningkatkan penghasilan hujan di kawasan tadahan air empangan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Untuk kesemua 39 kali pembenihan awan tu ada tak itu digunakan dengan teknik maksudnya dengan teknologi yang sama yang *Royal Rainmaking* tu dan berapa kos yang terlibat untuk semua operasi pembenihan awan?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Jumlah 39 bilangan operasi pembenihan awan ni adalah operasi yang dilakukan secara konvensional yang dilakukan di negara kita dan untuk jumlah kos yang terlibat saya tidak mempunyai



data pada masa ini dan saya akan berikan kepada Yang Berhormat Rawang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan tambahan. Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Daripada operasi yang dijalankan itu, saya ingin tahu sejauh manakah keberkesanan dari segi meningkatkan keupayaan takungan air tu menerima hujan dan di samping itu dalam keadaan *El-Nino* ni, sebab keadaan kering, kemungkinannya tidak ada awan ya. Jadi kita menjangkakan kalau adakah sudah dijangkakan apakah langkah-langkah operasi yang boleh lebih berkesan sekiranya tidak ada awan ini wujud pada masa tersebut.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sungai Burong. Daripada kaedah yang biasa dilakukan, seperti mana yang saya katakan tadi 39 kaedah yang dilakukan di kawasan tadahan air Empangan Air Sungai Selangor, saya kira daripada segi hasilnya tidak begitu menggalakkan. Kita bermula apabila paras empangan Sungai Selangor yang rendah, pada masa ini pun kita masih berada pada paras 43.79%. Bermakna dengan 39 kali bilangan operasi ini pun dia tidak mendatangkan hasil yang baik. Sebab itulah antara perancangan kita apabila, kaedah ini tidak boleh dilakukan waktu panas seperti pada masa ini yang mana tidak ada awan kumulus itu sebab itu lah kita memikirkan bahawa kaedah *Royal Rainmaking* ini dapat dilakukan waktu musim panas dengan teknologi itu dan ini lah di antara usaha kita di samping mana seperti mana saya menjawab pada semalam untuk meningkatkan jumlah sumber air waktu kita menghadapi *El-Nino* ataupun musim kering ini kita telah berusaha untuk menggunakan kolam-kolam takungan bekas-bekas lombong untuk kita simpan air dan daripada pengurusan penggunaan air daripada empangan dan kolam ini kita menjangka bahawa kita dapat menggunakan sumber ini sehingga dalam 4 hingga 5 bulan daripada sekarang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya apakah projek pembenihan awan ni dilaksanakan oleh syarikat luar dan demi memastikan tiada pembaziran berlaku apakah Kerajaan Negeri telah berbincang dengan Kerajaan Persekutuan serta agensi-agensi yang terlibat demi keberkesanan pembenihan awan ni. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Kerajaan Negeri telah secara dasarnya telah menulis surat kepada *The Royal Rainmaking Thailand* dan mereka akan memberikan kerjasama pada dasarnya walaupun pada ini mereka sibuk dengan program pembenihan awan di sana dan kita juga telah menulis surat kepada Jabatan Pertahanan kerana ia memerlukan kelulusan dari segi kaedah yang kita

gunakan dan pada 2 hingga 5 haribulan kita telah memanggil pilot daripada Syarikat *The Royal Rainmaking* ini dan mereka telah mencuba di dalam proses pembenihan awan tetapi bukan cara yang lengkap tetapi mereka cuba menggunakan beberapa paras ketinggian iaitu di bawah awan, di pertengahan awan dan di atas awan dan dia menampakkan satu hasil yang agak memuaskan. Sebab itu lah kalau kita dapat menggunakan secara keseluruhan kita jangkakan ia dapat memberikan hasil yang lebih baik. Pun begitu dah tentu lah perbincangan dengan Jabatan Meteorologi (JMM) perlu dibincangkan dengan lebih teliti lagi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Saya ingin tanya adakah usaha pembenihan awan ini tertumpu pada kawasan-kawasan tadahan yang tertentu seperti Sungai Selangor atau semua kawasan tadahan kerana walaupun pihak Kerajaan pernah berjanji tidak berlaku catuan air lagi kawasan di Hulu Langat, terutamanya Balakong dan Bangi sekarang menghadapi gangguan bekalan air yang tidak berjadual.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Balakong. Pada Kerajaan Negeri kita melihat bahawa usaha ini adalah usaha untuk meningkatkan lagi jumlah paras air di empangan-empangan yang kita ada dan secara keseluruhan sebahagian besar daripada empangan-empangan takungan kita melebihi daripada 70% dan cuma masalah kita di Empangan Sungai Selangor sebab itu lah kita lebih menumpukan kepada kawasan ini dan oleh sebab itu kita melihat bahawa sumber air di empangan-empangan lain tidak menjadi satu masalah yang besar dan kita dapati yang berlaku di kawasan Balakong, di Seri Kembangan dan dekat Bangi pada masa ini menghadapi masalah pembekalan air. Saya kira ini antara masalah loji kita yang mempunyai rizab yang rendah dan keperluan yang begitu tinggi pada masa ini. Kita akan lihat apakah faktor-faktor lain yang menyebabkan perkara-perkara masalah pembekalan air di Balakong, Seri Kembangan dan Bangi dan apakah usaha yang kita akan lakukan untuk mengatasi masalah ini.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Speaker, saya ingin bertanya mengapakah Kerajaan Negeri memilih cara *Royal Rainmaking* teknik ini sedangkan sebenarnya terdapat juga beberapa cara di negara luar yang pada pendapat saya boleh mendatangkan kesan positif yang sama.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Kampung Tunku. Pemilihan kita untuk melihat pada *Royal Rainmaking* ini kerana satu dia berdekatan dengan kita dan kaedah ini telah digunakan begitu lama dan diakui sendiri oleh beberapa kerajaan di luar termasuk Australia yang mencadangkan kepada kita bahawa teknologi antara yang terbaik dengan sistem pertanian yang begitu luas di Thailand dengan kejayaan mereka maka dan kita mengambil kira bahawa ini

mungkin teknologi yang terbaik dan berdekatan dengan kita dan mungkin dari segi kos juga tidak memerlukan kos yang lebih tinggi kalau dibandingkan dengan teknologi-teknologi yang dilakukan oleh negara-negara lain. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tadi Kerajaan Negeri telah bercakap bahawa Kerajaan *confident* bahawa 3 hingga 5 bulan kita boleh tahan ada air mencukupi tetapi saya baru sahaja kira Sungai Selangor dan Sungai Tinggi, empangan Sungai Selangor, untuk Sungai Selangor hanya ada 60 hari rizab sahaja. So, itu 2 bulan sahaja bukan 3 atau 5 bulan. Boleh minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Sebab itu saya katakan tadi bahawa perancangan kita atau pengurusan kita dalam menghadapi musim kemarau ini bukan sahaja kita bergantung pada paras di empangan tetapi juga dengan usaha kita nak menyimpan air di kolam.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan tambahan. Berapakah *capacity* kolam-kolam ini?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Secara *detailnya* saya tidak ada di sini tapi daripada perkiraan saya dengan keupayaan kita untuk melihat bahawa dengan mengambil kira paras air di sungai ataupun lebih aliran yang berlaku kita dapat mengeluarkan sejumlah lebih kurang 800 juta liter sehari daripada kolam-kolam takungan dan daripada Empangan Sungai Selangor ini kita akan keluarkan lebih kurang dalam 1,500 juta liter sehari dan daripada aliran sungai lebih kurang dalam 500 juta liter sehari dan ini dapat menampung keperluan harian dan daripada jumlah takungan itu yang saya katakan tadi saya tidak ada maklumat secara *detailnya* tapi kita dapat merasakan, kita dapat membuat pengiraan bahawa kita dapat bertahan sehingga 4 atau 5 bulan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Puan Speaker.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Yang 800 jumlah dari kolam-kolam ini bukan takungan. 800 juta ini hanya cukup untuk, tidak mencukupi untuk satu hari *demand* untuk Sungai Selangor.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Puan Speaker, nak tambah 800mld yang dikatakan nak keluar daripada kolam adalah jauh lebih tinggi daripada sasaran awal sebab dalam sidang media Y.B. EXCO terdahulu hanya dianggarkan hanya 140mld yang akan dikeluarkan daripada kolam supaya kolam tu dapat bertahan untuk 5 bulan. Mohon penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ok, pada peringkat awalnya kita hanya menggunakan beberapa kolam dan beberapa pam yang kita usahakan seperti mana yang saya sebut semalam, kita telah menggunakan sejumlah 6 kolam, ha Hang Tuah yang kita gunakan dengan beberapa pam, yang kita telah gunakan pada 29 Februari kalau tak silap saya tetapi sehingga April kali ini kita menggunakan 9 buah kolam dengan menggunakan 20 pam yang kita sediakan untuk menghasilkan 800 juta liter sehari dengan seperti mana saya katakan perkiraan pelepasan empangan dan jumlah aliran air dari sungai kita dapat menghasilkan keperluan harian untuk air ini yang dirawat oleh loji-loji.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta penjelasan lagi. Saya tidak faham bahawa Kerajaan Negeri berkata bahawa kita ada lebih banyak takungan air dengan ada kolam itu sebab kolam *capacity* 800mld, *so that's our maximum, that's your* takungan. Kalau di musim kemarau, *meaning* tak ada air, you tak boleh pan air simpan air dalam kolam. *So your maximum absolute capacity for your* kolam *to* simpan air *is* 800 sahaja mld. *So,* saya tidak berapa faham, boleh minta penjelasan EXCO bahawa kenapa Kerajaan Negeri boleh begitu *confident* bahawa Sungai Selangor boleh ada 90 hari *reserve*. *Thank you.*

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Yang saya katakan 800 juta liter sehari, itu yang kita pam dan kapasiti kolam-kolam kita adalah lebih daripada itu, cuma saya tidak dapat memberikan berapakah jumlah sebenarnya kapasiti kita yang kita mampu untuk kita takung pada masa ini. Saya akan beri jawapan pada

**TUAN SPEAKER:** Boleh minta Kerajaan Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul nombor 21 Tahun 2014 usul cadangan pindaan peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** ya pihak kerajaan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya memohon untuk membawa satu usul seperti berikut. Bahawasanya menurut perenggan 4 peraturan tetap 69 bagi Dewan Negeri Selangor membuat ketetapan meminda peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor seperti draf cadangan di kertas mesyuarat bilangan 15 Tahun 2014.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong menurut perenggan 4 peraturan 69 usul ini tidak perlu dibahaskan dan dikemukakan

masalah ini kepada mesyuarat untuk keputusan sehingga Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan menyediakan penyata berhubung cadangan pindaan tersebut kepada dewan. Oleh itu usul ini diserahkan kepada Jawatankuasa peraturan-peraturan tetap dewan untuk dikaji dan dibincangkan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya yang menurut perenggan 4 peraturan tetap 69 bagi Dewan Negeri Selangor membuat ketetapan meminda peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor seperti draf cadangan di kertas mesyuarat bilangan 16 tahun 2014.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya usul nombor 22 Tahun 2014, usul di bawah peraturan tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya menurut peraturan 76 (5) peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa pilihan mengenai agensi, badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri, JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Pollen Malaysia Sdn Berhad ataupun PSP yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 17 Tahun 2014. Berdasarkan laporan Ketua Audit Negara aktiviti jabatan agensi dan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri Selangor tahun 2013 siri 1 pada muka surat 38 hingga 51 JP ABAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 20hb Mei 2014 bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai status kewangan pengurusan aktiviti dan tadbir urus Korporat PSB diikuti oleh lawatan ke kilang Pengeluaran PSB. Wakil-wakil Jawatankuasa dan wakil PSB juga dipanggil dalam pendengaran dan sesi lawatan tersebut. PSB adalah ditubuhkan pada tahun 1998 dengan modal berbayar sebanyak RM5 juta. Antara misi utama PSB ialah mengeluarkan produk jenama Pollen yang berkualiti tinggi dan boleh bersaing di pasaran domestik. Menyediakan perkhidmatan pengilangan dan pembungkusan yang berkualiti tinggi dan boleh dipercayai serta membantu usahawan-usahawan kecil dan sederhana yang terdiri daripada bumiputera dan bukan bumiputera. Antara aktiviti-aktiviti utama PSB adalah pengedaran produk jenama sendiri OM iaitu original *manufacture*, perkhidmatan pengilangan dan kontrak pembungkusan OEM, perdagangan dan lain-lain perkhidmatan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2013 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan PSB bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah kurang memuaskan. Selain itu prestasi pencapaian dan pelaksanaan objektif utama syarikat di dalam yang ditetapkan rancangan perniagaan 5 tahun dari tahun 2011 hingga 2015 tidak tercapai sepenuhnya kerana rancangan tersebut belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKPS. Dan kita juga dapati bahawa penyelidikan dan pembangunan produk yang dijalankan adalah kurang memuaskan serta aktiviti pemasaran dan promosi produk

tidak menyeluruh. Seiring dengan teguran audit, ada dan hasil daripada pendengaran tertutup Jawatankuasa berpendapat bahawa terdapat dua kelemahan utama yang perlu diperbaiki oleh PSB. Secara ringkasnya kelemahan-kelemahan tersebut adalah tergolong dalam dua aspek yang utama iaitu prestasi kewangan PSB yang kurang memuaskan dan rancangan perniagaan PSB tidak dicapai sepenuhnya.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian PSB tidak mempunyai rancangan jangka masa yang panjang untuk memohon status GNP untuk produk OM yang laris seperti Madu Delima, Teh Misai Kucing dan Pollen Money. Tindakan ini telah menghadkan penjualan dan pemasaran produk OM di farmasi ataupun kedai kesihatan yang terkemuka. PSB juga tidak mempunyai kapasiti kewangan dan pendekatan agresif untuk memasarkan dan mempromosikan produk OM di dalam media terkemuka. Produk OM mempunyai pusingan inventori yang memuaskan kerana PSB lebih menumpukan sumber mereka kepada aktiviti pengilang dan membungkus produk OM yang mendapat sambutan yang menggalakkan dan walaupun PSB telah menjelaskan tentang cara mereka memasarkan barang-barang dan produk tersebut tetapi PSB cuma mempunyai 18 pengedar dan hanya sepuluh daripada 18 adalah aktif. Kawasan dan jaringan pengedaran stokis adalah kurang jelas sebelum teguran audit PSB tidak mempunyai amalan memastikan pemantauan jualan dan kutipan berkala dilakukan. Dan unit RND PSB adalah tidak mempunyai kapasiti untuk menjalankan program tahunan yang rancak untuk bersaing dan memenuhi permintaan pemasaran. Hasil daripada pendengaran tertutup dan lawatan juga perbincangan dalam jawatankuasa serta pihak pengurusan PSB. Jawatankuasa mengemukakan sembilan saranan untuk laporan ini yang pertama adalah mengenai model perniagaan PSB. Modal perniagaan PSB perlu dikaji semula kerana trend kerugian yang semakin meningkat. PSB perlu memastikan proses perniagaan yang berjalan dengan lancar dan sentiasa memantau pelanggan supaya tidak berlakunya amalan hutang lapuk. Matlamat dan objektif PSB perlu lebih jelas supaya PSB boleh menumpukan sumber syarikat kepada aktiviti yang dapat meningkatkan hasil jualan dan keuntungan. PSB perlu memohon status GNP untuk produk OM mereka supaya produk mereka supaya produk dapat dipasarkan dan dipromosikan di farmasi dan kedai kesihatan yang lain. Aktiviti pemasaran dan promosi untuk produk OM perlu dilakukan melalui laman sesawang PSB kerana kekurangan kapasiti kewangan untuk memasarkan dan mempromosikan produk OM di media terkemuka. Maka kita mencadangkan saluran promosi itu atau publisiti itu perlu dipelbagaikan. Maklumat testimoni pengguna dipaparkan pada laman sesawang PSB untuk menarik perhatian dan serta meningkatkan daya keyakinan pengguna. PSB juga perlu mengetatkan syarat dan menetapkan sasaran jualan kepada pengedar untuk mengenal pasti kawasan dan jaringan pengedar-pengedar tersebut serta memastikan sasaran jualan dicapai setiap bulan. Pemantauan jualan dan kutipan pembayaran perlu dijadikan amalan setiap bulan supaya PSB boleh memperbaiki sebarang kelemahan yang didapati dan dikenal pasti oleh Laporan Audit dan Jawatankuasa. Sekali lagi saranan

Jawatankuasa adalah PSB perlu dijadikan Unit RND diberikan sumber kewangan yang mencukupi serta infrastruktur yang sesuai supaya program tahunan dengan rancak dapat dilakukan. Dengan itu Rawang mencadangkan memohon mencadangkan penyata ini untuk dibentangkan.

**Y.B PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan dewan ini adalah satu usul berbunyi. Pihak Kerajaan nak bagi maklum balas.

**Y.B TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Tidak ada apa cuma kita akan mengambil tindakan.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan dewan ini adalah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan tetap 76(5) peraturan tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa pilihan mengenai agensi dan badan berkanun, anak syarikat kerajaan negeri, JP ABAS bagi Dewan Negeri berkenaan Pollen M Sdn. Bhd. Yang telah di bentang di dewan yang mulia ini. Kertas mesyuarat bil 17 Tahun 2014.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya nombor 23 Tahun 2014 usul di bawah peraturan tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Puan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul berbunyi seperti berikut: Bahawasanya menurut peraturan 76(5) peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa pilihan khas mengenai pembasmian kemiskinan JPK Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Skim *Water Free Water* (SAFWA) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat 18 Tahun 2014. Jawatankuasa pembasmian kemiskinan yang telah ditubuhkan di dalam dewan Selangor ini telah meneliti keberkesanan dasar dan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh kerajaan negeri. Secara fokus memilih dua program yang sedang di dalam pelaksanaan dan salah satunya ialah berkenaan dengan Skim Selangor *Free Water* atau singkatannya SAFWA. Dan program ini

adalah di bawah program merakyatkan ekonomi Selangor dengan tumpuan hasil negeri untuk rakyat. Satu pendengar tertutup telah diadakan pada 28 Mei 2014 bagi mendengar taklimat mengenai Skim tersebut yang dihadiri oleh Yang Berhormat Hulu Kelang, Yang Berhormat Sungai Pelek juga Taman Medan. Jabatan yang dijemput adalah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, dan taklimat yang disampaikan oleh Pengarah Eksekutif MPHS. Skim SAFWA telah mula diperkenalkan pada bulan Jun 2010 dan terhad kepada Pangsapuri Kos Rendah yang menggunakan meter air pukal di bawah Skim tersebut rebet air percuma diberikan kepada kadar RM11.40 sen bersamaan 20 meter padu pada kod 10 iaitu kod meter air individu kediaman. Dan projek perintis Skim telah mengambil pangsapuri Sri Tanjung USJ 16 sebagai projek 9 dan melibatkan 1,000.00 buah unit. Fakta yang telah diperoleh daripada pembentangan daripada LPHS adalah penduduk pangsapuri kos rendah yang layak menerima pemberian rebet air percuma tersebut termasuk penduduk yang mempunyai unit jenis pangsapuri kos rendah merupakan pemilik atau satu penyewa. Menggunakan air dengan kadar kod 17 atau pun 18 yang mempunyai baki rebet air percuma yang boleh digunakan untuk membayar tunggakan air bil-bil terdahulu. Pemberian rebet air percuma dipotong terus secara automatik daripada bil air penduduk mengikut amaun sebenar penggunaan air dan skim ini ataupun syarat ini telah dimulakan pada tahun 2011, pemotongan tersebut adalah berdasarkan kadar maksimum 11.40 dan tunggakan bil air sekiranya terdapat lebih rebat perlu diambil air percuma. Untuk badan pengurusan bersama ataupun JNB pemberian rebet air percuma adalah berdasarkan kaedah lapur dan dapat iaitu menggunakan pakai ringkasan tuntutan rebet air percuma. Butiran yang perlu disertakan termasuk jumlah tuntutan dan jumlah unit yang terlibat. Jadi proses pemberian rebet itu telah diringkaskan setelah didapati pada awalnya pemberian rebet air itu tidak mencapai sasaran yang tinggi. Apabila telah ditukar syarat pada tahun 2011 didapati banyak pangsapuri telah mengambil rebet air percuma. Perakuan daripada LPH sendiri bahawa pertama pada keseluruhannya prestasi rebet air percuma di kawasan PBT amat memuaskan. Jadual yang telah dikemukakan menunjukkan prestasi tuntutan pangsapuri kos rendah sehingga tahun 2014 Mei adalah sebanyak 98.7% iaitu melibatkan sebanyak 234 buah pangsapuri seluruh Negeri Selangor. Daripada bilangan flat kos rendah yang ada sebanyak yang ada 237, sebanyak 234 sahaja yang telah membuat tuntutan air percuma tersebut. Namun begitu masih terdapat penduduk pangsapuri kos rendah yang belum membuat tuntutan rebet air percuma jadual. Dan pangsapuri-pangsapuri tersebut telah dihubungi dan dimaklumkan tentang tawaran air rebet percuma tersebut. Secara umumnya jumlah tuntutan rebat itu telah diringkaskan setelah didapati pada awalnya pemberian rebat air itu tidak mencapai sasaran yang tinggi apabila telah ditukar syarat pada tahun 2011 didapati banyak pangsapuri telah mengambil rebat air percuma tersebut. Perakuan dari LPHS sendiri bahawa pertama pada keseluruhannya prestasi tuntutan rebat air percuma di setiap PBT amat memuaskan. Jadual yang telah dikemukakan menunjukkan prestasi tuntutan pangsapuri kos rendah pada tahun sehingga tahun 2014 Mei adalah sebanyak 98.7% iaitu melibatkan sebanyak 234 buah pangsapuri seluruh



negeri Selangor. Daripada bilangan flat kos rendah yang ada sebanyak yang ada iaitu 237 sebanyak 234 sahaja yang telah membuat tuntutan air percuma tersebut. Namun begitu masih terdapat penduduk pangsapuri kos rendah yang masih belum membuat tuntutan rebat air percuma dan jadual dan pangsapuri-pangsapuri tersebut telah dihubungi dan dimaklumkan tentang tawaran air rebat percuma tersebut. Secara umumnya jumlah tuntutan rebat air percuma mengalami peningkatan yang memberangsangkan daripada tahun 2010 hingga 2013. Ini adalah disebabkan penukaran syarat yang berlaku pada tahun 2011. Penemuan yang didapati oleh Jawatankuasa setelah mendengar penjelasan daripada pihak LPHS pertamanya adalah:-

1) Jumlah tuntutan rebat 20 meter padu air percuma pada tahun 2010 kurang memuaskan kerana kebanyakan penduduk pangsapuri kos rendah mempunyai masalah membuat tuntutan di mana kupon yang diberikan hanya boleh di memanfaatkan jika pemilik mempunyai meter air individu kerana kebanyakan pangsapuri yang ada adalah masih menggunakan meter pukal. Jadi mereka tidak layak untuk menerima kupon tersebut.

2) Yang seterusnya sistem lapor dan dapat yang menggantikan sistem kupon yang awal telah mempermudah proses tuntutan tersebut di bawah skim SAFWA dan penduduk rumah kos rendah menikmati perkhidmatan 20 meter padu air percuma.

3) Program skim SAFWA amat berkesan dan mencapai objektif membantu meringankan beban golongan yang memerlukan dengan memberikan perkhidmatan rebat air percuma kepada penduduk miskin yang menduduki pangsapuri kos rendah. Saranan yang jawatankuasa berikan kepada pihak LPHS adalah:-

- i) Kerajaan Negeri hendaklah memastikan skim SAFWA ini dari segi strategi serta objektif dan juga KPI atau pun *Key Performance Indicator* Senior telah dipenuhi dan berperanan sebagai satu program dalam Pembasmian Kemiskinan Rakyat Negeri Selangor.
- ii) Kerajaan Negeri perlu meningkatkan penyertaan setiap warga negeri Selangor dalam skim SAFWA ini untuk memastikan pemberian rebat air percuma ini dapat di muafakat sepenuhnya.

Dengan ini Taman Medan ingin mengusulkan Usul Ke-18 ini pada Dewan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Kampung Tunku berdiri untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Taman Medan ini dan saya

hanya ada beberapa saranan ringkas pelaksanaan program SAFWA ini iaitu program ini di Usulkan atau pun di wujudkan oleh Kerajaan Negeri sebagai salah satu program di bawah Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor. Ianya kemudian telah pun ditukar atau pun di bawah supaya ianya boleh manfaat penduduk-penduduk di rumah pangsa kos rendah. Apa yang kita perlu memberi perhatian kepada program ini ialah buat sementara waktu walau pun Kerajaan Negeri Selangor telah berjaya meringkaskan program ini supaya ianya juga boleh di manfaat oleh penduduk di rumah pangsa kos rendah tapi ianya sebenar masih tertakluk kepada beberapa proses atau pun syarat yang perlu dipatuhi sebelum penduduk boleh menikmatinya. Jadi saranan saya ialah agar bukan sahaja program ini diteruskan tetapi Kerajaan juga perlu mempertingkatkan usaha untuk memastikan penstrukturan semula industri air ini dapat dijalankan dengan segera kerana dalam Manifesto Pilihan raya Umum yang lepas kita telah membuat janji bahawa rakyat Negeri Selangor bukan sahaja akan mendapat manfaat air percuma tapi akan diberi saham air sekiranya penstrukturan semula industri air ini berjalan dengan lengkap. Oleh itu saya menyarankan supaya bukan sahaja kita nak beri saham tapi cara kita hendak memberi air percuma kepada penduduk miskin di rumah kos rendah ini kita juga perlu meringkaskannya. Meringkaskan supaya ianya boleh memberi impak yang lebih besar kepada penduduk miskin.

Yang kedua saya juga ingin memperkukuhkan hujah yang dari Yang Berhormat Taman Medan di mana satu KPI perlu diwujudkan untuk memastikan skim ini mencapai objektifnya. Apakah objektifnya sebenar Kerajaan apabila ingin membasmi kemiskinan maka objektifnya ialah ianya atau pun peruntukan kewangan Kerajaan Negeri itu seboleh-bolehnya dibelanjakan kepada golongan yang memerlukan sahaja iaitu mereka yang tidak layak mereka yang berada dalam keadaan yang berada, mereka yang mampu, mereka yang senang, mereka tidak harus menerima bantuan daripada Kerajaan. Skim air percuma ini telah pun menerima sedikit sebanyak kritikan dari orang umum iaitu sekarang ini orang yang kaya, orang yang tinggal di dalam rumah banglo, orang yang memiliki rumah kos rendah bukan semestinya mereka ini miskin dan juga yang berada, ada yang begitu kaya sehingga mereka boleh memiliki beberapa unit rumah kos rendah dan mereka menyewa kepada orang luar. Jadi saya rasa dalam kita melaksanakan skim SAFWA ini kita harus ada KPI. Kita harus memperketatkan syarat-syarat itu supaya mereka yang tidak layak kita dapat mengenal pasti mereka ini dan kita keluarkan rumah atau pun unit mereka daripada skim SAFWA ini dan wang yang kita jimatkan itu seboleh-bolehnya digunakan balik ke atas mereka yang betul-betul miskin, yang betul-betul memerlukan bantuan. Dan inilah beberapa saranan daripada saya dan juga hujah-hujah daripada saya terhadap penyata jawatankuasa ini dan saya berharap cadangan ini boleh diambil diberi pertimbangan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian Usul ini telah pun disokong. Saya buka Usul ini untuk dibahaskan. Saya menjemput pihak Kerajaan untuk memberikan penjelasan jika ada.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih, pertama saya mengucapkan terima kasih kepada pihak jawatankuasa kerana telah mendapati bahawa skim SAFWA ini telah sedikit sebanyak mencapai objektifnya. Untuk menjawab soalan daripada Kampung Tunku bahawa cadangan itu adalah akan melibatkan perubahan dasar Kerajaan, mana dasar Kerajaan kita ubah daripada untuk memberi 20 meter padu air percuma kepada semua tetapi kita memilih-milih sesiapa mereka yang patut dapat. Jadi bermakna jawab soalan itu satu dasar kita perlu tukar sebab kalau kita lihat di mana fokus SAFWA ini adalah untuk rumah kos rendah. Pertamanya kita beranggapan bahawa kesemua yang duduk di rumah kos rendah ini berpendapatan rendah dan mereka perlu mendapat air percuma dan kegagalan kita pada asalnya adalah akibat daripada tidak ada meter individu. Cara pertama adalah kita melaksanakan skim kupon dan cara kedua adalah pun lapor dan dapat dan ianya adalah berkesan dan mungkin peringkat kedua seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku adalah untuk kita *check* atau semak setiap isi rumah tentang pendapatan isi rumah sama ada boleh kita lakukan atau tidak, itu satu cerita yang lainlah. Sama ada boleh kita menyemak kalau dia bukan di bawah RM2,500 gajinya mereka tidak dapat air percuma atau pun kepada warga bukan warga asing yang bukan warganegara. Itu pun satu perkara yang selalu dibangkitkan kenapa warga negara warga asing yang duduk di rumah kos rendah mendapat air percuma. Jadi untuk menjawab soalan tadi adalah bahawa kalau betul-betul melaksanakan cadangan Kampung Tunku itu ianya melibatkan perubahan dasar Kerajaan Negeri bahawa tidak ada air percuma bagi semua tetapi air percuma hanya kepada mereka yang layak, Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ini adalah satu Usul yang berbunyi:-

“ Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Skim *Selangor Free Water Apartment* (SAFWA) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2014”.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini telah dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya Usul No. 24 Tahun 2014, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. *Bismillahir rahmanir rrahim* Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“ Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan atau (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) Bagi Dewan Negeri Selangor Berkenaan Pengurangan atau pun (Diskaun) Cukai Taksiran Oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2014”.

Tuan Timbalan Speaker Usul dan Penyata ini dilihat dalam konteks usaha dan program yang ingin dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membasmi kemiskinan. Satu pendengaran tertutup telah diadakan pada 28 Mei 2014 yang turut dihadiri oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Hulu Kelang, Taman Medan dan Sungai Pelek. Dengan kehadiran wakil-wakil daripada pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Bandar raya Shah Alam MBSA, Majlis Bandar raya Petaling Jaya MBPJ, Majlis Perbandaran Klang MPK, Majlis Perbandaran Ampang Jaya MPAJ, Majlis Perbandaran Subang Jaya MPSJ, Majlis Perbandaran Selayang MPS, Majlis Perbandaran Kajang MPKj dan Majlis Perbandaran Sepang MPSP. Semua jabatan PBT yang dijemput hadir untuk memberi keterangan di bawah sumpah kecuali MBPJ yang hanya menghantar dokumen. Latar belakang Tuan Timbalan Speaker, Pekeliling Hebahan mengenai pelaksanaan dasar pengurangan diskaun cukai taksiran kepada pemilik pangsapuri kos rendah bertujuan untuk melaksanakan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor MMKN Ke-28 Tahun 2012 pada 1 Ogos 2012. Fakta yang ditemui adalah:-

- 1) Tafsiran pangsapuri kos rendah adalah pangsapuri yang harga belian adalah pada pemaju adalah RM42,000 ke bawah.
- 2) Kadar diskaun adalah seragam 50% bagi pangsapuri kos rendah semua kawasan PBT Negeri Selangor.
- 3) Pemberian diskaun kadar cukai tafsiran untuk pangsapuri kos rendah ini tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan seperti berikut iaitu:-
  - i) Pemilik yang bermastautin atau yang mendiami sendiri petak atau pun unit di sesebuah rumah kos rendah.
  - ii) Hak milik strata atau pun surat perjanjian yang telah dikemukakan.

- iii) Pemilik tidak mempunyai tunggakan cukai taksiran pada petak berkaitan.
- iv) Waris pemilik juga layak mendapat pengurangan diskaun sama ada pemilik masih hidup atau meninggal dunia.
- v) Pemberian diskaun akan diberikan secara terus automatik apabila pemilik membuat bayaran di kaunter PBT berserta borang pengakuan pemastautin pemilik iaitu BPBP12012. Borang tersebut boleh dimuat turun dari Portal Selangor Ku atau diperolehi daripada Unit Pesuruhjaya Bangunan PBT.
- vi) Bagi pemilik yang telah membayar cukai taksiran pada tahun tersebut sepenuhnya pemberian diskaun akan dibawa ke penggal pertama tahun seterusnya.

Tuan Timbalan Speaker, daripada keseluruhan wakil-wakil PBT pada pendengar tersebut terdapat 4 perakuan yang selaras kesemuanya iaitu pertama pemberrian 25 % untuk cukai taksiran untuk kediaman kos rendah telah diberikan mulai daripada penggal kedua cukai taksiran tahun 2012 iaitu bulan Julai sehingga Disember menurut keputusan MMKN 28 tahun 2012.

Kedua syarat kelayakan yang ditetapkan yang boleh seperti kos rendah tuntutan pengurangan tersebut adalah berdasarkan pekeliling hebahan mengenai dasar pelaksanaan pengurangan ataupun diskaun, cukai taksiran pada pemilik pangsapuri rendah.

Ketiga jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan semakin berkurang daripada tahun 2012 sehingga tahun 2012

Keempat secara keseluruhan jumlah kelulusan yang diluluskan 1%. Daripada kos jualan kos rendah yang layak menerima pengurangan cukai taksiran sebanyak 25%. Dengan itu Timbalan Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawatankuasa membuat pertemuan:

1. sambutan pemberian diskaun 25% cukai taksiran kurang memuaskan. Tidak ramai pemilik yang membuat permohonan.
2. faktor ini kurang mendapat sambutan adalah 35% yang menduduki unit. Unit pangsapuri tersebut adalah penyewa dan sebahagian pemilik mempunyai tunggakan cukai taksiran.
3. Penemuan cukai taksiran juga adalah kebanyakan pemilik mempunyai tunggakan cukai taksiran merasakan diskaun 25% adalah terlalu kecil

berbanding dengan amaun yang perlu mereka lunaskan bagi mereka melayakkan menyertai kes ini.

4. Sebahagian daripada pemilik kediaman pangsapuri kos rendah tidak mampu menjelaskan cukai taksiran kerana terpaksa membelanjakan kos besar daripada pendapatan mereka bagi menjelaskan cag penyelenggaraan bangunan yang dikenakan oleh badan pengurusan bersama. PMB.
5. permohonan 25% cukai taksiran perlu diserahkan setiap enam bulan. Kadang-kadang proses meluluskan permohonan tersebut mengambil tempoh yang agak lama.

Tuan Timbalan Speaker, dengan itu Jawatankuasa mengemukakan 3 saranan pada Pihak Kerajaan.

1. Untuk menilai dan mengkaji semula keberkesanan program ini. Konteks pembasmian kemiskinan rakyat yang menduduki pangsapuri kos rendah.
2. menawarkan yuran tahunan selenggaraan kepada pemilik yang memohon menyertai skim diskaun 25% cukai taksiran ini.
3. Kerajaan negeri perlu menetapkan cukai taksiran kepada setahun sekali serta mempercepatkan permohonan tersebut kepada 1 minggu.

Dengan ini Hulu Kelang memohon usul ini disokong. Terima kasih.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Ya Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kampung Tunku juga berdiri menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Hulu Klang dan melalui apa yang diujahkan oleh Y.B Hulu Kelang selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan khas Pembasmian Kemiskinan Dewan Negeri Selangor. Kita telah mendapat tahu bahawa skim pengurangan cukai taksiran sebanyak 25% ini telah pun berjalan begitu lama tetapi masih menghadapi kekurangan yang saya rasa perlu diatasi oleh Kerajaan dalam masa terdekat.

Salah satu cara dan saranan Jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji semula keberkesanan dalam konteks pembasmian kemiskinan. Tuan Timbalan Speaker ini apa yang saya sebut semasa saya membahaskan isu yang sama ini iaitu Kerajaan harus menilai program ini dari segi pembasmian kemiskinan iaitu adakah pengurangan ataupun pemberian diskaun 25% ini akan memberi impak besar terhadap golongan miskin yang menduduki di rumah pangsa kos rendah. Cukai pintu yang dibayar oleh penduduk rumah pangsa kos rendah ini di setiap PBT kalau diperhatikan Bandaraya Petaling Jaya seseorang pemilik kos rendah hanya perlu

membayar yuran taksiran tidak sampai RM110 setahun kalau saya tidak silap. Jadi kalau kita adakan 25% diskaun kepada mereka ianya mungkin tidak sampai RM50 setahun. Pengurangan ini pada pendapat saya adalah usaha yang baik kemungkinan tidak akan memberi kesan dan impak besar dalam mengurangkan beban hidup mereka.

Oleh sebab itu konteks ini Jawatankuasa berpendapat dan perlu merangka semula program pembasmian kemiskinan khususnya program yang berkaitan dengan rumah pangsa kos rendah ini. Kalau kita lihat Tuan Timbalan Speaker tunggakan pemilik-pemilik rumah pangsa kos rendah ada yang boleh sampai 1000 sehingga sekarang. Maksudnya ialah tunggakan cukai taksiran, tunggakan kos penyelenggaraan, dan yang mereka hutang di AJMB boleh sampai beribu Ringgit. Kalau kita bandingkan beberapa ribu ringgit ini dengan tawaran diskaun 25% yang kita tawarkan kepada mereka saya rasa diskaun ini sebab itu saranan Jawatankuasa adalah kaji semula samada ia memberi impak kepada mereka atau tidak. Saya juga menyarankan kepada Jawatankuasa kepada Kerajaan Negeri sekiranya boleh kita jalankan satu kajian berapa banyak tunggakan yang mereka hutang kepada JMB seluruh negeri Selangor. Dari situ mungkin ada kita boleh lihat satu strategi boleh berkesan untuk menyelesaikan tunggakan ini usaha yang sama mengurangkan *payment* ataupun tanggungan ekonomi keluarga-keluarga miskin yang menduduki rumah pangsa kos rendah ini. Oleh itu saya selaku ADUN Kg. Tunku memohon untuk memohon penyata ini. Sekian terima kasih.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Saya mempersilakan Pihak Kerajaan yang memberikan penjelasan.

Tuan Timbalan Speaker boleh nak mohon bahas.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Saya telah minta Pihak Kerajaan berikan penjelasan.

**Y.B TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ada 2 orang nak gulung memberikan penjelasan. Merangkumi 2 portfolio. Bermakna tujuan kita memberikan 25% adalah untuk mengurangkan beban dan di antara kita telah melaksanakan ini, kita juga mendapat tahu bahawa yang duduk di rumah pangsapuri kos rendah ini mereka menyewa di sana. Mereka adalah pemilik yang asal. Memang betul terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki. Di antara penyelarasan antara PBT cara diskaun itu diberi dan juga ada sedikit perbezaan dan perkara ini dapat diselesaikan. Ada PBT yang beri diskaun *forward* ke hadapan, ada PBT yang memberi diskaun itu secara *on the spot*. Jadi perkara ini perlu diselesaikan terlebih dahulu. Berkenaan samada atau tidak potongan RM50 ke RM100. pada saya mereka yang mempunyai gaji bulanan RM600 ataupun RM700. RM50 itu satu jumlah yang tinggi. Dari segi cadangan supaya ditawarkan sebulan yuran selenggaraan kepada pemilik yang menyertai skim diskaun RM25% ini, yang ini kita terpaksa kaji oleh kerana ktia lihat ini bahawa di bawah JMB. Apa yang Kerajaan melaksanakan adalah kita

melaksanakan *guideline* kepada jumlah yuran penyelenggaraan yang boleh dicaj oleh JMB atau MC. Bermakna JMB atau MC tidak boleh caj sewenang-wenangnya. Hanya kita ada *guideline*. Walaupun ia panduan tetapi ia dapa memberi satu idea kepada pemilik berapakah yuran yang perlu mereka bayar. Kalau rumah kos rendah ada lif mungkin antara RM30 hingga RM50 sebulan. Itu yang ada sekarang ini. Dari segi apa yang saya katakana kajian berapakah yang dia hutang atau hutang yang ditanggung oleh penduduk-penduduk. Kerajaan Negeri telah melaksanakan satu program iaitu jom bayar. Di mana kita telah menggalakkan membayar, penduduk bayar akan yuran penyelenggaraan mereka, sekiranya tidak kita membantu JMB-JMB untuk mendakwa mereka yang tidak membayar. Seramai 700 pemilik rumah-rumah pangsapuri diberikan notis untuk dibawa ke mahkamah. Kebanyakan kes itu apabila kita minta supaya mereka bayar, mereka akan dibawa ke mahkamah, akhirnya mereka dapat menyelesaikannya secara baik. Iaitu menyelesaikan secara baik secara ansuran atau bayar terus. Jadi bermakna dari segi bebanan untuk membayar yuran penyelenggaraan ini memang Kerajaan Negeri melihat bahawa ada yang menghadapi masalah tetapi ada yang tidak mahu bayar langsung. Bukan mereka tidak ada duit tetapi ini bukan di bawah skim ini skim lain.

Walau bagaimanapun menjawab soalan asal timbulkan Jawatankuasa bahawa skim ini perlu kita permudahkannya lagilah dan juga supaya mereka tidak perlu datang tiap-tiap bulan untuk mendapatkan pengurangan supaya dapat kita register terus dan mereka dapat setahun sekali dapatkan pengurangan. Terima kasih.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah yang di hadapan dewan ini satu usul yang berbunyi bahawa sanya peraturan 76 (5) peraturan-peraturan tetap Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima Jawatankuasa Pilihan Pembasmian kemiskinan dan JPK perasmian kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan pengurangan ataupun diskaun, cukai taksiran oleh Pihak Berkuasa tempatan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat 19 tahun 2014.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT:** Ya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, usul 25 Tahun 2014 usul di bawah peraturan tetap 76 (5) Yang Berhormat Sekinchan.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Timbalan Setiausaha Dewan dan Ahli-ahli Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul berbunyi seperti berikut: Bahawasanya seperti berikut, aturan 76 (5) peraturan-peraturan tetap



Dewan Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima Jawatankuasa Khas mengenai keupayaan kebertanggungjawaban dan ketelusan. *Special community competent dan transformacy* (SELCAT) bagi Negeri Selangor berhubung dengan Strategi Pemulihan Pengurusan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), pelaksanaan integriti pad yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat tahun 2014.

Tuan Timbalan Speaker, seperti mana yang kita maklum Jawatan kuasa SELCAT ini pada 25.3.2014 Jawatankuasa SELCAT telah mengadakan satu sesi pendengaran awam terbuka bagi membincangkan 2 perkara jadi isu kedudukan yang berhormat Azmin Ali Ahli Dewan Negeri bagi kawasan Bukit Antarabangsa sebagai Ahli Lembaga PKNS.

Isu yang kedua yang disentuh ialah pemberhentian pemecatan 20 pekerja kontrak PKNS Holdings Sdn.Bhd PKNSHSB secara serta merta penyusunan semula organisasi sumber manusia. Pada sesi pendengaran ini ada sesuatu perkara yang unit nampak di mana Jawatankuasa SELCAT ditubuhkan di Dewan ini pertama kalinya kita telah memanggil Y.A.B Dato' Menteri Besar sebagai saksi dan Y.A.B Dato' Menteri Besar juga telah hadir dan memberi kerjasama yang penuh Jawatankuasa ini. Ini satu contoh yang baik. Contoh yang bertanggungjawab di mana sebagai ketua Kerajaan. Beliau bertanggungjawab apa urusan dan Kerajaan dan juga segala isu yang berlaku dan apabila SELCAT juga hadir.

Tidak pernah berlaku dalam sejarah di mana ada seorang Menteri Besar sanggup menampilkan diri untuk sebagai saksi dalam Jawatankuasa hatta sekalipun dalam Parlimen kalau kita tanya Perdana Menteri pun dia tidak pernah berlaku sedemikian. Inilah contoh pimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat yang bertanggungjawab yang bertanggungjawab yang mempunyai konsep ketelusan. Walau bagaimanapun saya tidak mahu mengambil masa yang panjang dalam isu ini kita telah menemui beberapa perkara dan di sini ada saranan Jawatankuasa antaranya Yang Berhormat Azmin Ali masih kekal sebagai Ahli Perbadanan PKNS, Jawatankuasa tidak menemui bukti kukuh bahawa Yang Berhormat Azmin Ali telah ditamatkan perkhidmatan. Jawatankuasa berpandangan bahawa beliau masih lagi Ahli PKNS. Syor, saranan yang kedua, kedudukan hari Perbadanan PKNS hendaklah disahkan di dalam minit mesyuarat MMKN dinyatakan dengan jelas di masa hadapan sama ada dikekalkan atau ditamatkan ataupun ditarik balik. Yang ketiga, rangkaian telekomunikasi dan arahan yang jelas dan terperinci hendaklah dilakukan dalam sebarang urusan yang melibatkan urus tadbir Kerajaan Negeri Selangor. Soalan yang keempat, saranan yang keempat ialah Kerajaan Negeri Selangor harus melihat semula kesesuaian dan objektif penubuhan anak-anak syarikat yang bertindih fungsinya dengan anak-anak syarikat yang sedia ada. Jadi dengan ini banyak lagi perkara yang *detail* ada dalam penyata ini jadi saya syorkan apa, saranan jawatankuasa untuk penambah baik bagi pihak kerajaan supaya pihak

kerajaan dapat mengambil maklum. Jadi saya mohon untuk mencadangkan penyata ini. Sekian saja, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Meru.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN:** Ya, terima kasih. Tuan Timbalan Speaker Meru bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh YB Sekinchan, usul nombor 25 dari kumpulan 52.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, saya ingin menjemput pihak kerajaan sekiranya ingin memberi apa-apa penjelasan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Jawatankuasa Kerajaan Negeri mengambil maklum akan saranan-saranan itu, insya-Allah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan kebertanggungjawaban dan ketelusan, *Special Select Community on Competence Accountability and Transparency (SELCAT)* bagi Dewan Negeri Selangor berhubung strategi pemulihan pengurusan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), pelaksanaan *integrity pack* yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 20/2014. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT DEWAN:** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya usul nombor 26 tahun 2014, usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Jeram.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Speaker Dewan yang telah menerima usul di bawah peraturan 26 makanya saya mohon mencadangkan satu usul yang berbunyi sedemikian. Bahawa Dewan Yang Mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor melalui pihak Berkuasa Tempatan agar menyiasat dan menghentikan serta-merta sebarang projek pembangunan yang dilaksanakan tanpa Kebenaran merancang. Ini amat penting kerana pembangunan yang tidak terancang dan terkawal boleh menyebabkan masalah banjir kilat, hakisan dan tanah runtuh, yang mana sudah tentulah membahayakan keselamatan rakyat itu sendiri. Ahli-ahli Yang

Berhormat sekalian sebelum saya meneruskan cadangan dalam bentuk usul ini, izinkan saya menjelaskan apa yang sama-sama kita perlu tahu tentang kebenaran Merancang. Kerana saya menganggap usul ini berkepentingan untuk dibincangkan demi keharmonian dan permasalahan rakyat di Negeri Selangor. Seseorang individu yang ingin melakukan pemajuan harus mempunyai kebenaran merancang yang akan diberikan oleh pihak Jawatankuasa Perancang Tempatan secara bertulis sepertimana yang diperuntukkan di bawah akta Perancangan dan Desa 1976 akta (172) dalam bahagian Kawalan Perancangan Akta. Akta 172 mentafsirkan kebenaran merancang sebagai kebenaran yang diberikan dengan syarat atau tanpa syarat untuk menjalankan pemajuan. Secara mudahnya kebenaran merancang merupakan satu prosedur yang mana pemohon perlu mengemukakan permohonan kepada PBT untuk mendapat kebenaran sebelum memulakan sebarang pemajuan di atas tanah atau bangunan-bangunan berkenaan. Kaedah memperoleh kebenaran merancang, akta yang digubal bukanlah untuk menyekat pembangunan sebaliknya ia merupakan satu mekanisme untuk menyelaras dan mengawal pembangunan bagi mewujudkan sesuatu penstrukturan yang teratur selesa, selamat dan harmoni kepada penduduk sekitar dan orang ramai. Jelas dan nyata setiap kerja pemajuan harus mempunyai kebenaran merancang sebagaimana yang termaktub dalam akta 172 yang berbunyi, tidak ada seorang pun selain Pihak Berkuasa Tempatan yang boleh memulakan mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika kebenaran merancang berkenaan dengan persetujuan itu diberikan kepadanya di bawah seksyen 22 atau dilanjutkan di bawah subseksyen 24(3). Kewajipan kepada merancang melainkan yang bersyarat harus diterima oleh semua pemaju agar segala pembangunan dilakukan secara terancang dan tidak mendatangkan kesan yang negatif kepada alam sekitar dan juga menjejaskan ekosistem kehidupan sehari-hari. Tuan Speaker, kenapa kebenaran merancang amat penting kepada rakyat adalah kerana segala permohonan yang dikemukakan akan dirujuk kepada jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan antaranya ialah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri, Pejabat Tanah Daerah ataupun Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Kerja raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Perkhidmatan Bekalan Air, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertanian, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Makanya jika dilihat secara teliti apabila kebenaran merancang diluluskan secara telus dan tanpa sebarang pengaruh luar maka mustahil akan berlaku kejadian perkara yang tidak diingini sepertimana banjir lumpur, tanah runtuh dan sebagainya di kawasan tapak projek ataupun di kawasan persekitarannya. Dengan kata mudah, kebenaran merancang meyakinkan rakyat sekitar tapak projek mereka tidak perlu takut dengan kejadian-kejadian negatif dan yang tidak diingini. Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang mulia sekalian, masalah setempat. Namun apa yang berlaku di DUN Semenyih sebaliknya di mana masalah perparitan dan saliran air yang lemah oleh pemaju mengakibatkan masalah banjir lumpur di kawasan kampung Batu Tiga, Bangi. Persoalannya selepas penelitian dibuat daripada pejabat ADUN, Semenyih didapati tiada sebarang papan tanda pembinaan di hadapan atau pintu masuk

kawasan projek pembangunan yang dilakukan oleh UEM Sunrise Sdn. Bhd. Walhal, antara syarat kelulusan yang harus dipatuhi pemohon untuk mendapat kebenaran merancang ialah mengemukakan pelan papan tanda pembinaan bersama dengan pelan pembangunan semasa permohonan kelulusan kebenaran mendirikan bangunan dibuat. Jadi rakyat yang melalui kawasan projek pembinaan ini tertanyanya apakah kerja-kerja sedang dijalankan? Kerana projek tersebut tidak meletakkan sebarang papan tanda sedangkan setiap hari berpuluh jentera dan lori-lori sedang meratah bukit dengan rakus sehingga gondol pada ketika ini. Hal ini harus diberi perhatian oleh pihak kerajaan negeri dan tindakan sewajarnya harus dikenakan kepada pemaju tersebut sekiranya ia mendatangkan bahaya kepada penduduk berhampiran. Sebelum ia menjadi barah kepada pentadbiran kerajaan negeri dan akhirnya mendatangkan kerunsingan kepada rakyat Selangor ini sendiri yang bakal berhadapan dengan kesan negatif akibat pembangunan yang tidak tersusun disebabkan pemajuan tanpa kebenaran merancang. Saya memohon, saya memohon kerajaan negeri menyiasat projek tanpa kebenaran ini dan mengenakan tindakan kepada mereka yang bersekongkol dalam memberikan perakuan kebenaran menjalankan kerja ini. Sesuatu kebenaran merancang yang diluluskan oleh PBT boleh ditarik balik sekiranya terdapat kepentingan awam yang dibenarkan mengatasinya. Jadi jika kerajaan negeri sepatutnya menyelidik dan memastikan projek bermasalah seperti di Batu Tiga, Bangi ini ditarik balik kebenaran merancang sekiranya mendapati ia merupakan punca sebenar kepada berlakunya banjir lumpur yang menyebabkan rakyat disekeliling menderita dan sentiasa diselubungi ketakutan apabila mana berlakunya hujan lebat kerana saluran air dan tapak pembangunan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, kesimpulannya kami berpendapat yang mana kita perlu terus komited sama ada daripada dua belas ADUN, Barisan Nasional pihak pembangkang ataupun ADUN pihak kerajaan untuk memastikan supaya keharmonian dan kesejahteraan rakyat kehidupan sehari-hari terpelihara daripada kerja-kerja yang kita boleh cegah sepatutnya asalkan tempat kita sama-sama perhalusi tiadanya kerajaan birokrasi dan pentadbiran dalam PBT-PBT dan negeri kita. Justeru itu, kita mengharapkan supaya projek tanpa kebenaran merancang ini jangan terus dipandang enteng atau sepi oleh pihak kerajaan negeri. Sebagai penutup Tuan Speaker yang saya hormati sekalian, marilah sama-sama kita mendesak kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan menyiasat dan menghentikan serta-merta projek tanpa kebenaran merancang di negeri Selangor. Sabda Rasulallah S.A.W. tidak masuk syurga barang siapa yang jirannya tidak merasa aman hidup selamat dan sejahtera lantaran kejahatannya. Tuan Speaker saya minta perbincangan usul ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Jeram, Kg. Tunku minta penjelasan.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Kg. Tunku, saya sedang berusul kalau *you* ada apa-apa sebarang apa-apa kebangkitan boleh bahaskan usul ni nanti. Saya rasa pada hari pertama hari Isnin, Tuan Speaker telah maklumkan apa tatacara yang terbaik sebagai Ahli Dewan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, itu sebab saya minta penjelasan

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Ya, makanya saya pun dah sampai ke penghujung. Lepas ni *you* boleh bahas.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Belum habis lagi. Tapi...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Jeram, kalau tak nak bagi tak payah bagi. Tak apa.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** *You* boleh bercakap kalau saya bagi kebenaran, betul Tuan Speaker?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, betul.... Ya lah, ok lah, tak apa bertenang. Cuma kalau tak nak benar tak payah benar. Kalau nak benar, benar. Itu saja. Ya, kalau nak benar boleh benarkan kalau tak nak benar, tak nak benarkan. Yalah, tak apalah. Jadi saya minta bertenang, sebab dia cuma minta dengan baik, nak tolak pun biar tolak dengan cara baik. Ok. Tak apa.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Bagi?

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Tak bagi.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tak bagi? Kenapa tak bagi?

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Perasan pula!

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Sekejap saja soalan saya, pendek saja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Maklum Kg. Tunku, Jeram tidak benarkan.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Tuan Speaker, saya dah sampai ke penghujung pun, jadi dah potong stim punya fasal, Tuan Speaker saya mohon perbincangan usul ini diterima oleh Dewan. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, boleh teruskan kalau ada ucapan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** *Bismillahir rahmannir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam sejahtera salam perpaduan, salam satu Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana menerima usul ini di bawah peraturan 26, saya Dengkil ingin menyokong usul yang dibawa oleh sahabat saya daripada Jeram yang berbunyi Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan agar menyiasat dan menghentikan serta-merta sebarang projek pembangunan yang dilaksanakan tanpa kebenaran merancang. Ini amat penting kerana pembangunan yang tidak terancang dan terkawal boleh menyebabkan masalah banjir kilat, hakisan dan tanah runtuh yang membahayakan keselamatan rakyat. Tuan Speaker, sebentar tadi Jeram telah menyatakan pelbagai masalah yang berhubung kait sekiranya kita tidak dapat kebenaran merancang ataupun tidak mempunyai kebenaran merancang yang betul. Hal ini saya ingin menerangkan lagi secara spesifik masalah banjir kilat yang berlaku di kampung Batu Tiga Jalan Bangi Semenyih. Kawasan Kampung Batu Tiga sememangnya merupakan kawasan banjir tetapi kejadian ini hanya berlaku lebih empat puluh tahun yang lepas. Iaitu pada tahun 1965 dan tahun-tahun sebelumnya kerana faktor geografi kawasan itu sendiri. Kawasan Batu Tiga terletak di kawasan hilir sungai Semenyih di mana kedudukan tanahnya adalah lebih rendah berbanding dengan hulu sungai Semenyih. Dan pada tahun-tahun sebelum 1965 kampung ini merupakan kampung limpahan banjir. Sungai Semenyih merupakan sungai yang utama dan terpanjang di antara sepuluh buah sungai utama di Semenyih iaitu Sungai Batang Si, Sungai Lalang, Sungai Seringgit, Sungai Kacau, Sungai Beroga, Sungai Rencing, Sungai Purung, Sungai Tekala dan Sungai Pening. Punca sungai ini adalah dari Bukit Arang yang berhampiran dengan sempadan Negeri Sembilan. Lebar sungai ini kira-kira empat puluh kaki sementara airnya tidak dalam iaitu cuma-cuma kira-kira satu atau dua meter sahaja.

Banjir di kawasan Kampung Batu Tiga tidak lagi berlaku selepas tahun 1965 setelah Sungai Semenyih diuruskan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dan selepas terbinaanya empangan yang terletak di hulu Sungai Semenyih. Kampung Batu Tiga kembali dilanda banjir lumpur pada tarikh 29 April 2014 akibat hujan lebat selama dua jam. Setelah lebih 40 tahun bebas dari belenggu banjir. Para penduduk tempatan mengakui bahawa bencana itu telah dijangka akan berlaku berekoran projek pembinaan rumah bercampur oleh UEA Sunrise Berhad yang terletak kira-kira dua puluh meter daripada kawasan tempat tinggal mereka. Projek pembinaan oleh UEA Sunrise Berhad telah difahamkan tidak mendapat kelulusan daripada segi infrastruktur daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan hanya mempunyai kelulusan Merancang untuk sebuah pusat jualan. Kerajaan Negeri Selangor seharusnya memberi perhatian pada sebarang penerokaan tanah yang berlaku di bawah pimpinan kerajaannya dan memantau dengan lebih terperinci

tentang status permohonan setiap tanah yang hendak dibangunkan. Menyentuh isu kawasan Kampung Batu Tiga, penjelasan yang jitu perlu diadakan untuk mengetahui bagai mana tanah seluas dua ratus ekar boleh diteroka tanpa status kebenaran membangun yang sah dan mengakibatkan bencana alam kepada penduduk setempat. Tuan Speaker, ini antara contoh yang saya bangkitkan tentang berlakunya banjir kilat, banjir-banjir disebabkan tidak ada Kebenaran Merancang. Antara lain masalah banjir di Negeri Selangor yang berlaku, yang perlu dikaji oleh Kerajaan ini sendiri, banjir yang berlaku di antara kawasan Klang, Sepang, Kajang, Seri Serdang, Seri Kembangan dan Hulu Langat pada September 2012.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Yang Berhormat Dengkil, Kg. Tunku minta penjelasan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Boleh cepat sikit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ok. Terima kasih Dengkil. Saya ingin bertanya kepada Dengkil, sebenarnya soalan ini sangat ringkas juga untuk Jeram tapi nasib tak baik Jeram tak bagi laluan. Adakah Yang Berhormat juga menyokong supaya tindakan diambil ke atas pemilik projek sekiranya projek itu atas usaha kerajaan pusat Barisan Nasional atau pun kroni Barisan Nasional.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya bersetuju dengan Kg. Tunku walau siapa pun yang membangunkan projek itu tak kira kroni Kerajaan Negeri ke! Kroni Kerajaan Barisan Nasional ke! Atau pun sapa-sapa saja kita perlu mengikut undang-undang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHKARAN:** So, mengakulah ada kroni Barisan Nasional. Daripada kenyataan tadi tu.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tadi, hanya kenyataan itu orang kata sekiranya, kalau Bukit Gasing kena tahu tu. Ada ke tak ada. Tapi jangan main tuduh-tuduh orang kata tu. Ah!

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHKARAN:** Saya tak tuduh. *You* yang kata tadi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya kata kalau projek itu ada kroninya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok terima kasih, kepada Yang Berhormat ya kita kena hormat anggota-anggota dalam Dewan ini. Boleh teruskan Ok.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ialah, kalau ada kroni Kerajaan Negeri pun, ah! Itu saya pun tak tuduh juga. Betul. Kalau ada kroni Kerajaan Negeri pun kita perlu ambil tindakan. Betul Sekinchan, ya. Ok, saya teruskan tuan-tuan dan puan-puan. Kejadian banjir pada September 2012 kawasan Taman Seri Serdang mengalami banjir kilat yang teruk sehingga mengakibatkan 350 buah rumah dan 100 biji kereta telah ditenggelami air. Pada Februari 2013 pula Lebuhraya Damansara Puchong mengalami banjir yang teruk sehingga...

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Tuan Timbalan Speaker, mohon mencelah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** ...lalu ditutup selama beberapa jam lebih 30 buah kenderaan ditenggelami air.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil, Seri Serdang hendak mencelah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ya. Seri Serdang. Terima Kasih.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Dengkil beri laluan Seri Serdang, bila sebut nama Seri Serdang itu sudah dua tiga kali tadi Seri Serdang kena bangun. Memang Kebenaran Merancang dan saya setuju juga Kebenaran Merancang ini dikuatkuasakan. Banjir kilat ini disebabkan Kebenaran Merancang sebelum 2008. Rumah-rumah penambahan telah pun dinaikkan di belakang-belakang rumah teres. Ya, ini Majlis PBT pun tahu perkara ini di zaman pentadbiran Barisan Nasional. Jadi, saya hendak tanya kepada Dengkil, adakah Dengkil setuju sekiranya rumah yang ada tu hampir lebih kurang lima puluh buah rumah supaya penambahan itu kita robohkan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Roboh. Pada September 2012 Seri Serdang, empat tahun setelah mentadbir Kerajaan Negeri jangan Seri Serdang kaitkan pula sebelum tahun 2008. Ha! Itu saya punya respon. Boleh saya teruskan. Pada Oktober 2012.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Boleh terus mencelah sikit, Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Serdang, kalau Dengkil bagi, saya bagi ya. Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Dengkil. Sebenarnya memang saya sendiri melawati masalah banjir ini dan saya sendiri turun di 350 buah rumah ini telah kita memberi sumbangan dan sebagainya. Tetapi bila kita *interview* beberapa rumah itu adalah tambahan rumah itu ditambah semenjak pentadbiran



Barisan Nasional lebih sepuluh tahun sebelum 2008. Yang ini sebab saya katakan bila banjir kilat berlaku di atas sebab-sebab pembinaan ini, bukan selepas 2008 untuk makluman Dengkil. Ya! Yang ini saya tekankan sebab dia menyewa kepada orang Indonesia. Sebanyak RM 500 sebulan. Ini bukti yang nyata dan ada saksi-saksi dan telah pun syorkan kepada PBT. Jadi, saya sebenarnya setuju, KM ini diperkuat, diperkemaskan. Ya Tapi, jangan katakan waktu Pakatan Rakyat, rumah banjir kilat di Seri Serdang. Ya. *Wallahualam.*

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Seri Serdang di atas penjelasan tadi. Saya tidak nafikan kemungkinan perubahan kerajaan pada 2008 kemudian kerajaan bertukar tangan pada tahun 2008. Tetapi apa yang saya pentingkan ialah bagaimana kita boleh membuat penegasan atau pun membuat tindakan-tindakan sewajarnya supaya kejadian-kejadian seperti ini tidak berlaku lagi. Pada Oktober 2013 misalnya, kejadian banjir di Bandar Baru Bangi...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Dengkil, dua minit lagi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Dua minit lagi. Ok. Telah menyebabkan pokok-pokok tumbang, tanah runtuh serta kejadian kenderaan dan bangunan yang ditenggelami air. Fenomena serta kesan-kesan yang sama turut dialami Bandar *Country Home*, Rawang pada sekitar Disember 2013. Terbaru pada Jun 2014 Universiti Islam Antarabangsa Gombak juga telah mengalami banjir kilat yang teruk. Punca utama berlakunya fenomena banjir kilat ialah sistem perparitan serta saluran yang tidak tersusun sewaktu pembangunan sesebuah kawasan dijalankan. Perkara yang lebih merisaukan ialah bencana-bencana lain disusuli yang oleh banjir kilat seperti tanah runtuh. Contoh, kejadian tanah runtuh susulan kejadian banjir kilat ialah kejadian yang melanda rumah anak yatim Attaqwa, Hulu Langat pada 22 Mei 2011 yang telah sekali gus meragut enam belas nyawa dan kejadian pada 29 Januari 2011 di Taman Bukit Mewah, Bukit Antarabangsa yang telah menimbus empat belas buah banglo. Tuan Speaker. Saya degan ini juga ingin menyokong usul yang dibawa oleh Jeram tadi.

**Y.B. TUAN NG TIAN CHEE:** Minta, minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil bagi?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Boleh, boleh.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. TUAN NG TIAN CHEE:** Terima kasih Dengkil dan Timbalan Speaker. Setelah mendengar hujah-hujah daripada yang Berhormat Dengkil. Balakong rasa mungkin Yang Berhormat Dengkil dah keliru. Masalah-masalah yang dibangkitkan tu, ada, tidak ada berkenaan dengan Kebenaran Merancang. Kerana ah! tebatan banjir dan

masalah banjir adalah lebih kepada *planning* infrastruktur. Jadi, adakah pihak Yang Berhormat Dengkil membuat kerja rumah sebelum berbahas. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Terima kasih Balakong. Saya rasa Balakong tak mendengar penjelasan saya tadi. Yang saya katakan, punca utama berlakunya banjir kilat, ialah sistem perparitan serta saliran yang tidak tersusun sewaktu pembangunan sebuah kawasan dijalankan.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Itulah dia pelan infrastruktur. Bukan KM.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Satu pembangunan, kalau buat projek di kawasan Balakong misalnya, di atas bukit misalannya. Tetapi yang bawah itu banjir. Adakah dipantau projek yang di atas bukit itu. Itu. Oklah. Saya ada masalah sikit lagi.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil tak bagi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Ok. Kejap lagilah Kg. Tunku boleh bahas, Bukit Gasing boleh bahas, Balakong boleh bahas.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Tutup. Saya tutup ah! usul menyokong saya ini supaya saya menyeru Kerajaan Negeri dan saya menyeru juga ADUN-ADUN sama ada Adun Pembangkang mahu pun Adun di pihak Kerajaan Negeri supaya kita menyokong usul ini. Usul ini tidak membawa apa-apa usul politik sama sekali. Ianya untuk kebaikan, kesejahteraan rakyat Negeri Selangor supaya kita boleh mengusulkan Kebenaran Merancang ini agar ditekankan dalam apa jua projek-projek yang hendak dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong, maka saya membuka usul ini untuk dibahaskan. Yang Berhormat Sri Muda. Mangsa banjir.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian ke atas usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Jeram. Tajuknya agak menarik dan memerlukan kita untuk meneliti demi kebaikan rakyat yang terbanyak. Saya ingin menyambung dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jeram yang membawa usul ini yang disokong oleh Dengkil bahawa kita, saya secara peribadi saya amat bersetuju supaya Kebenaran Merancang ini haruslah diperolehi

terlebih dahulu oleh mana-mana pemaju oleh mana-mana pihak sama ada syarikat atau orang perseorangan kerana kesan daripada tindakan membina apa pun juga projek pembangunan atau apa pun juga projek yang dilakukan di atas tanah-tanah yang berhampiran dengan saluran akan menyebabkan banjir kilat dan bahkan juga boleh mengancam nyawa. Walau pun demikian saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri susulan daripada usul yang dikemukakan oleh pihak pembangkang tadi kita harus memberi satu masa yang secukupnya kepada mereka-mereka yang telah pun melanggar Kebenaran Merancang atau pun yang tidak pernah langsung memohon Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Sebagai contoh saya dapati di Kampung Jalan Kebun umpamanya. Ya. Ada lebih daripada dua puluh projek perumahan yang langsung tidak mempunyai Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Dan, ini telah menyebabkan masalah-masalah seperti rumah terbengkalai. Ya Projek-projek ini dibuat tanpa mengambil kira sistem saluran yang secukupnya dan ini telah menyebabkan saluran kawasan berhampiran itu menjadi terganggu dan projek-projek yang dilaksanakan sebagai contoh di Lorong Universiti, Kampung Jalan Kebun telah menyebabkan banjir kilat yang berlaku setiap kali apabila hujan lebat. Maka saya ingin menyarankan kepada Kerajaan Negeri, selain kita menguatkuasakan ya! Atau pun meruntuhkan, merobohkan mana-mana projek yang tidak mengikut Kebenaran Merancang ini kita juga harus memberi masa secukupnya kepada pemaju atau pun pihak-pihak yang berkenaan untuk memperbaiki dengan cara memohon balik ya! Atau pun memohon semula kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan agar tidak, agar tidak ada pula pihak lain yang menjadi mangsa di atas tindakan penguatkuasaan yang dilakukan oleh Pihak Negeri atau pun Pihak Berkuasa Tempatan. Kita berikan mereka satu peluang dan juga alternatif, pilihan lain kerana kita tidak boleh menghukum tanpa kita memberikan perkhidmatan yang terbaik ya. Sama seperti kes yang berlaku di Klang, di mana Majlis Perbandaran Klang menguatkuasakan caj pakir sebagai satu contoh. Pakir itu rata-ratanya rakyat setuju, tetapi kalau infrastruktur kawasan itu teruk, jalan tidak diturap, bila hendak ada pakir itu barulah dicat petak nombor berapa dan sebagainya, ini memberikan kesan yang buruk kepada pihak Kerajaan Negeri dan juga Pihak Kerajaan Tempatan. Saya rasa yang terbaik adalah kalau sekiranya cadangan usul ini boleh kita terima Kerajaan Negeri mesti mempertimbangkan untuk memberikan tempoh yang mencukupi kepada semua pihak yang terlibat kemudian barulah dilaksanakan penguatkuasaan dan kalau perlu roboh yang betul-betul menyebabkan banjir kilat dan sebagainya kita roboh. Tetapi, tempoh mencukupi dan alternatifnya haruslah diberikan kepada mereka-mereka yang terlibat ini. Tuan Speaker. Saya menyokong usul yang dikemukakan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya menjemput Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ambil sedikit saja masa daripada perbahasan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Jeram mengenai Kebenaran Merancang yang menjadi isu

perbahasan. Saya ingin menimbulkan satu permohonan penjelasan sebenarnya daripada pihak Kerajaan Negeri, mungkin daripada skop yang agak berbeza sedikit tapi masih juga berkaitan dengan isu-isu membangunkan. saya ambil contoh macam di dalam daerah Kuala Selangor, yang mana sebelum 2008 pun daerah ini sudah digazetkan sebagai kawasan majlis, walaupun di kawasan-kawasan Kampung Tradisional, mereka tidak membayar cukai, tidak dikenakan cukai pintu dan sebagainya. Jadi saya nak mohon kepada pihak Kerajaan supaya membuat penjelasan mengenai tafsiran Kebenaran Merancang ini. Apa yang disebut oleh rakan-rakan tadi termasuk dari Sri Muda, Kebenaran Merancang yang melibatkan bangunan yang berskala besar. Jadi untuk kawasan-kawasan yang kampung tradisi ini, yang mana mereka digazet di bawah majlis dan mereka juga tertakluk pada undang-undang PBT yang saya rasa itu yang berlaku. Bagaimana sekiranya mereka nak membangunkan rumah persendirian, yang atas tapak mereka sendiri. Apakah perlu kebenaran-kebenaran khusus yang mungkin juga boleh di istilahkan sebagai Kebenaran Merancang, sebab mereka nak bina rumah persendirian. Jadi ada ramai pengadu-pengadu berjumpa dengan saya, penduduk-penduduk yang merasakan mereka perlu tak memohon Kebenaran Merancang ini. Sebab ini juga istilahnya merancang. Sebab mereka nak membangunkan rumah persendirian, individu-individu. Jadi tafsiran ini perlu juga diberikan juga oleh pihak Kerajaan supaya mudah rakyat-rakyat yang tinggal dalam kawasan yang bukan juga kawasan taman tapi kawasan persendirian, lot-lot perumahan ini, mereka juga memerlukan Kebenaran Merancang ini. Jadi biarlah skop Kebenaran Merancang ini diluaskan lagi supaya tafsiran ini boleh jelas difahami oleh rakyat dalam negara kita, dalam negeri kita. Yang kedua juga, saya mengharapkan selain daripada apa yang disebutkan oleh Sri Muda tadi memberikan ruang. Saya ingat satu bentuk tindakan juga perlu di perkenalkan kepada mana-mana PBT, bukan sekadar diberikan kepada pemaju tetapi sekiranya berlaku pembangunan yang dijalankan oleh pemaju-pemaju tanpa Kebenaran Merancang sekiranya, saya tak kata PBT tutup mata, tapi kalau ada PBT yang jelas, terang pembangunan itu, nampak kelihatan oleh orang ramai, tetapi tidak menjalankan penguatkuasaan, saya fikir satu bentuk tindakan juga harus diberikan kepada mana-mana PBT yang mungkin terlepas pandang. Ataupun yang tidak mengambil tindakan secara khusus kepada mana-mana kawasan-kawasan pembangunan yang didapati tidak memohon Kebenaran Merancang ataupun tidak mendapat Kebenaran Merancang. Jadi Yang Berhormat Speaker, itu saja daripada saya secara ringkas, dan saya dengan ini menyokong Usul yang dibawa ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih, Timbalan Speaker, Ahli Kabinet Kerajaan dan rakan-rakan Dewan. Saya ingin membahaskan Usul 26, yang telah dibentangkan oleh Jeram, kerana ia berkaitan dengan banyak perkara yang melibatkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat secara keseluruhan. Walaupun Usul ini menggesa kepada Kerajaan agar menghentikan ataupun menyiasat dan

juga melaksanakan proses undang–undang terhadap mana-mana pembangunan yang melibatkan kepada tidak wujudnya Kebenaran Merancang. Namun satu perkara yang saya ingin sentuh daripada perspektif yang berbeza di sini, iaitu berkenaan dengan proses Kebenaran Merancang yang telah berlaku selama ini. Saya nak ucap tahniahlah kepada wakil daripada pihak pembangkang kerana membawa Usul ini. Dan lain kali kalau nak bawa Usul jangan tarik balik. Satu contoh yang baik dan kita boleh bahaskan dengan cara yang berhemah. Dan setelah berpuluh tahun, inilah satu Usul yang baik saya rasa daripada Barisan Nasional. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, di Batu Caves dan beberapa kawasan-kawasan di Negeri Selangor, kita bukan sahaja berdepan dengan masalah daripada perancangan yang tidak dibenarkan ataupun satu Kebenaran Merancang yang tidak di benarkan, tetapi daripada perkara-perkara dan juga projek-projek dan pembangunan yang telah diberikan Kebenaran Merancang. Salah satu perkara yang pernah ditimbulkan dalam penggal yang lepas ialah berkenaan dengan pembinaan Kondominium *Dolomite Park Avenue* di Batu Caves, yang telah mendapat Kebenaran Merancang. Jadi kalau Kebenaran Merancang itu dijadikan sebagai sumber kepada kewujudan masalah, saya kira dengan Kebenaran Merancang yang telah diberikan kepada *Dolomite Park Avenue*, pada satu ketika dahulu, itu juga menimbulkan masalah disebabkan saya kira proses pemberian DM ataupun *Development Order, DO, Development Order* ataupun Kebenaran Merancang (KM) itu tidak melalui proses-proses yang sewajarnya dengan mengambil pendirian dan perhatian daripada masyarakat dan juga penduduk sekelilingnya. Saya kira daripada segi logika akal biasa pun, kalau pembinaan kondominium tersebut difikirkan, pada waktu itu, ketika kebenaran diberikan dengan persekitaran dan penduduk di kawasan tersebut, saya pun tidak pasti bagaimana kebenaran merancang itu diberikan.

Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, saya difahamkan jika satu pembinaan dan pembangunan itu diberikan ataupun ingin ditawarkan oleh satu syarikat kerajaan ataupun mana-mana agensi yang tidak berkaitan dengan pelan pembangunan ataupun pelan pembangunan yang telah ditetapkan oleh kerajaan, ada ketetapan bantahan ataupun ruang bantahan selama 21 hari, yang diberikan oleh pihak Kerajaan Tempatan untuk bantahan daripada penduduk dan masyarakat sekitarnya. Dan ini yang biasanya tidak berlaku apabila penduduk-penduduk tidak mendapat perhatian tentang notis yang telah ditampalkan ataupun notis yang diberikan dan akhirnya selepas cerucuk terpasang ataupun selepas bangunan itu dibina, barulah ada bantahan-bantahan yang timbul daripada proses bantahan. Namun begitu saya ingin mengajak dan mengusulkan pada pihak Kerajaan Negeri supaya mana-mana projek pun yang telah diletakkan di bawah *local* agenda, sebagai contoh, ataupun perancangan pembangunan yang telah terapkan dalam tempoh 10 ataupun 15 tahun pelan pembangunan perancangan pun, dalam masa-masa tertentu untuk membenarkan juga kepada masyarakat dan badan bukan Kerajaan NGO, persatuan penduduk untuk mengemukakan pandangan-pandangan mereka selain daripada diluluskan oleh perwakilan Ahli-ahli Majlis Pihak Kerajaan

Tempatan. Saya kira cadangan ini sangat wajar dan satu *reform* yang baik, kerana ia menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri akan mengambil kira ataupun Kerajaan Negeri akan sentiasa mengambil pandangan rakyat dan menjadikan demokrasi sebagai nilai penting dalam kehidupan dan dalam perjalanan Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, saya mengambil contoh di kawasan saya di Batu Caves. Satu kampung, namanya Kampung Laksamana, yang kerap dilanda banjir. Akibatnya kerana ada satu tasik yang telah dikambus dan diberikan kebenaran oleh pihak kerajaan sebelum ini untuk membina perumahan untuk penduduk-penduduk dan juga untuk masyarakat. Dan akhirnya kawasan itu yang menjadi kolam tadahan semula jadi telah terkambus dan air tidak dapat mengalir untuk menghentikan atau mengasingkan ataupun mengelakkan banjir kilat sementara dan akhirnya beberapa jalan, Jalan 6, Jalan 8, Jalan 10, di kawasan Batu Caves itu sentiasa dinaiki air walaupun pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Pihak Kerajaan Tempatan, MPS sebagai contoh membesarkan longkang dan sebagainya

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Mohon mencelah. Saya nak tanya dengan Batu Caves, banjir-banjir yang berlaku ini adalah kerana kegagalan pihak Kerajaan Barisan Nasional mengawal KM ketika dia dalam Kerajaan. Adakah setuju.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Jauh daripada setuju, maknanya lebihlah bukan jauh. Lebih daripada setuju. Saya ambil ini sebab saya memberikan contoh yang saya berikan tadi. Pembinaan perumahan di Kampung Laksamana, di mana ada tasik semula jadi yang dikambus, pembinaan *Dolomite Apartment* yang telah menimbulkan masalah dan berbagai-bagai isu-isu yang melibatkan banjir dan juga bukan saja banjir malahan kebakaran dan sebagainya. Macam di kawasan Batu Caves, ada sebahagian kampung-kampung itu ada proses pemindahan daripada Majlis Daerah ke Majlis Perbandaran daripada kawasan kampung yang kemudian menjadi kawasan Perbandaran. Dan saya kira proses perubahan ini perlu di penelitian semula, bukan hanya kepada proses yang tidak melaksanakan kebenaran merancang tetapi bagaimana kebenaran-kebenaran merancang yang sebelum ini diberikan. Kebakaran sebagai contoh, tentang pili bomba yang ditempatkan belum termasuk lagi penyelenggaraan pili-pili bomba tersebut, dan diikuti dengan struktur-struktur bangunan. Bagaimana di kampung-kampung yang saya sebutkan tadi. Nama kampung, tapi dalam kampung itu sudah wujud hampir 5 apartmen dan kondominium. Bagaimana sistem saluran itu mampu menampung. Dan kalau ikut Kebenaran Merancang, Kebenaran Merancang telah diberi sebelum ini. Tetapi keadaan semasa itu saya kira tidak membenarkan ataupun tidak memberikan keadaan yang baik dan akhirnya akan menimbulkan suasana yang kurang selesa kepada penduduk

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves, satu minit lagi.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih, Timbalan Speaker. Akhirnya saya berharap agar isu ini diberikan perhatian yang menyeluruh bukan hanya kepada usaha untuk mendenda kepada mereka-mereka yang tidak memberikan Kebenaran Merancang tetapi proses Kebenaran Merancang itu kalau boleh ditambah nilai termasuk beberapa cadangan saya, yang boleh saya simpulkan iaitu berikan ruang kepada penelitian awam walaupun dia telah dimasukkan dalam perancangan Kerajaan Tempatan sebelum ini. Yang kedua, turut meneliti beberapa kampung-kampung juga taman-taman yang dahulunya sesuai dengan kapasiti penduduk-penduduk pada waktu itu tetapi kerana perubahan masa dan Alhamdulillah, Kerajaan kita ini, Kerajaan Negeri mendapat pembangunan yang baik dan ramai perpindahan masyarakat dan akhirnya ia tidak sesuai daripada segi kemudahan-kemudahan yang ada dan sebagainya untuk menampung tentang *facility* ataupun kemudahan-kemudahan dan prasarana yang ditawarkan. Terima kasih. Saya mohon bahas.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Yang Berhormat Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya ni pendek ajelah, masa pun dah pendek jadi ada dua perkara yang saya ingin bangkitkan yang berkaitan dengan Usul Kebenaran Merancang. Saya suka mengambil semangat Sub Seksyen 19 (1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), tiada seorang pun selain Pihak Berkuasa Tempatan boleh memulakan, mengusahakan atau menjalankan apa-apa juga pemajuan melainkan jika Kebenaran Merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya. Ada dua permasalahan yang hendak saya bawa di sini kerana ia berlaku di satu kawasan iaitu di Taman Tasik Teratai Serendah, yang baru ini dilanda dengan banjir lumpur dengan balak-balak sekali dibawa turun. Ini kerana saya dapati terdapat kalau kita nak kan semangat akta ini, saya melihat terdapat kelonggaran di situ, di mana kebenaran membina bangunan sementara diberi kepada syarikat berkenaan. Dan terdapat juga perlanggaran notis 7A, di mana sungai-sungai, anak-anak sungai di dalam tapak-tapak berkenaan dialih luar daripada kawasanya dan barangkali ini untuk memanfaatkan keseluruhan tanah yang mereka dapat. Jadi saya melihat hasil daripada kelonggaran ini terdapat banjir lumpur baru-baru ini yang mengakibatkan seluruh taman dan kita terpaksa membuka satu laluan air alternatif untuk dihalakan masuk ke lombong tinggal di dalam kawasan berkenaan. Jadi oleh itu saya kalau betul-betul lah kita ingin mengambil semangat akta ini, kalau betul-betul kita ingin mengguna pakai 100% akta ini, benda-benda dua perkara yang sangat mustahak iaitu kelonggaran memberi kebenaran sementara dan juga orang-orang yang melanggar notis 7A ini, patut tidak diberikan langsung kebenaran untuk melakukan apa-apa usaha ataupun pembangunan di kawasan berkenaan. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Yang Berhormat Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin ambil bahagian dalam memperihalkan bahawa Usul ini, pada dasarnya kelihatan soleh dan sopan. Tetapi mungkin ada perkara-perkara yang membawa implikasi yang besar kepada pihak Kerajaan Negeri khususnya pada pihak PBT. Ketika mana saya diamanahkan sebagai ADUN Hulu Kelang, saya dapati banyak bangunan-bangunan khususnya dewan-dewan yang dibina di luar, di dalam kawasan, tanpa kebenaran dan pengetahuan daripada PBT. Ada dewan-dewan orang ramai yang kemudiannya dijadikan sebagai tadika KEMAS, dan sebagainya dibina di kawasan-kawasan padang, taman rekreasi, atas jalan pun ada, di kawasan sekolah agama, dan tanpa pengetahuan sedikit pun. Pada hal BN pada masa itu adalah pemerintah. MPAJ khususnya di tempat saya adalah di bawah Kerajaan yang sah pada masa itu. Tetapi didapati bahawa pegawai-pegawai MPAJ tak tahu. Tak diberi maklum, tidak dirujuk, seolah-olah mereka tidak wujud. Itu di peringkat kecil-kecilan, tadika, bangunan KEMAS, balai orang ramai, gerai-gerai tambahan, dibuat ikut suka tanpa bukan hanya memohon pelan merancang, tetapi seolah-olah tidak menghormati, tidak mengangap wujudnya MPAJ pada ketika itu.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, jam sudah menunjukkan 1.00 tengah hari, jadi saya ingin menangguhkan perbahasan hingga jam 2.30 petang. Persidangan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**



**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Perbahasan di sambung semula.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** *Bismilahir Rahmanir Rahim*, Tuan Timbalan Speaker saya teruskan perbahasan saya. Saya tadi mengatakan bahawa pada zaman pemerintahan Barisan Nasional, PBT tidak dimaklumkan bahkan tidak dihormati. Dewan-dewan dibina di kawasan lapang, di kawasan padang, kawasan taman rekreasi, apatah lagi ada yang dibina di tepi jalan, di atas jalan pun ada. Dan saya boleh merasakan di mana ada kerosakan di Hulu Kelang pada masa itu, di situ ada UMNO. Di mana ada UMNO di situ ada kerosakan. Dan pada hari ini kita dihadang dengan satu usul yang saya istilahkan sebagai usul yang sangat soleh dan sangat sopan. Terima kasih dan tahniah kepada Barisan Nasional yang akhirnya insaf dan sedar. Tetapi itu contoh-contoh kecil-kecilan. Ketika kempen pilihan raya 2008 sebuah masjid menghadapi masalah perancangan di Malawati. Kemudian, mereka menjemput Dato' Menteri Besar pada masa itu Sungai Panjang untuk berkempen dan dalam kempen itu mantan Menteri Besar telah memberi janji masjid akan di bina secepat mungkin dan telah memberikan kelulusan secepat kilat. Dan dengan itu kontraktor yang telah dilantik tanpa tender mengerakkan kompetisi bahan binaan besi, keluli, simen, batu bata dan sebagainya. Dan sepanjang tempoh pilihan raya itu kompetisi itu berlaku. Mereka jangkakan mereka menang di Selangor. Tapi takdir Allah SWT mereka kalah. Maka pada masa itu, kerajaan baru Pakatan Rakyat di bawah pimpinan Tan Sri Khalid Ibrahim membekukan pembinaan sehingga proses itu dijalankan dengan baik. Dan apabila pemprosesan itu dijalankan dengan baik, ia boleh berlaku dengan benar. Betul dan membetulkan yang biasa. Tadi, satu perkara yang bukan sahaja peringkat ketua cawangan, Ketua Bahagian UMNO tetapi di peringkat Menteri Besar yang melanggar peraturan dan tidak menghormati Pihak Berkuasa Tempatan. Baru-baru ini saya juga menghadapi satu isu yang besar iaitu kita bekerja kuat, bersungguh-sungguh memastikan tiada berlaku pencemaran dan perubahan sungai. Saya bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) untuk memastikan sebarang struktur haram sudah dibina di kawasan tebing-tebing sungai, yang baru hendak dibina, kita beri notis dan maklumkan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah melaksanakan dengan baik tetapi di atas nama projek *river of light* yang menyebabkan menggunakan kuasa JPS Malaysia, redah sahaja sehingga Dato' DO / Pegawai Daerah Gombak terasa hati kerana beliau tidak dirujuk, tidak ditanya tentang projek tersebut. Bahkan pada baru-baru ini saya terkejut apabila melihat satu *endorsement* yang dilakukan oleh JPS Malaysia terhadap satu kawasan yang telah dibina sebagai pusat pembelajaran pusat tentang hal ehwal sungai. Ini merupakan satu tindakan yang membelakangkan

agensi-agensi kerajaan sendiri dan juga membelakangkan Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi sebab itulah saya merasa gusar, usul yang begini di bawa takut-takut implikasinya memerangkap kerajaan Pakatan Rakyat. Saya menyokong, pada saya usul ini inti patinya, hasratnya pada dasarnya benar dan baik, perlu disokong tetapi saya kluatir implikasinya mereka tidak meletakkan *blame* (dengan izin) pada Pakatan Rakyat dan pada PBT untuk *preparation* (dengan izin) bahawa kerajaan patut memantau supaya tiada pembinaan-pembinaan, dan semua pembinaan tanpa perancangan telah dihentikan serta-merta. Tekanan ini akan dilakukan oleh mereka oleh BN oleh Pembangkang kepada Kerajaan Negeri Selangor di atas dasar cuai dan alpa untuk menjalankan tugas sebenarnya. Dengan itu saya ingin mengingatkan walaupun saya boleh menerima usul ini tapi saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Berhormat Dewan yang mulia ini agar berhati-hati dengan maksud yang mungkin tersirat dalam usul ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Speaker, Seri Andalas hendak bersama di dalam usul yang dibawa oleh Pembangkang. Pertama sekali saya hendak ucapkan syabas sebab usul ini berkaitan keseluruhannya. Pihak Tempatan pada masa 2008 dan sebelum itu, kita tidak boleh salahkan mereka sebab apa yang dilakukan oleh ADUN-ADUN pada waktu itu Barisan Nasional dan Ahli Majlis–Ahli Majlis pada waktu itu mereka telah pun melakukan beberapa kesilapan dan tanpa rujukan kepada PBT. Sebab itu sekarang kita nampak di dalam kawasan-kawasan tertentu di semua ADUN-ADUN di negeri Selangor ada bangunan-bangunan yang telah pun dibangunkan tanpa kelulusan-kelulusan Kerajaan Tempatan. Contoh di dalam kawasan saya di atas beberapa kawasan padang permainan ada bangunan-bangunan tetap yang telah dibina. Bila minta kepada Pejabat Tanah ataupun kepada PBT mereka tidak tahu bahawa di atas tanah itu akan dibenakan satu pejabat ataupun bangunan-bangunan yang ada sekarang. Soalan kita ialah, apa kita hendak buat dengan bangunan-bangunan ini yang telah dibina tanpa kelulusan ataupun tanpa kebenaran dari PBT-PBT. Dan ini ada masalah, masih saya nampak ada orang-orang tempatan ia bukan sahaja naikkan bangunan di kawasan lapang tetapi dia pagarkan kawasan itu seperti kawasannya sendiri. Dan ini kita, PBT kena ambil tindakan. Ini soal penguat kuasa. Kalau penguat kuasa buat kerja dan semua pembangunan-pembangunan *development* di kawasan-kawasan tertentu ini kalau mendapat kelulusan dan mendapatkan kebenaran merancang tidak menjadi masalah sebab pelan-pelan itu akan proses-proses yang ditetapkan oleh kerajaan dan akhirnya ia akan di lulus. Kita cukup dengan akta undang-undang di dalam negeri. Kita tidak perlu undang-undang baru ataupun undang-undang yang akan terlibat. Tetapi apa yang kita hendak kelak untuk penguat kuasa di dalam PBT, Perancang Bandar untuk ambil tindakan yang sewajarnya atas pembinaan-pembinaan yang tidak diluluskan. Contoh di Seri Andalas baru-baru ini saya diberi tahu saja oleh orang-orang tertentu bahawa ada satu pembinaan besar di satu *traffic light* besar di Taman Sentosa. Kalau kita tidak

ada *impact result, social impact* di sana. Tapak ini kalau dibenarkan kompleks ini yang akan dinaikkan kita ada masalah besar dengan *traffic* dan *social impact*. Di dalam usul ini saya minta kalau boleh PBT kalau adalah program-program, projek-projek besar yang didirikan di kawasan ADUN-ADUN tempatan. Tolong beritahu dengan ADUN ataupun masukkan ADUN dalam satu jawatankuasa yang ditetapkan oleh PBT ataupun Pejabat Tanah untuk kita diberitahu, dan kita akan memainkan peranan penting di dalam kawasan sebab kita yang selalu dapat aduan dan kita bantahan ataupun permintaan dari rakyat di bawah. Bukan PBT dan sebagainya. *Point finger first*, pertama sekali itu ADUN. Saya memilih *you, you* kena buat sesuatu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Seri Andalas, 1 minit lagi.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** So, saya memang katakan sebelum sesuatu projek itu dibenarkan apa *stage* pun, di mana *stage* dia kena dapatkan kebenaran, kena dapat kelulusan dari jawatankuasa tempatan dan dikuatkuasakan oleh semua PBT di dalam negeri Selangor. Apa yang hendak buat dengan bangunan-bangunan yang telah didirikan sebelum 2008, ada tadi Hulu Kelang ada surau atau masjid yang akan dibina tetapi di dalam kawasan saya tokong dan juga kuil telah pun dibina. Di atas jalan pun ada tokong dibina tanpa kelulusan pada waktu 2008, tiga (3) minggu sebelum pilihan raya 2008 tokong ini dibina di atas jalan dan sekarang kita hendak buat apa dengan tokong itu di atas jalan. Siapa punya tanggungjawab itu? Inilah isu-isu yang kena atasi kalau ikut undang-undang yang kita ada, ikut peraturan tetap itu memang tiada masalah di dalam negeri Selangor. Dari 2008 sehingga sekarang kita telah nampak banyak perbezaan di antara pengurusan kerajaan Barisan Nasional dan pada waktu sekarang di mana kita tetapkan projek-projek ini tidak lagi diadakan ada kita minta kelulusan sebelum apa-apa pembinaan berlaku di atas kawasan-kawasan tertentu. Dengan ini saya habiskan hujah saya di atas usul yang dibawa oleh Pembangkang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat rakan-rakan sekalian, *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Bangi ingin turut serta membahaskan usul yang di bawa oleh Jeram ini dengan memulakan ucapan terima kasih dan Jeram yang mulakan usul ini. Dengan komitmen dan kesungguhan bagi memastikan sebuah kerajaan yang baik ini di atas timbang tara yang baik. Apa yang melatar belakangkan usul ini adalah Akta 172 yang berada di peringkat persekutuan sudah ada akta, peraturan dan undang-undang yang membelakangi soal-soal merancang ini pun masih berlaku ketidakpuasan pelaksanaan di peringkat akar umbi. Saya ingin mengatakan dua kekhawatiran saya terhadap usul sekiranya kita bentang usul ini. Yang pertama adakah mengenai usul ini boleh juga mungkin berlaku pencegahan dengan Akta 172 dari sudut pelaksanaan kerana mengikut fahaman saya sekiranya mana-mana pelanggaran

dari mana-mana kemajuan ada cara-cara yang harus patuhi sebelum sesuatu tindakan meroboh atau memberhentikan serta-merta sebarang projek berkenaan. Termasuklah memberikan notis yang mencukupi dan sebagainya. Sekiranya kita boleh meluluskan usul ini, adakah mungkin ada percanggahan? Ini perlu diperhatikan oleh pihak kerajaan negeri. Bila sudah pasti ada percanggahan mengikut usul yang hendak kita luluskan nanti. Kekhawatiran saya yang kedua adalah mengenai keberkerjasama jentera kerajaan dalam melaksanakan kajian yang baik. Kajian Pakatan Rakyat dengan komited melahirkan sebuah kerajaan bertanggungjawab dan baik bagi memenuhi mandat rakyat. Ini sahaja bukti dua penggal yang dibuktikan oleh Pakatan Rakyat ketika memimpin negeri Selangor tiada salah laku dan guna kuasa ataupun ketirisan atau rasuah di peringkat kerajaan. Tetapi yang kita risau adalah pelaksanaan di mana beberapa kajian kelulusan kerajaan tidak di pandang dengan serius oleh jabatan-jabatan. Saya mengambil contoh dua kes yang bawa oleh rakan saya tadi tentang kes di Batu Tiga, Bangi yang kemajuannya tindakan banjir besar, bukan setakat banjir tapi banjir lumpur. Saya merujuk kepada Pihak PBT berkenaan dan jawapan saya memanglah ada jawapan telah diberikan supaya mematuhi piawaian yang disediakan tetapi malangnya mengapa tiada pemantauan yang keras atau telus untuk memastikan lama berlaku. Pada fahaman saya adalah soal pelaksanaan pemantauannya. Contoh yang kedua berlaku di Gombak . Banjir di Gombak UIA sejurus selepas itu kita dengar kenyataan daripada Pegawai Daerah yang menyatakan rasa tidak puas hati terhadap pelaksana tersebut bahawa kami telah meminta untuk mematuhi tetapi pematuhan tidak berlaku. Saya bimbang ialah bila kerajaan ada komitmen untuk melahirkan kerajaan yang baik tetapi di peringkat pelaksanaan masih tidak terlaksana dan kebimbangan ini kerajaan supaya ada KPI yang serius untuk memantau pelaksanaan ini. Kalau perlu program *hire and fire* kerajaan mesti laksanakan *hire and fire*. Pihak kerajaan yang tidak melaksanakan idea ini maka kerajaan mesti bertindak tegas kerana ini adalah harapan rakyat. Rakyat mahu melihat mandat yang diberikan kepada Pakatan Rakyat ini melahirkan satu kehidupan yang selesa yang boleh menjamin kehidupan mereka sekarang ataupun masa-masa hadapan. Tetapi jika tiada persamaan di kalangan pelaksana-pelaksana dasar kerajaan tidak gunalah kita melaksanakan dan meluluskan usul ini. Tuan Timbalan Yang Dipertua saya berharap kerajaan memikirkan serius soal memastikan pelaksanaan ini serasi, dan bersama dengan kerajaan yang mengutamakan rakyat ini. Saya boleh menyokong sekiranya kerajaan boleh memastikannya ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker membenarkan saya untuk membahaskan usul yang dikemukakan oleh Jeram. Di bawah seksyen 19 subseksyen 1 Akta Perancang Bandar dan Desa secara jelasnya telah menggariskan apa yang cuba di bawa oleh Jeram larangan terhadap pemajuan tanpa perancang. Teratai di sini ingin membangkitkan sejarah di mana terdapat

banyak bangunan-bangunan yang telah dibina tanpa kebenaran merancang sebelum ini yang telah membawa kesusahan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat masa kini. Sebagai contohnya terdapat satu stor simpanan barang yang kononnya dimiliki oleh UMNO di Jalan 1/16, Taman Bukit Teratai baru dirobohkan yang mana tindakan perobohan ini telah ditangguhkan sejak 4 tahun yang lalu. Apa yang berlaku di dalam kes ini ialah Kerajaan Selangor Pakatan Rakyat terpaksa untuk memberi sumbangan, Kerajaan Pakatan Rakyat yang berperikemanusiaan terpaksa memberi sumbangan supaya kita nak mengalihkan stor simpanan barang yang menjadi halangan kepada penduduk. Selain daripada itu terdapat 6 kilang haram, di Jalan Teratai 1/9B dan yang juga salah bina kawasan di atas lapang yang mana telah menjadi bantahan penduduk di sekitar tersebut. Ini merupakan contoh bangunan haram, bangunan yang telah dibina tanpa kebenaran merancang ini yang menyebabkan kesusahan kepada penduduk persekitaran. Akan tetapi kita sebagai sebuah kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai wakil kerajaan kita juga kena mematuhi undang-undang di bawah Akta 172, Akta Perancang Bandar dan Desa bukan sahaja ada Seksyen 19A, 19 subseksyen 1, malah juga terdapat seksyen 19 subseksyen 2 di mana terdapat pengecualian terhadap beberapa kategori yang mana kebenaran merancang tidak perlu di mana meliputi pengubahsuaian dalaman rumah dan juga terdapat bangunan-bangunan yang dibina oleh JKR yang mana merupakan kemudahan-kemudahan awam. Ahli-ahli Yang Berhormat kita cuba mengimbas kembali dalam tahun 2010 terdapat 3 kali bangunan runtuh di Negeri Terengganu. Di Negeri Terengganu di mana melibatkan Stadium Sultan Zainal Abidin yang melibatkan Universiti Malaya Cawangan Terengganu. Bagi tragedi-tragedi bangunan runtuh ini terdapat kes maut, terdapat ada orang cedera. Jadi bagi bangunan-bangunan runtuh ini apa yang kita nampak bukan sahaja dari segi kebenaran merancang adalah dari segi sama ada pelaksanaan yang mengikut kebenaran merancang yang telah diberikan atau tidak. Barang kali bagi bangunan-bangunan yang menjadi masalah di kawasan DUN-DUN Ahli Yang Berhormat adalah disebabkan oleh pihak pemaju ataupun pemohon yang telah diberikan kebenaran merancang mereka gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam kebenaran merancang. Ini bukan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Teratai satu minit lagi.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, ini bukan sahaja atas soal sama ada kebenaran merancang diberi atau tidak. Ini adalah perkara sama ada dari segi *enforcement* dengan izin di bawah undang-undang mengikut prosedur Akta atau Undang-undang Malaysia. Satu contohnya beberapa tahun yang lalu terdapat satu kes di mana terdapat satu dewan yang telah dibina tanpa kebenaran di bawah pentadbiran MPKj apabila MPKj tindakan tegas telah menghentikan serta merta seperti mana yang dikemukakan dalam usul ini. Apa yang terjadi terhadap MPKj, pihak NCABN ambil tindakan undang-undang terhadap pihak MPKj jadi adakah Yang Berhormat Jeram pada hari ini bersetuju atas tindakan yang telah diambil oleh pihak MPKj yang di mana mereka telah mengambil tindakan

tegas dengan menghentikan serta merta dan mengambil alih bangunan yang dikatakan dibina atas tanpa kebenaran merancang ini. Jadi dalam perkara ini saya juga menghargai apa yang dikemukakan Yang Berhormat Jeram yang mana kerana dikatakan kalau semua pembangunan dikehendaki kebenaran merancang.

**TUAN SPEAKER:** Teratai, Balakong ingin mencelah.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih saya ingin bertanya berdasarkan apa yang Teratai katakan tadi memang banyak saya bersetujulah memang banyak bangunan-bangunan yang didirikan oleh parti-parti politik terutama dari Barisan Nasional adalah merupakan bangunan haram iaitu yang tidak ada kelulusan. Adakah Yang Berhormat Teratai bersetuju kalau kita mengambil tindakan merobohkan semua bangunan haram yang dibina oleh UMNO Barisan Nasional yang belum lagi melalui proses pemutihan atau pun diambil alih oleh pihak kerajaan dengan serta merta. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Balakong saya rasa soalan ini kena dijawab oleh Jeram atau pun kerajaan negeri. Jadi di sini saya nak mengakhiri ucapan perbahasan saya yang mana bukan senang kita nak menyokong usul yang dikemukakan itu sebab apa yang berlaku sekarang ialah sama ada sebagai wakil rakyat sebuah kerajaan sama ada kita nak mematuhi undang-undang ataupun nak mengikut Akta 172 yang telah diwartakan di peringkat Parlimen dan juga mengikut prosedur yang ditetapkan. Jadi dengan inilah di sini saya di sini mengakhiri ucapan perbahasan saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya mempersilakan pihak kerajaan jika nak buat apa-apa penjelasan

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Nahi makruf nahi mungkar akhirnya kita nampak ada kesungguhan dari pihak Barisan Nasional untuk menolak kemungkaran. Saya bercakap sedemikian kerana tiga penggal dahulu apabila saya menjadi pembangkang. Bila saya menjadi pembangkang berbagai kesalahan berkenaan dengan pembangunan tanpa kelulusan atau kebenaran merancang ini dibangkitkan kita tidak ada tindakan malah dibela umpamanya kes seperti Projek Sate House di Pelabuhan Klang, di Pandamaran yang didirikan oleh ADUN ya dahulu Zakaria Derus diambil tindakan bertahun-tahun termasuk mahligainya. So itu saya bangkitkan waktu itu Jeram pun bersama dengan saya tidak nampak Jeram membela saya tetapi dia mendingkan diri. Jadi saya ucapkan terima kasih sekurang-kurangnya ada kesedaran di pihak Jeram sekarang membawa satu usul yang saya kira berkaitan dan relevan dan sukacita saya membaca usul yang saya cadangkan ini dan perlu difaham dengan sebaik-baiknya. Usul ini menyatakan bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT agar menyiasat dan serta menghentikan serta merta sebarang projek pembangunan yang dilaksanakan tanpa kebenaran

merancang yang dilaksanakan bukan yang disempurnakan. Jadi bererti yang sedang berjalan, yang disempurnakan itu kita kena lihat keadaan kerana dah orang lama berada di situ, rumah dah lama, dah lama dalam perniagaan kita akan ambil tindakan dengan kelonggaran bukan sahaja notis yang mencukupi tetapi dengan kelonggaran dengan kalau ada penempatan kita akan bagi apa itu pertimbangan bergantung kepada keadaan kalau dia berada di atas tanah rizab tidak boleh, kita cuma boleh memberi kelonggaran dari segi masa tetapi dari segi membenarkannya meneruskan aktiviti memang tidak boleh. Jadi itu kita lihat tetapi saya bersetuju sangat sebenarnya saya bersetuju sangat bahawa tindakan yang segera diambil untuk menyasat dan menghentikan sebarang projek pembangunan dan bila kita melihat projek pembangunan ini kebiasaannya dia tidak merujuk kepada projek pembangunan besar. Sebab projek pembangunan besar ini pemaju ada pengalaman dia ada konsultan, dia memang melalui proses-prosesnya. Yang biasa berlaku pada projek-projek yang kecil malah nak kata projek pembukaan umpamanya pembinaan rumah seperti yang dibangkitkan oleh Permatang di tanah sendiri di kampung macam mana. Sekiranya di bawah bidang kuasa PBT maka kebenaran merancang itu perlu dipohon jadi sekiranya ada pertanyaan boleh ke tidak yang sebenarnya pergilah PBT, tanya PBT berkenaan keadaan saya sedemikian saya nak buat bangunan baru sama ada KM ini diperlukan atau itu yang sebaik-baiknya. Kalau kita bincang di sini kita tidak tahu butir-butir kepada setiap projek tersebut. Jadi saya berharap semua pihak juga memberi sokongan kepada PBT apabila mereka menguatkuasakan undang-undang yang berkenaan khususnya subseksyen 19, 20 dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa memperuntukkan bahawa sebarang pembangunan memerlukan kebenaran merancang, sementara itu seksyen 20 menyatakan itu ada kesalahan sekiranya pembangunan itu tidak mengikut kebenaran merancang yang telah diluluskan kesalahan itu diperuntukkan di bawah seksyen 26, 27 jelas bahasanya jelas undang-undangnya walaupun ada kelonggaran kita juga boleh lihat seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Teratai tadi. Ada kelonggaran yang wujud dalam seksyen 19 (2) itu tersebut. Iaitu sekiranya ada pengubahsuaian dalaman tetapi itu juga bukan semua secara umum tetapi lima ada syaratnya. Dengan syarat kalau ada perubahan dia tidak boleh melibatkan perubahan penggunaan itu iaitu rumah kediaman kita buat *interior, renovation* dengan izin kemudian kita itu jadi tempat perniagaan itu tidak boleh. Umpamanya kalau ia akan menyebabkan bangunan tersebut dari luaran itu lihat dah tahu dah lain bangunan umpamanya rumah di buat dalaman perubahan dalaman tetapi dengan cermin yang besar nampak di dalam nak jalankan perniagaan itu tidak boleh. Dia meninggikan bangunan tersebut atau dia memperluaskan kawasan tapaknya tidak boleh itu syarat-syarat tetap ada dan PBT mempunyai pengetahuan yang mencukupi Cuma ada masalahnya adalah kadang-kadang campur tangan daripada politik. Saya ingin memberi peringatan, orang politik jangan campur tangan dalam penguatkuasaan. Kalau ada kes-kes tertentu bawa kepada pengetahuan kepada Pihak PBT, biar PBT yang memutuskan mengikut prosesnya, kalau ada rayuan kalau wakil rakyat ada rasakan kes ini perlu diberi pertimbangan tulis pada PBT, biar PBT terus, jangan telefon, jangan terus campur tangan, jangan bagi tekanan,

biar PBT yang memutuskan untuk mengikut ada rayuan kalau kata wakil rakyat katakana ada kes perlu diberi pertimbangan tulis pada PBT, PBT terus hendak jangan supaya YDP ikut kata kita sebab ini pengundi kita dah dekat pilihan raya dan sebagainya jangan. Orang UMNO yang buat begitu, orang PKR jangan buat begitu, orang PAS jangan buat, DAP lagi jangan buat. Tidak boleh campur tangan di dalam politik ini menjadi yang saya hadapi sebab itu saya cerita, ini orang punyalah nampak pusat perkhidmatan, jangan campur tangan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya Cuma minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Sungai Panjang, Sungai Pinang minta maaf Sungai Pinang memang kita tidak boleh campur tangan di sini saya setuju tapi kalau ada mereka yang datang mengadu minta tolong atas rasa perikemanusiaan. Saya nak minta sedikit pedoman daripada Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Sekinchan. Itulah masalahnya bila sebut perikemanusiaan itu tafsiran dia lain-lain. Itu yang menjadi masalah. Bila kita nak buat penguatkuasaan memang tak dapat lagi. Dah kita bagi kelonggaran, notis cukup dan dari segi undang-undang dah kita cuba tak boleh nak buat dan datang merayu bagi tekanan dan tulis pada YDP. Telefon YDP, telefon EXCO, tulis pada EXCO, tulis pada MB, MB pula catat "Dato' Teng sila ambil tindakan.". itu masalahnya. Kalau tidak dia bawak surat khabar, bawak media TV3 tunjukkan kat media ini tidak adil, tak ada perikemanusiaan. Itulah bila penguat kuasa kita dalam keadaan tertekan ini bagaimana dia dapat melaksanakan undang-undang dengan adil dan baik. Tapi kita salahkan dia. Salahkan EXCO. Salahkan MB pun tak peduli. Itu yang menjadi masalah. Jadi kalau kita luluskan usul ini tak ada masalah cuma saya berharap kita kena berpegang teguh kepada semangat kita meluluskan usul ini. Jangan telefon lagi, jangan tulis. Ini tekanan. Itu yang kita tak nak. Dan cadangan daripada Batu Caves tadi bahawa kawasan itu yang sudah dibangunkan walaupun ada rancangan tempatan sepatutnya tak perlu adakan pendengaran tetapi telah diadakan pendengaran mungkin itu satu amalan yang boleh kita terima tapi kalau kita terima secara bulat-bulat dan melaksanakan secara umum saya rasa itu akan membantutkan pembangunan kerana dalam rancangan tempatan itu kita telah melalui proses pendengaran awam. Setuju tak kawasan ini dizonkan sebagai kawasan kediaman, ini sebagai zon pertanian, ini sebagai zon industri. Tiba-tiba apabila kalau mengikut undang-undang kalau dizonkan sebarang pembangunan itu tidak lagi perlu pendengaran kerana pendengaran sudah pun dibuat. Tapi kalau kita nak buat juga dengan cara itu tidak mengikut undang-undang maka ia akan mengundang lebih banyak masalah kerana tahu je la sekarang ini semua orang hendak bersuara. Dalam demokrasi khususnya dalam Selangor ini kita sebuah kerajaan yang terbuka yang bersedia untuk menerima pandangan dan juga teguran maka ada pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan sampai semua dia hendak mengikut kata dia. Tak ada masalah kita mendengar tapi biarlah pihak yang



dipertanggungjawabkan untuk membuat keputusan itu membuat keputusan mengikut prosesnya. Yang susahnyanya bila kita membawa pandangan kita nak paksa orang terima pandangan kita. Itu yang jadi masalah. Proses itu kita kena hormatinya. Jadi cakap, senyum senang kan Sekinchan. Nak buat kerja tu yang susah. Itu masalah yang dihadapi oleh PBT kita bila kita nak melaksanakan. Saya setuju dengan Sri Andalas mungkin apabila kita mempertimbangkan permohonan merancang mungkin ADUN kawasan tersebut harus maklumkan khususnya projek yang besar harus dimaklumkan supaya kita boleh memperolehi pandangan dari ADUN berkenaan dan sekiranya ada, kemukakan pandangan. Tapi jangan bagi sokongan kuat. Itu jadi masalah juga. Kalau tak setuju nyatakan alasan kenapa saya rasa tidak sesuai. Ini berlaku di semua DUN, saya faham. Dan kawasan saya ada juga yang menentang pembangunan itu yang pengundi yang menyokong kita berpenggal-penggal datang ini projek saya boleh YB tolong sikit. Kalau nak tolong tu macam mana kita nak tolong. Kita kena ikut undang-undang. Tolong pun tolong ikut undang-undang. Kalau undang-undang benarkan kita boleh merayu kalau pembangunan ini memang mematuhi undang-undang, mematuhi dasar. Kita boleh kata tidak ada bantahan tapi kalau tidak mematuhi syarat-syarat, tidak mematuhi dasar kita dan melanggar atau bercanggah dengan undang-undang memang kita tidak dapat tolong. Jangan sebab kita nak tolong, sebab kesian maka kita tidak dapat, kita kompromi dalam penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang yang ada pada kita ini. Jadi saya sekali lagi meminta supaya yang saya rasa lebih penting adalah bagaimana kita melihat dan berpegang pada semangat usul ini bukan pada usul itu sendiri sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pinang, ini Sungai Burong betul.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya ingin dapatkan penjelasan tadi kerana Yang Berhormat EXCO tadi telah sebut tentang kemungkinan mengkaji menimbang cadangan dari Batu Caves untuk mana-mana yang telah dibangunkan perancangan ini tapi perlu diberikan bantahan. Tapi keadaannya sekarang ini, senario yang berlaku realitinya di kawasan tempat kita banyak bangunan-bangunan ini telah dibina lama berpuluh-puluh tahun oleh keadaan suasana pada masa itu tidak mematuhi peraturan membina. Kita ingat sebagai contoh pun bangunan yang sensitif seperti rumah-rumah ibadah saya ingat ini telah banyak dibina di atas tanah-tanah rizab dan sebagainya seperti kuil-kuil dan sebagainya. Jadi sama ada untuk dasar kita jadikan pembangunan yang lestari di negeri Selangor ini jadi bangunan-bangunan yang telah dibina, pembangunan yang tidak terancang termasuk penambahan-penambahan ini ada buat dasar pemutihan oleh sebab keadaan-keadaan tertentu supaya ini dapat memberi pertimbangan faktor-faktor sensitiviti dan keadaan latar belakang di mana bangunan-bangunan telah wujud saya nak bagi contoh seperti di Sungai Sepuluh itu sendiri dalam sepanjang jalan Sungai Sepuluh saya ingat rumah ibadah kuil ini lebih dari sepuluh buah. Dalam sepanjang jalan tak sampai 3 kilometer.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik sekarang bukan giliran Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Jadi saya nak minta penjelasan kepada Yang Berhormat EXCO sama ada mungkin boleh dipertimbangkan dasar pemutihan ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, dasar pemutihan itu tidak boleh bercanggah dengan undang-undang juga. Yang boleh kita putihkan kita putihkan. Yang tak boleh kita putihkan jangan kita putihkan. Bagaimana kita nak putihkan arang, arang tu memang hitam. Macam mana kita nak putihkan arang. Tak mungkin. Kalau kain itu kotor, hitam kita bersihkan dia jadi putih itu boleh. Baju kotor kita putihkan itu boleh. Tapi arang tu memang tak boleh putihkan. Jadi umpamanya tak kira sama ada rumah kediaman ke, rumah ibadat ke, kilang ke kalau dia berada dalam rizab sungai tak boleh kita putihkan. Cuma kita bagi kelonggaran. Selagi kita tidak memerlukan tanah itu untuk pembesaran sungai kita tak sentuh. Itu memang dasar kita. Kalau kilang itu tidak mendatangkan masalah pencemaran dan sebagainya di dalam kawasan rizab sungai tak perlu kita sentuh kita jangan sentuh. Khususnya rumah ibadat. Saya sebagai pengerusi dalam jawatankuasa rumah ibadat bukan Islam memang semua permohonan daripada rizab jalan, rizab sungai tidak dibenarkan langsung tapi kita tidak ambil tindakan serta-merta sebab kita tahu dia sudah lama berada di situ. Sebab dulunya Barisan Nasional tidak membuat kerja dengan baik. Jadi kita yang mewarisi masalah itu. Tapi jangan kita mewarisi cara kerja dia. Masalah kita cuba selesai. Tapi ia perlukan masa yang panjang. Setahun dua tak dapat. Sepenggal dua tak dapat. Kita ambil masa yang panjang kalau ada kalau lima penggal mungkin sebab pembangunan banyak kita carikan tempat pembangunan yang baru, tapak yang baru maka penempatan yang baru boleh kita sediakan. Kalau Kuala Selangor kalau Sungai Burong, kalau pembangunan pesat maka kita dapat mensyaratkan tapak tertentu untuk diperuntukkan untuk rumah ibadat, untuk kilang dan sebagainya maka kita boleh buat penempatan semula. Tapi sepenggal dua ni tak mungkin. Itu kita akui, itu masalah yang kita hadapi sekarang ini. Jadi cumanya projek yang baru ini memang arahan ambil tindakan segera. Termasuk satu arahan daripada STANCO daripada Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan adalah bahawa tidak ada lagi KM sementara. Sebab KM sementara yang diwujudkan pada zaman Barisan Nasional disalahgunakan jadi kita tidak mahu ini diteruskan. KM sementara dia buat bangunan untuk perniagaan untuk ekspu untuk buat pusat perabot tapi sementara untuk 30 tahun. Itu KM sementara. Tak ada lagi KM sementara. Di tempat kawasan saya sendiri KM sementara untuk buat stadium badminton saya kata saya tak setuju sebagai ADUN terpulanglah pada PBT tengok setuju ke tidak. Akhirnya PBT tak setuju. Bawa ke mahkamah, kena roboh. Itu yang ditunjukkan sebagai teladan di Klang dulu. Sebab Klang ADUNnya ada Menteri Besar, ada EXCO ramai kita kena tunjukkan di Klang dulu. Yang lain kena ikut Klang. Sila.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker saya nak mohon mencelah. Berbalik kepada tindakan Kebenaran Merancang sementara tadi tu apakah ada kemungkinan sebagaimana yang saya bangkitkan tadi iaitu satu tempat di Taman Tasik Teratai, Serendah yang dah di kompaun 3 kali kerana tidak ada Kebenaran Merancang cuma diberi Kebenaran Merancang sementara dan di situ juga terdapat pelanggaran yang boleh dikeluarkan notis 7A mengalih anak sungai. Apa pandangan?. Dia sekarang ni, tengah berlaku ni. Inilah yang mengakibatkan banjir besar di mana balak-balak turun di belakang-belakang rumah di Taman Tasik Teratai. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Pada dasarnya, kerajaan negeri telah mengarahkan supaya tidak ada sungai yang boleh dialihkan alirannya. Kita ada pengalaman yang cukup pahit di dalam daerah Petaling ini di mana disebabkan aliran sungai ini bangunan hampir runtuh, hampir retak. Jadi pada dasarnya kita tidak benarkannya. Tapi untuk projek yang telah pun sempurna tetapi belum dibuat permohonan merancang ada kelonggaran diberikan dengan syarat pelan bangunan itu sendiri mematuhi undang-undang sedia ada. Kelonggaran sedikit sebanyak mungkin boleh diberikan tapi kalau begitu jelas bercanggah dengan undang-undang dan mendatangkan ancaman kepada keselamatan orang ramai yang memilikinya yang mendiami bangunan tersebut maka ia tidak boleh kita berikan kelonggaran. Jadi kita akan mempertimbangkan keseluruhannya. Tapi untuk projek yang sedang dilaksanakan itu memang tindakan yang seberapa segera yang mungkin kita juga akan ambil tindakan. Dan itu yang saya minta jangan ada tekanan, rayuan boleh. Kemukakan rayuan untuk pertimbangan boleh. Tapi jangan kenakan tekanan. Jangan gunakan perikemanusiaan sebab kerajaan negeri ini banyak perikemanusiaan. Kita mempertimbangkannya. Jadi bila kita buat demo dan sebagainya, Sungai Panjang, demo kurang sikit kita banyak berdialog cari penyelesaian untuk masalah rakyat. Cari jalan untuk selesaikan masalah. Kalau demo-demo ni maklumat tak sampai. Kita baca surat khabar, Sungai Panjang demo tapi apa sebabnya tak tahu. Sebab perikemanusiaan sahaja. Itu susah sikit. Itu yang saya dapat jawab sekiranya ada soalan, ada masalah seperti demikian boleh bawa ke pejabat saya untuk kita bincangkan. Sila.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker. Nak minta penjelasan Yang Berhormat EXCO ulas sikit berkenaan dengan apa yang saya sebutkan tadi berkenaan dengan Kampung Batu 3, Semenyih. Projek tu projek baru tu yang menyebabkan banjir berlaku baru-baru ni daripada UEM Sdn Bhd. Jadi itu jangan dikaitkan dengan Barisan Nasional. Yang sekarang ni.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Yang itu mungkin butir-butir Yang Berhormat boleh dapatkan dengan Majlis Perbandaran sebab di peringkat ini saya hanya tahu pada dasar pelaksanaan ini dibawa, sekiranya ada masalah yang tak dapat diselesaikan dibawa kepada saya. Tapi pada dasarnya sekiranya projek itu ada kebenaran merancang tapi dalam proses pembinaan itu dia mendatangkan masalah

kita tidak boleh batalkan kebenaran merancang sebab mendatangkan masalah dalam proses pembinaannya. Sebab itu adalah keadaan biasa. Bila dalam pembinaan memang sungai kita mungkin disebabkan ditebang pokok di kawasan itu untuk pembinaan maka air hujan itu tidak diserap oleh pokok maka masuk ke sungai dan dalam volum yang besar itu mendatangkan banjir. Itu mungkin berlaku. Tapi kita boleh ambil tindakan. Tindakan pencegahan termasuk mengarahkan supaya pemaju itu membuat longkang dulu, perparitan dulu sebelum pembinaan dibuat. Itu semua boleh dilakukan. Tetapi itu tidak bererti kita boleh membatalkan kebenaran merancang sebab apabila kita meluluskannya kita bertanggungjawab. Bila kita nak membatalkan kita kena bayar ganti rugi. Jadi sekiranya mereka melalui proses yang baik, proses yang betul kebenaran merancang diperolehi maka kita kena lihat kita selesaikan masalah sampingan di bawa dalam proses pembinaan tersebut. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tidak ada kelulusan untuk mengalih sungai sedangkan Bangi tadi telah mendapatkan maklumat daripada PBT bahawa ada kelulusan tetapi pelaksanaan yang tidak betul maksud saya di Serendah. Jadi ada kekeliruan. Satu kata tidak ada kelulusan, satu kata sudah bertanya tapi kata ya. Jadi mana satu yang benar. Dan eloklah diselesaikan dengan cara berdemo. Kami Barisan Nasional memang bersetuju sebab demo ni Pakatan Rakyat yang suka berdemo sedangkan kami dengan sebaik-baiknya eloklah bermesyuarah dalam mesyuarat. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Yang saya ulaskan tadi adalah dari segi dasarnya. Sekiranya pelaksanaannya tidak ikut dasar saya mohon Yang Berhormat bawa untuk pengetahuan saya supaya kita berdialog, ada komunikasilah. Bila terbantut komunikasi buatlah demo. Tak ada masalah. Demo itu sebahagian daripada demokrasi. Sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) agar menyiasat dan menghentikan serta-merta sebarang projek pembangunan yang dilaksanakan tanpa kebenaran merancang. Ini amat penting kerana pembangunan yang tidak terancang dan terkawal boleh menyebabkan masalah banjir kilat, hakisan dan tanah runtuh yang membahayakan keselamatan rakyat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya Usul Nombor 27 Tahun 2014, Usul di bawah peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ:** Tiga kali sebut nama saya memang panjang. *Bismillahir Rahmannir Rahim, assalamualaikum wabarakatuh*, salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Speaker Dewan kerana menerima usul di Bawah Peraturan 26, bahawa Dewan yang mulia ini atas dasar negeri berkebajikan menggesa agar kerajaan Negeri Selangor mengkaji dan menyediakan laporan terperinci berkenaan faktor-faktor kenaikan harga rumah. Dan kerajaan negeri dalam memastikan rakyat berpendapatan sederhana juga mampu memiliki rumah. Tuan Speaker yang saya kasihi sekalian, slogan negeri berkebajikan pagi petang siang malam kita dengar di serata tempat dan di serata ceruk. Namun daripada segi isu perumahan, topik isu perumahan harga meningkat ini seolah-olah ia tidak dapat ditangani dengan sempurna, walau pun sudah 2 penggal kerajaan Pakatan memimpin kerajaan Selangor. Ini sebenarnya menjadi satu delima kepada rakyat terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah. Ditambah pula anak-anak muda yang baru memulakan kerjaya dan yang baru berumah tangga dan menjadi tanggungjawab kerajaan negeri bagi memastikan perumahan ini diselenggarakan dengan sempurna memandangkan Negeri Selangor merupakan negeri yang terkaya dan memiliki rizab yang banyak.

Tuan Speaker yang saya kasihi sekalian, saya suka untuk mengingatkan terhadap manifesto kerajaan Pakatan pada PRU yang ke-13. Terutama daripada segi aspek perumahan tempat kediaman untuk semua. Di dalam manifesto PRU yang ke-13, kerajaan negeri ada memperuntukkan sebanyak RM100 juta kepada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Kerajaan Negeri yang bertujuan merangka dasar perumahan secara menyeluruh khususnya untuk menyediakan rumah mampu milik dan bermutu. Menguruskan projek-projek perumahan dan mengutamakan tahap kemampuan rakyat untuk memiliki rumah. Dalam manifesto itu juga diperingatkan tentang menambah perumahan mampu sewa di bandar-bandar raya dan bandar-bandar bagi keluarga yang tidak mampu memiliki rumah persendirian. Perkara ketiga juga ialah membina rumah mampu milik dengan keluasan minimum 800 kaki persegi berharga di bawah RM150,000.00 seunit. Mewujudkan skim perumahan rakyat bagi pembeli yang menghadapi kesukaran mendapat pinjaman daripada institusi kewangan dengan cadangan peruntukan berjumlah RM250 juta atau RM50 juta setahun. Tentunya manifesto-manifesto ini masih lagi menjadi ingatan kepada rakyat dan kita tidak mahu rakyat seperti mana kita pada hari ini, akhirnya terpaksa dalam konteks isu pengurusan air kita terpaksa meminum air lombong yang berzat itu.

Tuan Speaker dan yang saya kasihi sekalian, apakah senario yang berlaku di Negeri Selangor ini. Di Negeri Selangor ini kalau kita melihat harga rumah kalau kita lihat seperti tidak masuk akal. Bukan saja di bandar-bandar Shah Alam, di Petaling Jaya tetapi di kawasan sekeliling seperti di Jeram, Kajang, Kuala Selangor, Batang Kali juga menghadapi peningkatan harga rumah yang amat tinggi yang ada kalanya langsung tidak mampu dibeli oleh terutama golongan muda. Rumah bersaiz 24 x 27

kaki berharga hampir RM400,000.00 dan sudahlah itu bagaimana anak-anak muda keluar daripada Universiti yang gaji di sekitar RM2,300.00 hingga RM2,500.00 mahu untuk memiliki rumah, membeli rumah yang hanya mampu mereka miliki adalah dengan anggaran RM150,000.00 sahaja. Saya melihat beberapa kajian yang saya buat, kenaikan harga rumah ini adalah sebanyak 7% setahun. Dan kajian daripada CH William Talha menunjukkan pada tahun 2020 harga rumah ini, kalau saiz 24 x 70 kaki ini mencecah harga RM800,000.00 seunit dan pada ketika itu untuk memiliki rumah berharga RM800,000.00 seunit ini perlulah bergaji sebanyak RM12,000.00 sebulan.

Tuan Timbalan Speaker, dengan penduduk Selangor yang berjumlah lebih 5 juta ini dan dengan kadar kemiskinan yang dipertingkatkan garisnya iaitu sebanyak RM1,500.00 sebulan, agaknya adakah dasar yang sedia ada ini benar-benar dapat mencukupi memenuhi kehendak daripada segi isu perumahan. Dan beberapa sidang yang lepas kita diperingatkan tentang bahawa sasaran kerajaan negeri iaitu terhadap rumah mampu milik ini disasarkan sebanyak 3,050 unit tetapi sekarang ini yang kita ketahui yang baru saja disahkan untuk dibina ialah sebanyak 18,732 dan seperti biasa, minta maaf Sekinchan dan Sungai Panjang tidak ada rumah mampu milik yang dibuat dilaksanakan di kawasan tersebut.

47 projek dengan 17 projek itu dilaksanakan oleh GLC dan 30 projek itu dilaksanakan oleh pihak swasta. Tuan Timbalan Speaker yang saya kasihi sekalian, dengan polisi rumah Selangor kini terutama rumah yang berjenis A iaitu di bawah RM42,000.00 harga seunit, adakah dasar ini, jumlah ini, amaun ini mencukupi dengan sejumlah penduduk di Selangor yang lebih daripada 5 juta penduduk tersebut. Dan kita melihat EXCO perumahan juga memaklumkan kepada kita bahawa terdapat juga rumah kos rendah di Semenyih, Klang, Hulu Selangor yang tidak terjual. Benarkah perkara itu berlaku? Tuan Speaker yang saya kasihi sekalian, semua sedia maklum bahawa PKNS ini ditubuhkan di bawah Enakmen PKNS (1994) sebagai sebuah badan berkanun yang bertujuan untuk mengisi kemerdekaan, menagih dan menggalakkan pertumbuhan sosial ekonomi. Dan rakyat tidak melupakan bagaimana jasa PKNS ini membangunkan Shah Alam. Rakyat tidak melupakan bagaimana jasa PKNS membangunkan bandar Baru Bangi sebagai bandar berilmu dan rakyat tidak melupakan sama sekali bagaimana PKNS ini membangunkan Ampang sebagai bandar satelit. Tingginya budi PKNS ini pada rakyat, pastinya dalam membina rumah-rumah mampu milik yang berharga RM25,000.00 hingga RM35,000.00 di awal-awal kehidupan mereka. Dan ini sebenarnya memang sering kali diingatkan oleh rakyat tetapi hari ini bagaimanakah peranan dan pendirian PKNS terhadap isu perumahan mampu milik kepada rakyat yang kita dengar kebelakangan ini pertembungan demi pertembungan, percanggahan demi percanggahan di dalam PKNS. Pemecatan demi pemecatan dan akhirnya kita melihat tidak ada lagi rumah mampu milik yang berharga RM25,000.00 hingga RM35,000.00 itu dibina oleh pihak PNBS.

Tuan Timbalan Speaker, saya merujuk kepada laporan Pekeliling Lembaga Perumahan Hartanah Selangor Bil.1 Tahun 2013, beberapa dasar dan polisi jika benar ia berlaku ia merupakan suatu kerugian. Antara dasar polisi yang diperjelaskan di sini ialah tidak ada lagi diskaun bumiputera kepada Rumah Selangorku itu yang pertama. Yang kedua terhadap rumah jenis A yang berharga RM42,000.00 itu benarkah fasa rumah ini dibina di peringkat awal pembangunan sesuatu kawasan projek dan jika benar sejauh manakah ianya berlaku. Tuan Speaker yang saya kasihi sekalian, perbincangan-perbincangan kita dengan pihak kontraktor atau pun pihak agensi pelaksana pemaju perumahan itu tersebut, mereka menyebut beberapa isu cas pemajuan ini menjadi sebab mengapa mereka menaikkan harga. Jika benar perkara ini berlaku adakah sudah ada satu kajian yang terperinci, jika benar isu kes pemajuan terhadap kadar cas 30% di Majlis Bandar raya dan Majlis Perbandaran dan kadar cas sebanyak 20% di Majlis Daerah, semasa kemukakan pelan yang mana akhirnya ini membebankan kepada rakyat dan kos ini akhirnya diserap oleh pihak pembeli. Dan semua sedia maklum kos pemajuan ini terhadap perumahan penggunaan tanah, perubahan ketumpatan dan juga perubahan luas lantai. Saya fikir aspek-aspek ini perlu untuk diambil dengan penuh teliti.

Tuan Speaker, akhirnya Dewan yang mulia ini sebenarnya mencadangkan agar pihak kerajaan mengkaji dan menyediakan laporan terperinci, apakah sebenarnya faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan harga supaya apabila faktor-faktor ini dapat diteliti, dapat dilaksanakan dan faktor ini dapat dikenal pasti, ia dapat memastikan rakyat di Selangor dengan strategi yang berkesan mampu untuk memiliki rumah. Dan kita melihat bagaimanakah sebenarnya harga tanah yang begitu melambung, mekanisme kawalan yang tidak dapat untuk dikawal akhirnya menyebabkan pemaju menaikkan harga rumah. Dan kita melihat bagaimanakah sebenarnya elemen pelaksanaan hasil bumi terhadap monopoli kumpulan semesta itu, jika tidak dikawal adakah faktor peningkatan harga pasir ini menyebabkan juga harga peningkatan rumah.

Tuan Timbalan Speaker, dengan izin saya mohon untuk mencadangkan usul ini, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberikan peluang untuk saya menyokong usul Di Bawah Peraturan 26 bahawa Dewan yang mulia ini atas dasar Negeri Berkebijakan menggesa agar kerajaan Negeri Selangor mengkaji dan menyediakan laporan terperinci berkenaan faktor-faktor kenaikan harga rumah dan kerajaan negeri dalam memastikan rakyat berpendapatan sederhana, juga rendah mampu memiliki rumah sendiri.

Hulu Bernam sangat bersetuju dengan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Panjang supaya kerajaan negeri mengkaji serta menyediakan laporan tentang faktor-faktor kenaikan rumah di Selangor. Pada tanggapan saya usul ini penting kerana ia melibatkan kebajikan rakyat. Sebagai negeri yang melaungkan kebajikan rakyat, ini adalah satu langkah inisiatif kerajaan negeri untuk menangani isu kenaikan rumah. Negeri Selangor merupakan negeri yang pesat membangun, kutipan cukai yang sangat tinggi, juga pelaburan yang masuk begitu banyak ditambah pula dengan rizab yang simpanan yang setiap tahun. Walau bagaimana pun, amatlah tidak cantik sekiranya dalam negeri yang terkaya dan termaju ini, kecekapan kerajaan negeri untuk menangani keperluan isu pemilikan rumah sendiri untuk rakyat masih di tahap yang minima. Bagaimana pun, kerajaan negeri hendaklah melangkah maju ke hadapan sekiranya kebajikan untuk rakyat, bagaimana kerajaan negeri hendak melangkah maju ke hadapan sekiranya kebajikan untuk rakyat masih belum cekap untuk ditandatangani.

Tuan Speaker serta Yang Berhormat sekalian, agenda untuk menyediakan rumah menjadi perhatian penting kepada kerajaan Malaysia. Sebab itu SPNB ditubuhkan dengan tujuan menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti kepada setiap keluarga di Malaysia sejajar dengan objektif perumahan negara. SPNB bertanggungjawab melaksanakan projek rumah mampu milik atau RMM dan program Rumah Mesra Rakyat (RMR). Untuk memastikan golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman mampu untuk dimiliki. Agensi pelaksana program pemulihan projek untuk perumahan yang telah terbengkalai, program kuarters kerajaan melalui usaha sama syarikat SPNB dan LPAP Sdn Bhd untuk pelbagai agensi dan badan kerajaan. Seterusnya program perumahan khas seperti program perumahan rakyat, PPR, Perumahan Mangsa Tsunami di Malaysia dan Aceh serta penempatan semula kawasan risiko banjir. Tanggungjawab yang dipikul juga oleh SPNB ialah menyediakan rumah untuk golongan yang bernasib baik dan keluarga miskin di Malaysia. Membaik pulih atau membina semula rumah usang uzur dan di bawah program perumahan khas yang dikenali sebagai Skim Amal Jariah.

Begitu juga dengan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan adalah untuk memastikan kehidupan masyarakat yang lebih berkualiti dan harmoni melalui penyediaan perumahan yang mencukupi, sempurna dan dilengkapi dengan kemudahan sosial dan rekreasi. Kerajaan telah memutuskan bahawa rumah dibina oleh KPKT di bawah program perumahan rakyat atau pun PPR mestilah *triple centre* dengan izin. Pelaksanaan PPR oleh KPKT adalah mengambil kira bahawa 40% daripada isi rumah ialah keluarga berpendapatan kurang daripada RM2,500.00 sebulan dan setinggian dapat tinggal di rumah kekal dengan persekitaran dengan lebih selesa, santai dan sihat. Ini adalah antara interaktif di bawah Rancangan Malaysia Yang Ke-10. Kerajaan bukan saja telah menyediakan perumahan bagi rakyat jelata sejak kemerdekaan negara pada tahun 1957. Tetapi juga telah bergerak ke atas rangkaian nilai selaras dengan masa di bawah bajet 2013 sebanyak 1.9billion telah diperuntukkan untuk membina 123,000 rumah mampu milik di lokasi



strategik di seluruh Negara. Daripada jumlah peruntukan tersebut RM543juta dikhaskan kepada KPKT untuk membiayai 45 projek yang melibatkan 20,454 unit di bawah projek PPR yang akan dibina menggunakan *industrializes system* dengan izin. Begitu juga dengan rumah prima, Perbadanan Prima Malaysia merupakan inisiatif Kerajaan dalam memenuhi permintaan rakyat Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Prima 2012 untuk merancang membangun serta membina serta menawarkan perumahan berkualiti berkonsep kualiti hidup moden berpendapatan sederhana. Maka Tuan Speaker, saya memetik usul Kerajaan Malaysia supaya rumah ini mampu dimiliki oleh golongan sasaran. Perumahan yang dibangunkan ini oleh Kerajaan Malaysia adalah untuk dilihat secara bersama bahawa sejak merdeka lagi pelbagai inisiatif dan pelbagai badan tampil dengan dasar perumahan demi kebajikan rakyat.

Tuan Speaker, yang saya hormati. Sudah masuk penggal kedua Kerajaan Negeri memegang Negeri Selangor dan dasar rumah mampu milik Selangor baru diluluskan bertarikh 13 November 2013 menggantikan dasar sediaada. Ini termaktub di dalam Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bilangan 1 / 2013 – Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor “Rumah Selangorku”. PKNS merancang untuk membina 18,307 unit rumah mampu milik untuk rakyat Selangor pada tahun 2014 hingga 2020 dengan jurang tahunan sebanyak 7 tahun, untuk menyediakan sejumlah rumah berikut;- Adakah Kerajaan Negeri ada menjalankan kajian jumlah keperluan rumah sebenarnya untuk rakyat dan mengambil kira pendapatan rakyat yang rendah dan sederhana? PKNS juga merancang untuk menswastakan pembinaan 944 unit apartmen untuk tempoh 2014-2020 iaitu dalam masa 7 tahun. Timbul persoalan mengapa pihak PKNS perlu menswastakan pembinaan ini kepada Syarikat Sdn. Bhd. dan Mas Ehsan Sdn. Bhd.? Apakah *track record* perumahan dua syarikat yang ada di bawah projek penswastaaan PKNS ini. Memetik jawapan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri kepada soalan bertulis dan mulut sidang April tahun 2014 terdapat perbezaan jumlah unit rumah mampu milik yang akan dibina ada yang sebut 18,037 soalan bertulis 31, dan ada yang sebut 18,372 soalan mulut No.3, berapakah jumlah sebenar rumah mampu milik Selangorku ini. Harap Kerajaan Negeri lebih prihatin dalam masalah teknikal seperti ini. Untuk rujukan perbezaan nilai ini sangat membawa kesan.

Tuan Speaker, kesimpulannya pihak Kerajaan Negeri haruslah serius untuk membuat satu kajian tentang faktor-faktor kenaikan rumah dapatan dari hasil kajian itu satu menjadi titik permulaan daripada Kerajaan Negeri untuk memikirkan bagaimana untuk membantu rakyat yang akan membeli rumah mampu milik sendiri. Selain dari menyalurkan dana untuk pembangunan perumahan kos yang terlibat dan membazir haruslah diteliti dan diminimumkan. Walau Kerajaan Negeri bahawa harga rumah mampu milik Selangorku berada di dalam harga kawalan dan tiada peratus diskaun untuk bumiputera ini sudah cukup untuk bumiputera yang rata-rata merupakan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Sudahlah diskaun 7% kepada bumiputera dimansuhkan di tambah pula. Adakah 10 % sahaja pembinaan

rumah jenis A 42,000 didirikan sedangkan rumah B dan C, selainnya tambahan pula rumah jenis kategori B yang mana harganya 220,000 – 250,000 begitu maksimum tiada kebebasan untuk didirikan.

Tuan Speaker, yang saya hormati. Isu yang mengatakan GST bakal memberi kesan kepada kenaikan harga rumah adalah masih belum terbukti ini kerana pelaksanaan GST masih belum dilaksanakan kita tidak tahu berapa banyak kenaikan ini mempengaruhi jika kita nak mempertikaikan dan hanya menyalahkan bahawa GST ini membebankan adalah tidak adil kerana Kerajaan Negeri kena mengkaji mengapa berlaku kenaikan harga rumah bermula tahun 2008 di Selangor ini tiada GST lagi.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam, Bukit Gasing minta mencelah

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Saya panjang lagi saya tidak benarkan

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing tidak benarkan. Hulu Bernam berapa panjang lagi ucapan

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tak per saya nak sudahkan

**TUAN SPEAKER:** Ringkaskan ya

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Kerajaan Negeri tentang isu kenaikan harga rumah. Apa pun sebagai Ahli Yang Berhormat yang bijaksana jika Ahli Yang Berhormat faham sebenarnya sepenuhnya inisiatif pelaksanaan GST ini membawa kesan yang sangat positif kepada pembangunan ekonomi Negara sekali gus meringankan beban rakyat tiada pertikaian, patut isu GST ini dipolitikkan adalah sangat tidak adil oleh kerana GST. Bagaimana pula pandangan pihak Kerajaan Negeri kepada isu rasuah kroni, penyelewengan yang berlaku. Oleh itu, saya menegaskan supaya Kerajaan Negeri mengkaji apakah faktor-faktor kenaikan rumah di Selangor dan bagaimana pula Kerajaan Negeri menjalankan sebagai Negeri Berkeadilan untuk membela nasib rakyat khususnya di Negeri Selangor.

Tiada guna negeri maju tetapi rakyat terus hidup merempat dan terus menyewa amanat yang telah diberikan ini harus dijalankan dengan sebaiknya. Saya menyokong usul. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong saya buka usul ini untuk dibahaskan. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Speaker, Sekinchan juga ingin membahaskan usul yang dibawa No.27 yang dibawa oleh Sungai Panjang nampaknya Sungai Panjang selepas bawa usul terus hilang tidak lain tidak bukan adalah taktik beliau untuk mencari publisiti sahaja. Selepas bawa usul keluar beritahu pemberita dia buat kerja itulah biasanya. Saya tahulah cara tapi tak per lah.

Itu usul lain Sungai Panjang dan usul ini saya nampak kita memang menyokong Sekinchan menyokong soal semangat untuk kita membela mempertahankan hak rakyat berpendapatan rendah dan sederhana dan hak dia semangat memperjuangkan tiada kompromi. Saya tidak menyokong usul ini kerana apa? Kerana usul ini digunakan untuk bercakap sepatutnya Sungai Panjang ambil masa yang cukup untuk balik beritahu Perdana Menteri 1Malaysia Tan Sri Najib tentang masalah perumahan ini, kerana apa? Saya ingin nyatakan kenapa ada rumah dikatakan naik rakyat mereka merungut kerana harga rumah naik kita harus tahu siapakah yang bertanggungjawab tentang harga rumah ini. Pihak mana yang berwajib tentang harga rumah ini, setiap pemaju sama ada di Negeri Selangor sama ada anak syarikat Kerajaan Negeri, sama ada pemaju swasta di seluruh Malaysia seluruhnya apabila mereka ingin memajukan sesuatu projek perumahan mereka, mereka harus mengemukakan permohonan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan KPKT untuk mendapat kelulusan harga rumah mereka. Harga rumah mereka barulah mereka dapat permit iklan baru boleh jalankan projek tersebut boleh jual rumah ini pun masalah pokok perkara sepatutnya Sungai Panjang tahu dan untuk mengawal harga rumah ini sepatutnya KPKT ini bertanggungjawab untuk memantau mengawal selia memastikan harga rumah itu tidak tinggi tetapi jelas gagal KPKT menjalankan kerja ini dan sekarang cuba mencari publisiti sidang dewan yang mulia ini konon beliau menjadi jaguh untuk perjuangan kepada orang miskin inilah antara wajah sebenar yang saya nampak Sungai Panjang. Walau bagaimanapun jangan kita lupa ada beberapa perkara yang harus kita tekankan dalam konteks tentang harga rumah ini, di Selangor dan saya nak bandingkan sebagai contoh untuk Sungai Panjang perhalusi antara yang disebutkan oleh Hulu Bernam tadi. Hulu Bernam pun keluar sekarang mana Hulu Bernam, Hulu Bernam keluar publisiti juga. Tak per la biar. Ini amalan biasa pembangkang dulu saya pernah jadi pembangkang kan saya faham saya faham la ini suara hati sanubari mereka. Hulu Bernam tadi menyebut tentang harga Rumah Prima keluasan besar, berapa unit harga rumah prima saya ingin katakana dalam konteks harga Rumah Prima dengan harga rumah Selangorku. Harga rumah Selangorku yang kita bina kita tetapkan daripada harga yang terendah RM42,000.00 hingga RM250,000.00 secara amnya rumah Selangorku. Manakala harga Rumah Prima yang diwar-warkan melalui TV, melalui Utusan dan sebagainya RM42,000.00 hingga RM400,000.00 maksimum, RM400,000.00 apa sebenarnya. Puan Speaker, yang menyebabkan harga rumah melampau tinggi sampai RM400,000. Selangor kita tetap RM250,000.00 itu sahaja Selangorku paling RM250,000.00 tapi harga prima, Rumah Prima RM400,000.00 bayangkan. Inilah harga rumah naik

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, Sungai Burung minta mencelah

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Rakan sebelah saya... ok lah saya bagi

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya tanyalah Prima juga rumah murah dan satu program yang baru, baru nak diperkenalkan belum

dilaksanakan lagi jadi adakah Sekinchan bersetuju bahawa sekarang harga rumah dah naik meningkat melambung sejak tahun 2008 jadi adakah projek rumah mampu milik sama ada negeri dan federal yang menjadi penyebab utama kenaikan harga ni. Bahawa sebenarnya berlaku kenaikan harga rumah yang meningkat dalam orang kata keadaan mustahil ini dalam peringkat yang terakhir ini jadi itu yang kita cadangkan supaya kita adakah Sekinchan juga bersetuju bahawa kita perlu minta Kerajaan Negeri ini kena melihat apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlaku kenaikan harga rumah ini dan mungkin selepas kita meneliti dari segi orang kata *layers by layers* tentang kedudukan faktor harga-harga ini yang menentukan mungkin boleh mendapatkan perancangan yang baik bagaimana kita mencari penyelesaian ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih rakan seperjuangan saya daripada yang budiman daripada Sungai Burong, Ketua Pembangkang kita menyatakan kita mencari punca-punca kenapa harga rumah itu boleh naik dan saya telah teliti antara punca ialah harga Rumah Prima mencecah 400,000. Itu antara punca yang saya nampak lah. Antara-antara ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Antara belum lagi dilaksanakan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya tapi antaranya, saya minta Kerajaan Pusat kena kaji semula 400,000 kena kaji sebab dia bercanggah dengan usul ini, kalau tak nak kaji usul ini kena tarik balik, bercanggah, cakap tak serupa bikin "*omong waie gawe orak podo*" dengan izin

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Boleh dapat penjelasan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Penjelasan lagi

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** saya nak tanya Rumah 1Prima antara RM42,000.00 hingga RM400,000.00 ini sebenarnya adalah *range* bergantung kepada bentuk-bentuk permintaan kepada rumah. Saya nak tanya Sekinchan bahawa sekarang ini sejak kita merdeka sejak tahun 1957 hingga sekarang bahawa 72 peratus daripada masyarakat perbandaran dan kedudukannya tidak sama bukan semua berpendapatan rendah ada golongan profesional ada golongan yang boleh mampu juga memiliki rumah-rumah misalnya rumah studio satu unit mungkin yang ini kategori. Yang ditetapkan oleh Prima ini tahukah berapa banyak rumah yang akan dijual RM400,000.00 ataupun berapa rumah yang dijual RM40,000.00 saya yakin dan percaya Sekinchan tak tahu lagi jadi janganlah kita buat tuduhan, tuduhan bagi tujuan *range* dan Kerajaan Negeri bagi *range* untuk rumah yang di peringkat bagi perumahan mampu milik dan rumah mampu milik ini sebahagian daripada permintaan penawaran kepada setiap rumah yang ditawarkan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, saya ingat Sungai Burong boleh bahas. Cukup ya. Terima kasih lah.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong boleh bahas nanti. Sekinchan teruskan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Ketua Sungai Burong kerana memperhalusi dengan begitu panjang lebar walau bagaimanapun saya tetap dengan pendirian RM400,000.00 Prima itu patut di pertimbangkan, diteliti semula dan dikaji secara mendalam seperti Usul itu. Kenapa harga rumah tinggi antara punca utama. Ya, seperti apa saya tegaskan dan berbahasa macam hebatnya jaguh-jaguh ayam kampung dia. Kokok berdekah-dekah ekor penuh tahi. Lebih kurang macam itu lah. Cakap macam-macam tapi lebih kurang itu lah. Seterusnya saya ingin teruskan selain daripada apa yang ditekankan oleh Sg. Panjang menyatakan harga yang rakyat mampu milik tu sebenarnya berada dalam tahap RM150,000.00 bukan RM400,000.00 pun bukan RM250,000.00 tapi kita ambil pendekatan sederhana. Dia kata RM150,000.00 maknanya kalau RM400,000.00 tu jauh sangat. Ok. Seterusnya sehubungan itu, saya juga ingin tegaskan selain daripada faktor soal harga rumah ini antara punca menyebabkan harga rumah ini naik adalah antara beberapa perkara juga menyumbang kepada perkara tersebut. Antaranya apa? Kos saraan hidup yang tinggi. Kos saraan hidup yang tinggi.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong minta penjelasan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Boleh?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya kalau bagi masa lebih sikit saya boleh bagi jelas.

**TUAN SPEAKER :** Satu soalan sahaja.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Ok. Terima kasih ya. Tuan Speaker. Saya sebab dia kata rumah sekarang ni tak boleh RM400,000.00 sebenarnya kita kena melihat siapa penawar-penawar *the player* yang membekalkan rumah di negeri Selangor ini. Saya nak beritahu kebanyakan rumah ni, kebanyakannya dijualnya di dalam lingkungan RM400,000.00 ke atas. Di Shah Alam ini pun susah nak cari rumah-rumah yang dibekalkan harga 400 ke bawah sama ada *to landed properties* ataupun rumah-rumah tingkat atas.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong beri penjelasan ataupun nak minta penjelasan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Saya nak tanya nilah yang sebab dia cakap kata rumah 400 macam mana nanti sebab harga yang dijual di negeri Selangor rumah-rumah kebanyakannya RM400,000.00 ke atas. Jadi kalau

dia kata RM400,000.00 ke bawah macam mana keadaan kita perlu nak mengawal rumah-rumah di negeri Selangor ini. Kalau inilah yang hasrat Sekinchan ini.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan jawab.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya sikit kena jawab ya. Terima kasih Sungai Burong. Terima kasih Tuan Speaker. Ya, tentang soal RM400,000.00 ni saya nampak RM400,000.00 kita jangan bubuh rumah Prima tu dengan rumah mampu milik. Itu rumah tu tak mampu milik sebab tak mampu tak mampu milik lah. Mahal sangat, yang satu.

Yang kedua, kalau kata RM400,000.00 ini jadi Usul yang dibawa oleh Sungai Panjang ini kita kena tarik balik lah sebab tidak *relevan* dengan apa yang diminta harga rumah kena rendah. Ini RM400,000.00 jadi kena tarik balik dan seterusnya saya menekankan tadi dalam Dewan yang mulia ini tentang antara perkara-perkara yang juga menyumbang kepada

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Tuan Speaker, boleh saya minta penjelasan sebab dia tak faham soalan saya tu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Cukup lah... cukup... cukup

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan tak benarkan. Sungai Burong boleh duduk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dah banyak kali bagi lah bukan tak bagi.

**TUAN SPEAKER:** Teruskan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** (Bahasa Jawa) dengan izin. Maknanya ada beberapa perkara yang menyumbangkan kepada kenaikan harga ni, antaranya kos saraan hidup yang tinggi. Kerajaan Pusat Persekutuan telah menaikkan harga minyak tahun yang lalu, 20 sen harga minyak dia naikkan ini telah menyebabkan inflasi kesan berantai harga barang semua naik. Harga binaan semua naik. Hah ini punca utama harga minyak dinaikkan 20 sen walaupun janji, janji ditepati akhirnya jadi capati. Kata tak naik harga tahun 2013 harga minyak tapi dia naik 20 sen. Hah inilah wajah sebenar kita tengok, wajah sebenar Barisan Nasional dan yang keduanya kenaikan 15% tarif elektrik. Itu juga membawa kesan yang amat serius kepada kenaikan harga barangan dan kos industri, kos pembinaan dan sebagainya itu naik kerana 15% tarif elektrik itu. Walau pun Syarikat Tenaga Nasional, Syarikat ITP dah untung, Tenaga Nasional untung 4 bilion satu tahun tapi oleh kerana kroni cinta dan sayang kasihnya tidak berbelah bagi kepada kroni naik 15% dan inilah punca-puncunya kenaikan saraan hidup yang tinggi dan seterusnya amat malangnya rakyat Malaysia akan juga dibelenggu dengan satu cukai baru tahun 2015 akan datang.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan, Kota Damansara.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ok, Kota Damansara. Kita mesra wanita tak pe.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya nak bertanya dengan Sekinchan ni, bila bercakap sampai merah padam muka ya. Dalam kehidupan ni lah Sekinchan daripada kecil sampai ke besar pernah tak berlakunya tidak ada kenaikan ni semua menurun saja? Saya nak tanya soalan itu saja, pernah tak berlaku dalam kehidupan kita dari mula kita dilahirkan sampai lah dewasa, sampai sekarang ni ada pernah tak berlakunya penurunan, tidak ada kenaikan ni, penurunan sahaja, ada? Yang turun tu saya rasa yang turun tu rasanya yang tak naik tu diturun lah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Kota Damansara. Memang ada juga penurunan seperti kita sampai sekarang sampai hari ini cukup pintu tak ada kenaikan. Selangor dah berapa tahun kita kekal, hah ini juga ada dan saya nak kata kalau Kota Damansara tidak dapat mengatakan bahawa mesti ada kenaikan maknanya harga rumah mesti ada kenaikan jadi Usul ini tidak relevan. Usul ini perlu ditolak dengan kos. Saya belajar dengan Sungai Pinang. Ditolak dengan kos.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Minta mencelah. Sikit aje. Sikit aje Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kawan saya dari jauh.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Dah lama tak bercakap dengan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Batang Kali ya. Nun di sana tak apa.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** (Ketawa) Soalan saya *simple* aje ni. Tengok daripada ceramah Sekinchan tadi macam-macam isu lagi nak bawa ni fasal GST pun mungkin nak bawa lagi ni. Tak habis lagi tu. Belum lagi kita cakap nak *implement* GST dia dah mula nak bercakap. Kita nak bercakap fasal Negeri Selangor kalau you dah tahu *sorry* kalau Yang Berhormat dah tahu masalah-masalah tadi tu bagilah *solution* macam mana Kerajaan Negeri nak atasi barang-barang tu jangan lah buat tak tentu hala cakap itu ini. Bagi *solution*. Tunjukkan you tu hebat, Yang Berhormat hebat dalam Dewan ni bukannya mengatakan aje sana sini tanpa fakta. Benda yang tak berlaku pun diharap akan mengakibatkan harga rumah hari ini akan meningkat. Siapa sebenarnya *player* yang ada di dalam market sekarang ni. Siapa dia? Siapa orang yang pembina-pembina rumah sekarang ni? Adakah Kerajaan yang membina rumah sekarang? Siapa dia yang membina rumah-rumah tu? *Player-player* itu. Jadi itu dia. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih rakan seperjuangan saya jauh daripada jauh tu Batang Kali terima kasih, terima kasih atas pencerahan tadi. Saya nak bagi *solution*, dia minta saya bagi *solution* jadi terpaksa saya bagi juga *solution*. Cara penyelesaian. Cara penyelesaian pertama, Usul ini tidak relevan, kena tarik balik. Itu yang pertama. Tidak relevan. Satu. Yang kedua, bagaimana kita nak kurangkan kos semua, satu seperti dalam tawaran Pakatan Rakyat kita nak turun harga tol. Turun harga tol, itu boleh kurangkan ya semua kenaikan harga barangan yang ketiganya... ketiganya turun harga minyak. Turun harga minyak baru boleh *solution* nya.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah. Ini fasal tol ni. I tak ingat ini

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan benarkan atau tidak. Hai jangan cakap dulu. Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sungai Panjang tak apa. Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Sekinchan. Usul ni mudah kita sama-sama tempat yang tak de rumah Selangorku jadi kita cuma nak Kerajaan Negeri buat kajian dan sediakan laporan yang terperinci. Itu sahaja. Bukannya nak menyediakan kalau nak tolak tanpa kos akhirnya kita pulangkan kepada wakil rakyat yang ada di sini Yang Berhormat cuma kita minta Kerajaan Negeri sediakan laporan terperinci, itu sahaja. Jadi tindakan menyediakan satu laporan yang terperinci pun menjadi satu masalah kepada Pihak Kerajaan sampai nak kalau akhirnya ditolak kita hormatilah keputusan tersebut cuma Usul ini cuma nak sediakan laporan terperinci, itu sahaja.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Sungai Panjang yang bawa Usul ini. Memang kita Kerajaan sentiasa ada laporan terperinci. Setiap Dewan ada laporan-laporan dan jawapan daripada Kerajaan. Dah ada dah tapi tak perlu lah Usul ini diminta lagi. Ini lebih sudu daripada kuah tokok tambah sahaja nak cari publisiti. Saya dulu pembangkang Sungai Panjang, saya faham. Kalau tak faham saya boleh ajar lah tak pe. Tak apa cukuplah saya rasa saya tidak mahu ambil masa terlalu banyak Dewan ini. Yang pentingnya, *solution* yang Batang Kali minta saya bagi turun harga barang, turun harga minyak, tarik balik GST yang akhirnya saya tidak menyokong Usul ini lah. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku. 5 minit ya Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, tak panjang. Saya juga sependapat dengan Yang Berhormat Sekinchan di mana Usul ini tidak boleh dipersetujui kerana beberapa sebab seperti berikut. Saya ringkaskan.



Yang pertama sekali seperti adalah menjadi satu pengetahuan umum bahawa harga rumah di seluruh negara bukan sahaja di Selangor adalah ditetapkan dan diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya tak pasti mungkin Sungai Panjang belum pernah beli rumah ataupun apabila membeli rumah dilakukan oleh orang lain bukan dia sendiri. Sekiranya kita pernah beli rumah kita boleh kita akan bertanya kepada pemaju mengapa rumah begitu mahal harganya dan pemaju akan menyatakan dan akan menunjukkan kelulusan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang menyatakan bahawa harga yang mereka tetapkan ini adalah harga yang telah diluluskan oleh kementerian Pusat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan apabila pemaju mengemukakan harga ini untuk diluluskan mereka perlu memberi fakta, memberi bukti mengapa mereka menetapkan harga sebegini dan sekiranya ianya munasabah maka Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memberi kelulusan. Jadi apa yang ingin saya bangkitkan di sini ialah harga rumah di kawal oleh Kerajaan Pusat. Mahal ke, murah ke, patut ke, tidak berpatutan ke, ia nya adalah tertakluk kepada Kerajaan Pusat dan saya rasa oleh sebab itu saya mengatakan bahawa Usul ini tidak boleh dipersetujui kerana ia tidak kena pada tempatnya bukan tugas Kerajaan Negeri untuk campur tangan dalam hal ehwal Kerajaan Persekutuan sekira ada pun kuasa dia kita hanya setakat menegur sahaja.

Yang kedua, Tuan Speaker, apabila kita mengkaji sesuatu Usul itu sama ada untuk dipersetujui ataupun ditolak kita juga kena kaji niat. Mengikut apa yang diperbahaskan oleh Ahli-ahli Barisan Nasional tadi, saya mendapati bahawa niat mereka tidak betul bukan sahaja tidak betul tetapi bercelaru dan bercanggahan. Bila kita kata harga rumah ini terlalu mahal disebut pula GST, kata GST bagus sedangkan GST sudah pasti akan menyebabkan kos rumah itu meningkat. Simen, kos simen pasti akan meningkat, kos minyak akan meningkat, kos buruh akan meningkat. Kos-kos sebegini yang diperlukan dalam membina rumah itu akan meningkat. Mengapa pula harga rumah tidak akan meningkat? Sekiranya GST dilaksanakan.

Jadi saya lihat bercelaru, bercanggahan dan oleh sebab itu saya kata niat mereka tidak betul, niat mereka *melafiday*. Oleh sebab itu, walaupun Usul ini dirangka dengan perkataan-perkataan yang begitu bagus dan mereka menggunakan peluang ini untuk membawa isu yang menjadi perhatian rakyat tetapi saya rasa oleh kerana niat mereka tidak betul maka saya lihat Usul ini tidak boleh dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini.

Yang Ketiga, juga disebut tentang rumah Selangorku Tuan Speaker, saya ingin mengatakan bahawa sekiranya kita ada pengetahuan kita ada baca media, media Barisan Nasional ke ataupun media Pakatan Rakyat ataupun media apa pun sekali kita perlu tahu bahawa rumah Selangorku ini adalah satu projek perintis yang masih belum berlaku di tempat-tempat yang lain ini tidak bermakna ia nya tidak akan dibina di tempat mereka dan saya rasa rumah Selangorku ini adalah satu projek perintis.

Mengapa projek perintis kerana ianya akan dibina dengan menggunakan taktik teknik pembinaan yang tidak sama seperti dahulu iaitu teknik pembinaan *free fabrication*. Sesuatu yang baru tidak pernah di laksana sebelum ini, jadi kita nak *test run* sama ada ianya berjaya atau tidak dan ianya dibina secara perintis di kawasan Hulu Klang.

Saya percaya dengan cara pembinaan *free fabrication* yang lebih murah ini dan sekiranya projek perintis ini berjaya maka kita boleh mengulangi kejayaan ini di tempat-tempat yang lain di Selangor dan saya rasa ianya akan membawa manfaat kepada rakyat seluruh Selangor. Oleh sebab itu saya rasa Usul ini tidak boleh dipersetujui atas ketiga-tiga sebab ini. Ianya tidak relevan, niatnya melafiday dan kritikan mereka terhadap rumah Selangorku ini juga tidak relevan dan saya memohon, memohon Dewan ini untuk tolak Usul ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Permatang. 5 minit ya Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ucap terima kasih kepada Sungai Panjang yang membawa Usul ini. Jadi yang pertama, saya ingat Sekinchan nombor satu kena jelas lah. Yang pertama dalam isu minyak. Malaysia ni negara yang paling murah sekali minyak berbanding dengan negara-negara Asean. Berbanding dengan Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, kita adalah yang paling murah. Kita bercakap soal Asia Tenggara. Jadi kena bagi jawapan yang betul.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Nak minta penjelasan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nanti-nanti. Duduk dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Brunei Darul Salam macam mana?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang kedua, saya nak bagi tahu juga kepada Sekinchan mengenai Prima. Saya ingat Sekinchan tak baca mengenai konsep Prima sebab itu tak ada penjelasan maka kata rumah Prima ni ada *range* dia daripada RM100,000.00. Daripada RM40,000.00 sampai ke RM400,000.00. RM400,000.00 ini untuk rumah-rumah antara apa yang berpendapatan sederhana. Yang rasa nak kan RM100,000.00 mereka boleh beli RM100,000.00. Nak yang RM200,000.00 ikut kemampuan pembeli mereka menyediakan beberapa *range* untuk pembeli bukan semuanya RM400,000.00 itu kena jelas lah ya.

Saya nak menyentuh fasal Usul ini kenapa Yang Berhormat Speaker kena kita melihat bahawa hari ini kita nak bagaimana peranan agensi-agensi Kerajaan Negeri dalam membina rumah mampu milik. Saya tak nak bercakap soal swasta ya. Soal swasta kita sedia maklum. Swasta ini terbeban dengan pelbagai bentuk pertama *profit oriented* adalah merupakan (dengan izin) merupakan motif utama mereka tapi

kita nak lihat bagaimana peranan agensi Kerajaan Negeri, anak-anak syarikat seperti PKNS, PNSB dan apa-apa juga Agensi di bawah Kerajaan Negeri yang sememangnya boleh membantu bagaimana nak memastikan rumah mampu milik yang di bawah Kerajaan Negeri termasuk rumah Selangorku dan sebagainya boleh dibeli dengan tahap yang agak rendah. Saya bagi sebab yang pertama beberapa perkara yang boleh membantu Usul saya.

Yang pertama dari segi nak banding antara swasta dengan PKNS sebagai contoh PKNS ada *land bank* dengan izin ada bank tanah. PNSB ada Bank Tanah nak banding dengan pemaju perumahan swasta. Mereka terpaksa beli, ada *land cost* dekat sana. PKNS tidak ada *land cost*, dengan izin, kalau kerajaan negeri boleh berikan kebenaran, kalau hasrat nak betul-betul bina rumah mampu milik, nak memperbanyakkannya, PKNS boleh diberikan pengecualian daripada dikenakan contohnya, caj kemajuan kita boleh kurangkan. Saya percaya, orang tak marah kalau itu tujuannya untuk membanyakkan rumah mampu milik. PKNS boleh diizinkan tanpa membayar premium tanah dengan alasan untuk membina rumah yang mampu milik. Saya fikir tak menjadi masalah. Itu boleh membantu untuk kita memperbanyakkan rumah mampu milik kepada rakyat di negeri Selangor.

Juga misalan kata, dengan kerjasama KSSB. Kita tahu antara komponen utama sekarang ini yang menjadi masalah utama dalam pembinaan ialah pasir. Ini antara komponen utama pembinaan yang hari ini cukup menjadi masalah. Hari ini pasir dengan harga yang begitu mahal, ok, KSSB antara anak syarikat kerajaan negeri yang banyak mengeluarkan pasir. Hari-hari, pagi petang, siang malam keluar. Kenapa tidak KSSB dengan kerjasama PKNS, dengan kerjasama PNSB dan anak-anak syarikat yang lain dengan diberikan pengecualian oleh kerajaan negeri jangan bagikan *phenomenal* sahaja kepada premium, tiada caj pembangunan dikenakan, KSSB juga menyumbang harga yang rendah kepada pasir, dan bahan-bahan binaan yang lain, maka sudah tentulah rumah mampu milik Selangor ini boleh direndahkan lagi pada kadar yang ada pada hari ini. Saya tak bercakap soal nak bandingkan antara PRIMA dengan rumah mampu milik Selangorku tapi isu kita hari ini ialah bagaimana rakyat Selangor, ini yang saya ingat *spirit* yang nak bawa dalam usul ini supaya rakyat Selangor dapat diberikan satu bentuk tawaran, rumah dengan usaha kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan negeri yang ada banyak tanah ni, *Land Bank – Land Bank* yang ada ini seperti PNSB, bila lagi masa kita nak majukan? Jadi, rakyat Selangor nak melihat itu sebenarnya. Jadi, kalau saya melihat perkara-perkara yang berkenaan sebab satu lagi, saya nak mencadangkan kalau boleh lah, baru-baru ini kita dapat penjelasan daripada PRIMA, saya, kita dapat taklimat mengenai PRIMA di negeri Selangor setakat ini belum ada permohonan daripada PRIMA. Kalau misalan kata kerajaan negeri Selangor betul-betul ada hasrat untuk kita berikan satu tawaran rumah yang mampu milik kepada rakyat negeri Selangor, kenapa tidak kita ada kerjasama dengan PRIMA? PRIMA ada kemampuan dari segi kewangan, kerajaan negeri ada kemudahan dari segi tanah, kenapa tidak kita usahakan dalam satu suasana menang-menang. PRIMA sebagai pemaju, kerajaan

negeri menyediakan. Maka rakyat Selangor akan dapat manfaat yang besar di atas usaha ini. Jadi kita melihat, usul-usul yang dibawa oleh Sg. Panjang ini, apa kajian-kajian kemungkinan yang menyebabkan harga rumah ini tinggi dan kalau ada perkara-perkara yang, kebaikan yang boleh ditimbulkan oleh rakan-rakan, wakil-wakil rakyat, maka kita akan mendapat satu bentuk cadangan kepada pihak kerajaan supaya pelaksanaan itu boleh dilaksanakan daripada kita membuat hujahan-hujahan yang barangkali pun tidak tepat. Jadi, saya mencadangkan kepada PKNS, PNSB, pemaju-pemaju utama di negeri Selangor. Jadi kita mengharapkan sangat, sebab nak mengharapkan swasta buat rumah mampu milik saya tak percaya. Mereka tak akan buat pun sebab swasta sudah tentulah mereka akan utamakan rumah-rumah yang besar. Mereka yang mendapat jualan yang tinggi sebab itu untuk mereka mendapat keuntungan walaupun kita letakkan mereka berapa peratus pun untuk rumah mampu milik. Saya percaya mereka tak akan dapat nak melaksanakan. Jadi, saya ..

**TUAN SPEAKER:** Permatang, habiskan ayat terakhir.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK:** Saya mengharapkan ialah peranan daripada agensi kerajaan negeri termasuk juga yang mengawal-mengawal sumber-sumber batuan KSSB ini mampu. Saya yakin kalau kerajaan ada inisiatif ini, ada usaha ini, ada kemahuan ini untuk mencari satu jalan dan juga memberikan tanah kepada PRIMA untuk sama-sama kita, saya percaya manfaat ini akan dapat dirasai oleh rakyat di dalam negeri Selangor ini dan sekurang-kurangnya rakyat Selangor yang kurang berpendapatan, berpendapatan sederhana, mampu meletakkan sandaran kepada kerajaan negeri untuk mereka dapat rumah-rumah mampu milik yang mereka boleh perolehi. Jadi, Yang Berhormat Speaker, saya menyokong usul ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, saya minta pihak kerajaan balas 15 minit. Cukup?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Saya melihat bahawa usul ini baik tetapi masalahnya kita dah buat dah kajian ni. Itu sebab, bila kita lakukan kajian tersebut, hasilnya adalah polisi rumah Selangorku di mana kita telah melihat bagi seluruh negeri Selangor akan mukim-mukim atau daerah-daerah di mana terdapat permintaan rumah yang tinggi dan harga-harga juga, kita melihat keadaan sedemikian, ataupun di mana ada permintaan. Dan hasil daripada kajian ini, kita telah menghasilkan polisi rumah Selangorku. Itu sebab kita mengambil masa yang lama untuk kita draf ataupun menghasilkan polisi tersebut. Dan di dalam polisi ini, kita melihat bahawa kita menetapkan bagi mengikut mukim dan juga daerah, bagi tanah-tanah atau projek-projek yang melebihi daripada 5 ekar, ataupun 10 ekar, kita menetapkan 30 hingga 40 peratus perlu dibina rumah Selangorku yang harganya di antara RM40,000.00 hingga RM250,000.00. Bermakna mekanisme untuk mengawal akan harga rumah telah ada dalam pasaran dan telah kita

kuatkuasakan. Sekarang ini, kita berharaplah supaya kita akan betul-betul akan kuatkuasakan bukan seperti sebelum ini di mana di dalam polisi yang sebelum ini iaitu Polisi 20/2010 ada rumah kos rendah yang disyaratkan dibina tahun 90-an masih lagi tidak dibina oleh pemaju-pemaju. Ini kita jumpa. Sebab dia punya kesilapan ataupun dari segi penguatkuasaan yang lemah ataupun saya pun tak tahu apa masalahnya tetapi kali ini dengan rumah Selangorku, kita *guarantee* bahawa 40 *percent* atau 40 peratus daripada rumah-rumah yang masuk di dalam projek-projek melebihi 5 atau 10 ekar adalah di bawah RM250,000.00 ribu.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Tuan Speaker, mohon penjelasan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ya.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Ok terima kasih. Berkenaan dengan dasar tentang 40% supaya tetapkan rumah mampu milik ini, pada yang lepas, mungkin dasarnya umum jadi apabila *developer* dibenarkan untuk membuat pembinaan, dia buat rumah yang bukan rumah mampu milik dulu jadi, kerana itu dia buat kemudian. Jadi, adakah dasar sekarang ini, kerajaan negeri akan mensyaratkan bahawa rumah yang mampu milik ini kena dibuat dahulu ataupun sama serentak dengan pembinaan yang dibuat oleh pemaju-pemaju berkenaan. Terima kasih.

Terima kasih di atas soalan. Jawapannya adalah, memang kita menetapkan bahawa apabila mereka lulus kebenaran merancang, bahawa rumah kos rendah ataupun rumah Selangorku ini perlu dibuat terlebih dahulu ataupun bersama dengan rumah-rumah lain. Cuma masalahnya sekarang ini, saya ada banyak masalah yang pernah kita ucapkan di dewan ini, dah keluar dalam surat khabar, internet tetapi kita kena ulang-ulang balik semula. Tak apa, saya ulang balik. Dan berkenaan dengan, seperti mana yang dijanjikan di dalam manifesto, iaitu RM100 juta, akan diperuntukkan untuk membina rumah Selangorku oleh kerajaan negeri sendiri. Hasrat kerajaan negeri adalah untuk melahirkan satu badan iaitu seperti mana di Singapura, apa yang dinamakan sebagai *Housing Development Board* dengan izin, dan kita berharap dalam manifesto itu, kita akan mewujudkan badan ini dan badan ini akan membina khusus rumah-rumah mampu milik atau rumah Selangorku. Ini telah kita lakukan melalui, buat masa ini adalah melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, melalui Unit Pembangunannya di mana projek yang pertama adalah di Sungai Seding di mana sebanyak 2496 unit telah dilancarkan dan *Insyallah* akan siap dibina pada bulan Disember 2016. Jadi, bermakna hasrat kita adalah bahawa Unit Pembangunan dalam Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor ini kemudiannya akan melangkah lebih ke hadapan hingga menjadi HDB negeri Selangor dan hasrat kita sebelum 2018 dalam masa 5 tahun adalah supaya kita ada projek rumah mampu milik atau rumah Selangorku yang dibina oleh kerajaan sendiri di setiap daerah di negeri Selangor.

Di antara sebab-sebab kenapa atau *figure* ataupun statistik ini kita berubah-ubah dan kadangkala apabila mereka masuk ke dalam kebenaran merancang atau apabila mereka merancang, kita melihat bahawa unit ini berubah sama ada dari segi oleh *costing* dia sendiri ataupun oleh sebab faktor-faktor lain. Contohnya di dalam satu program rumah mampu milik oleh PNSB di Ladang Air Manis, ia berubah oleh sebab lebuhraya yang baru tengah mengambil separuh daripadanya dan akhirnya jumlahnya terpaksa diturunkan. Dan tuan-tuan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita melihat bahawa PKNS memang seperti mana yang diumumkan bahawa ia akan dapat menghasilkan lebih kurang 18 lebih daripada 18,000 unit rumah dan kita yakin bahawa kita boleh mencapai 35,000 unit rumah dan mungkin lebih daripada itu. Oleh sebab terdapat projek-projek mega yang akan dibina di negeri Selangor, terutamanya oleh *Kwasa Land*. *Kwasa Land* iaitu pembangunan Sungai Buloh dan juga oleh Sime Darby dan juga syarikat-syarikat yang lain di mana kerajaan negeri tegas bahawa 40 *percent* mesti 30-40 peratus mesti rumah mampu milik. Seperkara lagi yang dah ditanyakan tadi adalah berkenaan dengan pinjaman. Pinjaman untuk mereka yang tidak mampu, kita, *Alhamdulillah* kita telah mendapat persetujuan sebuah bank, akhirnya, setelah 5 tahun di mana pinjaman, di mana kerajaan negeri akan menjadi penjamin dan projek yang pertamanya adalah untuk mereka-mereka, bekas peneroka bandar Rimba Jaya, kemudian kita akan terus kepada Sg. Seding dan Kg. Berembang dan seperti mana yang diumumkan di dalam manifesto bahawa sebanyak RM50 juta setahun dan RM250 juta untuk 5 tahun. Tapi masalahnya kenapa begitu lambat. Ya lah, kita pun tak mahu ada sebarang prasangka tetapi apabila kita cuba mendapatkan kelulusan daripada bank, semua bank tolak walaupun kita, kerajaan negeri nak letak duit kerajaan negeri di bank sebagai jaminan dan guna dan mereka akan menjamin semua peminjam-peminjam itu tetapi bank-bank yang tolak. Akhirnya dapat, akhirnya kita dapat awal tahun ini dan *Inshaallah* kita berharap bahawa *target* kita untuk memberi pinjaman dengan nilai RM250 juta ini akan dapat menjadi realiti.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Cempaka, Sg. Panjang minta mencelah.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Silakan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Di tangan saya ini adalah merupakan dasar perumahan mampu milik negeri Selangor. Dan ini, seperti yang telah digazet dan ditandatangani pada 16 Disember 2013. Dan di dalam jadual ini juga memperlihatkan tentang rumah Selangorku jenis A, B, C dan juga D. Kalau boleh kita nak mendapatkan respon terhadap apa yang disebut tadi, projek yang mula-mula sekali adalah di Sg. Sering..Se..Sering kan? Di Sg. Sering, jadi dalam kapasiti Sg. Sering itu, ada kategorinya, adakah jadual ini dipenuhi ataupun bagaimana?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Sebagai *pilot project* ataupun projek perintis, kita ada satu sahaja akan jenis rumah, jadi bermakna dalam projek perintis ini kita ada satu projek rumah dan ini kita masih dalam perbincangan lagi. Dari segi

dia punya keluasan, memang kita telah tetapkan tetapi dari segi kos untuk menjual belum lagi. Cuma, yang ini adalah untuk semua projek-projek lain perlu mengikut akan polisi Selangorku ini atau rumah Selangorku ini. Yang saya nak tekankan tadi bahawa projek perintis ini projek pertama. Bermakna bahawa kita mula, ini projek yang pertama jadi kita dah meletakkan berapa dia punya keluasan dan selepas ini kita akan meletakkan berapa dia punya kos. Belum lagi kita letakkan kos dia. Jadi berbalik kepada pinjaman tadi, *Insyaa-Allah* kita berharap bahawa dengan RM250 juta ini seperti mana akan cukup kita berikan pinjaman dalam masa 5 tahun. Seperkara lagi yang tadi telah dibangkitkan adalah dari segi diskaun Bumiputera. Diskaun Bumiputera adalah sebanyak 7% sebelum ini tetapi untuk rumah Selangorku, kita telah menetapkan bahawa tidak ada diskaun bumiputera sebab apa? Sebab rumah Selangorku itu, sudah dijual dengan harga diskaun. Contohnya saya ambil seperti rumah di Bandar Baru Bangi yang dibina oleh PKNS yang sekarang ini siap untuk diduduki. Harga jualannya adalah sebanyak di antara RM90,000.00 – RM99,000.00 tapi kos untuk membinanya adalah RM130,000.00. Ini bermakna siapa yang membeli rumah di sana sudah mendapat diskaun sebanyak 23% iaitu lebih daripada 7% diskaun bumiputera. Projek yang akan datang yang baru-baru ini telah kita mendapat penyelesaian bersama dengan peneroka bandar iaitu Kg. Sri Temenggung. Ia berharga RM200,000.00 untuk dibina, dibangunkan atau untuk dibina kosnya adalah sebanyak RM210,000.00 tetapi dijual dengan harga RM180,000.00. Ini bermakna bahawa diskaun adalah sebanyak 16 *percent*. Lebih murah, lebih tinggi daripada 7%.

Seperkara lagi adalah tentang apakah insentif-insentif bagi pemaju-pemaju untuk membina rumah mampu milik. Apa yang telah kita putuskan bahawa untuk tapak-tapak di mana pemaju bina rumah mampu milik, kita telah membenarkan untuk pengurangan premium dan juga kita telah membenarkan untuk pengurangan caj kemajuan untuk rumah mampu milik. Kita berharaplah dengan usaha sedemikian akan dapat mengurangkan lagi kos kepada pemaju.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Boleh minta penjelasan sikit. Ada celahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK:** Ok, terima kasih Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya ingat isu rumah ni selalu sangat kita bercakap. Saya ingat dalam soalan mulut, soalan bertulis, cukup banyak lah. Cuma kadang-kadang kita tak sempat, banyak untuk berbahas kerana isu masalah waktu kan? Ini saya nak mohon, kalau bolehlah, kepada pihak kerajaan, kalau boleh, sebab setiap kali jawapan EXCO saya tak meragui pun, saya yakin jawapan itu benar dan sebenar-benarnya adalah benar, jadi saya percaya jawapan itu. Cuma kalau boleh saya nak minta kalau boleh ADUN-ADUN ini diberikan satu bentuk laporan terperinci, bukan kata laporan tetapi ialah jumlah rumah selalu Yang

Berhormat EXCO sebut kita nak bina rumah, sekian ratus, sekian ribu kawasan ini ribu, ratus jadi saya kadang-kadang *confuse* sebab saya tengok di DUN saya tak nampak pun apa-apa rumah yang dibuat. Jadi kalau boleh dibuat satu *list* sebut kalau tiap-tiap DUN dan kalau DUN Permatang kawasan mana, DUN rumah mana yang sudah dibuat yang mana belum diduduki jadi sekurang-kurangnya saya ada *list* dan tiap-tiap ADUN boleh tengok di kawasan masing-masing mana yang tidak terjual. Sebab dulu saya ada ingat jawapan EXCO waktu soalan mulut ada juga menyebut bahawa ada juga rumah-rumah yang tidak diduduki jadi macam mana kita hendak jadi kalau boleh ada satu senarai sekurang-kurangnya kita dapat rujuk jadi kalau di DUN saya, di DUN Sungai Burong, di DUN Kota Anggerik mereka tahu yang sudah dibina sama ada pihak oleh PKNS ke PNSB ke jadi kita boleh *prove* benda itu ada dan mencukupi, boleh tak. Ini mungkin minta maaf ya Yang Berhormat Speaker mungkin tak berkenaan Usul ini tapi isu yang sama kalau boleh diberi satu laporan dapat kita meneliti perkara ini dan dapat kita sahkan bahawa benar benda itu ada. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Mohon.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Cempaka, Bangi juga minta mencelah.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Terima kasih Speaker. Saya setuju dengan cadangan Permatang tadi tentang keperluan kepada *pendetailan* maklumat ini kerana mereka tidak faham beza antara 7% dengan 16% dengan 30%, kena bagi faham yang mana besar, yang mana kecil *percentage* kepada diskaun, terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Saya ingat yang paling baik banyak dalam kita merangka dasar polisi rumah Selangorku ini kita panggil banyak pihak untuk bersama jadi apa yang boleh portfolio saya lakukan terutamanya Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk memberikan mengedarkan *booklet* tentang statistik-statistik ataupun lebih baik lagi mungkin satu hari kita *start* pagi kita pergi kepada semua tapak-tapak rumah mampu milik Negeri Selangor, kita naik bas, kita pergi tengok yang mana dah siap, yang mana dah kosong.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat, kalau boleh saya nak minta laporan itu disertakan nama taman sekali jadi boleh saya jejak tempat itu.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Hanya statistik dalam dewan, tapi realitinya saya tak nampak pun, kalau tidak jumpa kita boleh pergi sekali. Okay saya hendak teruskan bahawa rumah sewa, di dalam ada lagi, tak apa...

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Sebab itu pada saya penerangan lanjut perlu. Apabila saya melihat kepada pekeliling Lembaga Perumahan Hartanah para 4.1 tiada diskaun bumiputera kepada rumah Selangorku memandangkan dia adalah



harga kawalan. Jadi perkara-perkara seperti ini perlu diterangkan dengan *details* lah juga dengan jelas supaya tidak menimbulkan kekeliruan daripada aspek ini. Itu yang saya ingat kalau boleh ada perincian daripada Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Berbalik kepada rumah ataupun kuota bumiputera apa yang saya mahu tegaskan di sini bahawa kita tak bagi diskaun sebab apa sebab rumah itu dah ada diskaun dijual pada harga diskaun dengan 16% dan 23%, semua dapat diskaun tersebut. Bermakna kalau kita hendak bagi lagi diskaun adalah setelah kita berikan contohnya PKNS di Bandar Baru Bangi dah bagi sampai oleh kerana kosnya di bawah kos jualan kos membina lebih tinggi daripada kos jualan tak sampai 23% diskaun kalau nak bagi lagi 7% diskaun bagi 30% diskaun teruklah PKNS kan. Jadi bermakna bahawa tak apalah jadi apa yang saya nak tegaskan di sini memang tak ada diskaun sebab telah diberikan diskaun. Seperkara lagi yang telah di memang kontraktor atau pun pemaju telah *absorbed* ataupun telah *absorbed* dengan izin dia punya kos. Seperkara lagi adalah tentang rumah sewa, rumah sewa ini telah kita bincangkan atau di dalam manifesto dan ianya memang akan dilaksanakan. Kita ada dua fasa sekarang ini. Fasa yang pertama adalah, baru nak cakap duduk dulu.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali, biar Yang Berhormat Cempaka habiskan dulu.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Lambat, dah nak sampai di sini dah, kejap lagi, kejap lagi. Tentang rumah sewa yang pertamanya adalah dua strategilah. Strategi pertama sama ada kita nak buat rumah sewa, kita nak buat balik rumah kita nak bina rumah ataupun kita nak beli peratusan rumah-rumah sewa di rumah-rumah Selangorku. Keputusan kita adalah kita nak beli di rumah Selangorku yang dah siap untuk dijadikan rumah sewa. Itu lebih senang pada kita membina rumah ataupun satu projek untuk di sewa semata-mata sebab ada masalah atau kesemua satu blok itu mereka menyewa maka akan ada masalahlah dari segi sikap dan dari segi kebersihan. Walau bagaimanapun fokus kita adalah kepada PPR sekarang. PPR sekarang ini terdapat 1,717 yang kosong. Fokus kita pada sekarang ini adalah untuk kita baik pulih 1,117 unit di 4 PPR yang sekarang ini yang kosong. Itu fokus kita yang pertama. Saya mengalu-alukan akan apa yang dipanggil sebagai kerjasama bersama dengan Kerajaan Persekutuan malah saya dah cakap banyak kali dalam dewan ini bahawa saya minta bertemu dengan Menteri Perumahan dah tiga kali tulis surat tak jawab pun *at least* jawablah kurang-kurang pun, sebab perumahan ini kita akui perumahan ini isu nasional sebab saya melihat dalam kenaikan harga rumah tengok dalam *website* ini dia tulis sini harga hartanah rumah Johor naik 40%, Johor lagi teruk 40% naik. Jadi bermakna nak selesaikan Negeri Selangor ini kita kena duduk sama-sama kita kena duduk dengan Kerajaan Persekutuan dengan Menteri saya tulis surat kepada Menteri, saya ingat dah 3 kali Menteri dah tukar dah tapi tak ada satu pun dijawab. Jadi kalau boleh pihak pembangkang bisikkanlah kalau boleh kepada ...

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kita akan sokong Yang Berhormat, jangan bimbang, kita akan temukan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Hah macam mana?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kita akan temukan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Boleh kita temukan dan memang ada satu permohonan daripada PRIMA untuk membeli tanah PKNS di Bernam Jaya dan ianya kita bersetuju kalau nak beli tak apa tiada masalah untuk membuat rumah PRIMA di sana. Untuk kebaikan rakyat kita tak ada masalah. Memang telah pernah dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PKNS bahawa PRIMA nak beli di Bernam Jaya, kalau mereka hendak beli tiada masalah mereka boleh bekerjasama atau boleh teruskan dengan projek ini. Sebab masalahnya di Negeri Selangor ini kita terpaksa tanggung pekerja-pekerja mereka yang bekerja di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kita tak boleh cakap hanya orang Selangor saja yang boleh beli rumah kita tak ada pasport Selangor. Semua orang boleh beli itu sebab Selangor kena tanggung macam seolah-olah satu negeri macam antarabangsa daripada Bangladesh, daripada Vietnam semua kita kena tanggung. Itu sebab masalah ini bukan masalah Selangor tetapi masalah nasional untuk sama-sama kita berbincang. Memang diakui tadi ada beberapa perkara yang telah...

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Cempaka boleh tunggu sekejap, nanti kita sambung ya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan dewan ini masih panjang maka dewan pada hari ini perlu disambung. Bagi meneruskan urusan dewan saya wakil Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan Usul.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan Tetap 11 dan 26 (4) Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga selesai urusan hari ini”.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli- Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang Bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Silakan Yang Berhormat Cempaka.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Seperkara lagi saya nak minta bantuan daripada pihak sana iaitu beri tekanan kepada Kerajaan Persekutuan supaya GST ini tidak dilaksanakan bukan untuk semua untuk semua pun janganlah kita laksanakan tetapi untuk bahan-bahan binaan ini dia akan menaikkan harga rumah. Ini ada satu

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Penjelasan sedikit sahaja. Ini bukan fasal GST la, sebelum pergi ke GST itu. Baik Yang Berhormat EXCO saya mengalu-alukan kalau sekiranya PRIMA diberikan ruang sama ada membeli tanah atau sebagainya dan kalau sekiranya kalau usaha ini dapat dimulai apakah Kerajaan Negeri ada memberikan jaminan, bukan saya kata jaminan tetapi memberikan satu bentuk kemudahan memandangkan ini ialah projek untuk pembangunan rakyat dalam negara kita atau Negeri Selangor, apakah macam PRIMA membuat permohonan-permohonan kebenaran merancang ini mendapat satu bukan kata kemudahan tetapi dipermudahkan segala urusan ini sebab kadang-kadang kita tak nak apabila berlaku permohonan merancang ini tetap mengikuti peraturan-peraturan sebagaimana yang ditentukan oleh PBT tetapi kita tak nak oleh kerana nanti adanya unsur-unsur di sebalik itu politik dan sebagainya yang menyebabkan rancangan ini akan tertangguh, jadi sekiranya sebab dalam soalan ini juga kita kemukakan kepada PRIMA waktu perjumpaan dan PRIMA rasa sekiranya Kerajaan Negeri ada jaminan mengatakan bahawa ada kemudahan-kemudahan mempermudah dan mempercepatkan usaha-usaha untuk terus mendapatkan kemudahan merancang tidak ada halangan-halangan dari segi pentadbiran dan sebagainya maka mereka tidak ada halangan untuk meneruskan usaha itu untuk sama-sama memastikan Negeri Selangor ini mendapat rumah mampu milik yang mencukupi untuk pasaran kita. Jadi saya hendak minta itu sebab apabila kita tak nanti apabila dikemukakan ada banyak penangguhan-penangguhan dan sebagainya menyebabkan akan perjalanan itu akan menjadi tidak begitu terurus. Saya minta kalau ada jaminan itu

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Sebenarnya kita tidak akan blok sewenang-wenangnya sebab ia program PRIMA kita saja suka-suka nak blok tapi kalau ikut peraturan kena semua orang kena ikut peraturan. Jadi PKNS pun banyak kali mereka terpaksa berbincang dengan PBT supaya mereka ikut peraturan, jadi bermakna samalah PRIMA ikut peraturan dan bukan satu amalan Kerajaan Negeri untuk nak *stop* atau nak blok semata-mata oleh kerana ia projek daripada Federal. Tentang GST, Ahli Yang Berhormat sekalian pihak persatuan hartanah pernah mengusulkan dan kita pun menyokong bahawa bahan-bahan pembinaan yang penting seperti simen, seperti besi keluli, seperti pasir dan seperti batu-bata diberikan apa yang dipanggil sebagai *zero rated* supaya tidak dikenakan GST sebab walaupun rumah itu tak ada GST ataupun dapat *claim* balik GST tetapi apabila ke semua bahan-bahan binaan ini dikenakan GST bermakna harga rumah akan naik.

Kebimbangan kita adalah satu walaupun kita kawal akan harga rumah RM250,000.00, RM100,000.00 tetapi apabila harga bahan binaan meningkat bermakna pulangan kepada kontraktor itu akan berkurangan. Apabila pulangan itu berkurangan dia akan cubalah, dia akan menggunakan bahan-bahan yang kualiti rendah dia akan cuba potong sini potong sana dan akhirnya rakyat akan berhadapan dengan harga rumah yang kualitinya rendah. Itu sebab saya berharap sebelah sana cuba sama-samalah kita bawa GST ini bukan Pakatan atau BN kena semua akan kena, semua yang duduk bawah langit akan kena dengan GST jadi saya berharaplah bahawa kalau betul-betul kita serius supaya harga rumah ini turun. Di antara perkara yang jelas dan nyata yang mengakibatkan harga rumah naik adalah GST. Tadi ada penjelasan..

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Berkenaan GST sama-sama prihatin GST memberi kesan impak kenaikan harga pada peringkat awal walaupun banyak lagi negara pelaksanaan GST pada mulanya akan menaikkan kadar inflasi tetapi dia akan menurun, ini memang trend daripada semua negara termasuk negara jiran kita Singapura dan sebagainya. Hanya 3 negara sahaja yang belum melaksanakan GST. Saya setuju dengan apa ini dan saya kalau boleh ingin mendapatkan penjelasan sama mencadangkan oleh kerana dewan ini kita ada juga wakil-wakil Ahli Parlimen . Sekarang ini GST ini diputuskan peringkat Parlimen jadi minta apa yang dibawa apa Yang Berhormat EXCO supaya dia bawa perkara ini ke Parlimen supaya dia diputuskan di Parlimen.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Setakat putus di Parlimen Yang Berhormat setengah juta dah berarak dekat Kuala Lumpur. Jadi bermaknalah kita berharaplah supaya sebab kalau dikatakan bahawa sebab GST ini harga akan turun sebab ada negeri-negeri di mana yang pakai GST yang menggunakan GST contohnya di Ireland dan di UK bukan negeri-negeri yang kaya ini ada GST, bukan negeri kita ini. Jadi di Ireland dan juga di UK apabila dia adakan GST tetapi untuk harga untuk *tax* kepada bahan-bahan binaan diturunkan. Jadi bermakna kat sana dia orang dah nampak dah bahawa kalau naik sahaja di letakkan GST harga barang akan naik. Itu sebab negara-negara tersebut memanglah *tax* untuk ataupun cukai untuk bahan-bahan binaan memang diturunkan. Seperkara lagi tadi adalah tentang SPMB. Saya berharaplah supaya kita sama-sama dapat melihat supaya SPMB ini dapat kembali kepada peranan asalnya. Saya pun pernah buat projek PNSB dulu. Saya hendak ambil satu keslah di mana SPMB ini bukan semuanya cerita yang baik-baik seperti mana Yang Berhormat- Yang Berhormat ceritakan tadi. Ada satu projek di Kajang, projek terbengkalai bernama projek Lingkaran Nor di mana ianya cuba diselamatkan oleh SPMB tetapi oleh kerana SPMB tak boleh nak selamatkan ditinggalkan begitu sahaja. Akhirnya Kerajaan Negeri yang kena ambil alih orang tu merana kasihan orang tu kita kena ambil alih lah. Jadi bermakna bila tuan-tuan ceritakan tentang SPMB tentang hebat boleh selamat sini selamat sana saya boleh cerita banyak kes lah ada kes-kes di mana SPMB yang meninggalkan orang begitu sahaja. Saya rasa, saya telah....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tambahan sedikit.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ok dipersilakan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya nak tanya pada Yang Berhormat EXCO antara faktor kenaikan harga rumah ialah kerana kos *labour*, kos buruh juga meningkat. Puncanya ialah kerana saya dapati hampir 99% pekerja-pekerja binaan ini ialah warga asing dan *levi* yang dikenakan oleh Kerajaan Pusat adalah sangat tinggi untuk membawa masuk pekerja asing ini adalah sangat tinggi jadi kalau kita minta supaya Kerajaan Pusat mengurangkan *levi* membawa masuk pekerja asing mungkin boleh mengurangkan kos pekerja-pekerja ni.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Yang Berhormat tetapi ramai pula kat sini nanti tapi apa yang Kerajaan Negeri cadangkan adalah dengan pembinaan menggunakan *free fabricated* iaitu cara yang baru dengan *free fabricated* ini kita akan melihat bahawa kita akan dapat menggunakan *labour* ataupun tenaga kerja yang lebih sedikit daripada kalau kita gunakan konvensional iaitu program Kerajaan Negeri di Sungai Sering iaitu rumah mampu milik yang pertama di Sungai Sering kita akan gunakan *free fabricated* supaya kita dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada tenaga-tenaga asing. Terima kasih saya ucapkan saya rasa saya telah.....

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Nanti .. Sikit bagi saya.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Silakan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya nak merujuk balik kepada apa yang dimaklumkan oleh YB. EXCO tadi berkenaan rumah sewa PPR yang sebanyak 1,717 kekosongan bagaimana pelaksanaan untuk nak menyewa kepada permintaan yang terlalu tinggi di luar sana dah beratur untuk memohon tetapi saya dimaklumkan bahawa tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Maksudnya *the management* memaklumkan kepada pemohon dia orang tak dapat nak membaik pulih rumah untuk disewa ni.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Kota Damansara sudah tentu merujuk kepada PPR Kota Damansara. Saya turun hari tu tak nampak pun Kota Damansara? (Ketawa)

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sebab saya tak dimaklumkan, saya sedih rasanya YB. EXCO tak dijemput turun bersama.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Saya jemput Insya-Allah, saya minta maaf.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Saya sebenarnya *everytime available* tapi saya sedih lah selepas 3 hari baru saya tahu Yang Berhormat EXCO turun.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Saya mohon maaf bagi pihak Kerajaan Negeri. Sepatutnya kita jemput Kota Damansara. Ok. Kos untuk membaiki pulih adalah sebanyak RM3,000.00 satu rumah dan mengikut anak syarikat kerajaan atau anak syarikat kepada Lembaga Perumahan Hartanah Selangor iaitu Hartanah Selangor Sdn. Bhd. Mereka hanya mampu untuk membaiki pulih 20 unit rumah setiap bulan. Jadi RM3,000.00. Apa yang... oleh kerana mereka bergantung mereka sekarang ini bergantung pada pungutan daripada sewa untuk mereka baik pulih dan minggu lepas dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Bangunan saya telah mengarahkan kepada Lembaga Perumahan Hartanah Selangor membuat satu kertas dan masuk ke dalam EXCO supaya dikeluarkan satu pinjaman ataupun dana supaya kita dapat mempercepatkan baik pulih rumah-rumah tersebut. Saya memahami bahawa kita perlu ataupun perlu untuk kita nak masukkan mereka-mereka ini secepat mungkin.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO, itu satu. Keduanya ada lagi satu masalah ni, saya malam tadi nak cuba hubungi

**TUAN SPEAKER:** Ini berkaitan dengan Usul ini tak ataupun nak bawa masalah kawasan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Berkaitan kawasan lah ni, fasal PPR juga.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kota Damansara ini bukan soal sesi jawab. Ini Usul. Kerajaan Negeri nak menggulung.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ya Saya tahu, sekali boleh tak YB. EXCO nak jumpa susah sangat.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Cempaka benarkan?

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Hah boleh, sikit sahaja, sikit sahaja. Berkenaan dengan rumah PPR yang disewa ni, yang disewa yang pembayarannya dinaikkan kepada RM250.00 tetapi mereka hanya mampu membayar RM124.00 tetapi mereka telah diberi surat amaran untuk keluar pada 20 Jun dan saya difahamkan bahawa mereka kena menandatangani perjanjian untuk memperakui bersetuju membayar RM250.00 dan membayar tunggakan jadi saya rasa kalau ini dilakukan mereka tidak mampu nak bayar tunggakan tapi saya rasa

kalau RM250.00 tu dia orang mampu jadi di mana mereka ini nak tinggal kalau mereka diusir keluar pada 20 Jun ini. Itu sahaja. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Sehubungan daripada Sidang Dewan yang lepas kita telah buat satu keputusan bahawa mereka yang berpendapatan lebih daripada RM1,500.00. RM1,500.00 ke bawah akan mendapat sewa sebanyak RM124.00. Jadi bermakna kalau gaji mereka adalah lebih daripada RM1,500.00 mereka kena bayar RM250.00. Walau bagaimanapun untuk masalah Kota Damansara ni boleh rujuk kepada sayalah. Tentang

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Bagi nombor telefon, susah sangat nak hubungi.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** 012-3189835. (Ketawa).

**TUAN SPEAKER:** Saya rasa ini tak pernah berlaku ya. Bertukar nombor telefon.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Boleh *WhatsApp* lepas ni. (Ketawa).

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih. Yang Berhormat Cempaka boleh habiskan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Dah... saya dah habis dah. Saya ucapkan terima kasih pada semua.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawa Dewan Yang Mulia ini atas dasar negeri berkebajikan menggesa agar Kerajaan Negeri Selangor mengkaji dan menyediakan Laporan terperinci berkenaan faktor-faktor kenaikan harga rumah dan peranan Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat berpendapatan sederhana juga mampu memiliki rumah sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Yang Bersetuju sila kata Ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Tidak Bersetuju sila kata Tidak. Tidak. Usul ini tidak dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Usul untuk menangguhkan Dewan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Persidangan kita telah pun tamat dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga ke satu masa yang akan ditetapkan kelak. Tuan Speaker, saya ingin bagi pihak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Speaker, kepada Setiausaha Dewan, kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bersama-

sama menjayakan sidang Dewan pada kali ini walaupun sidang kali ini hanya berlangsung selama 3 hari tetapi nampaknya daripada perbahasan yang telah pun berlalu pada hari ini begitu aktif di ambil bahagian oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dan ini menunjukkan mutu perbahasan Dewan ini semakin meningkat saya boleh melihat dari segi kematangan kandungan isi kandungan dan mutu perbahasan termasuk juga ada pembangkang juga nampak ada kemajuan dan juga saya melihatkan satu Usul. Usul berkenaan dengan kebenaran merancang tadi walau pun dibentangkan oleh pihak pembangkang tetapi telah pun diberi sokongan oleh penyokong Kerajaan dan bagi saya kalau ini bukan kali pertamanya satu Usul daripada pembangkang diluluskan dan disokong oleh pihak penyokong Kerajaan sekurang-kurangnya dalam 20 tahun yang lalu sudah tidak ada satu Usul yang daripada pembangkang diluluskan oleh Dewan ini, ini menunjukkan bahawa ya menunjukkan bahawa Ahli-ahli Berhormat daripada Kerajaan sebenarnya mempunyai kebesaran untuk menerima apa yang baik yang dicadangkan walaupun dicadangkan daripada pihak pembangkang. Jadi syabas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan dan juga daripada pihak pembangkang.

Seterusnya Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada pihak Kerajaan Persekutuan supaya memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri kerana banyak sebenarnya Kerajaan Negeri Selangor bukan sahaja menjaga kebajikan rakyat Selangor seramai 5.8 juta tetapi juga turut memberi kemudahan dan menggunakan kemudahan dan kemampuan kewangan negeri Selangor untuk membantu pihak Kerajaan Persekutuan.

Jadi sebenarnya pihak Kerajaan Negeri telah pun memberi kerjasama kepada pihak Kerajaan Persekutuan dan dari segi persembahannya Kerajaan apa tu GDP atau pun KDNK Malaysia ini 23%nya disumbangkan oleh Negeri Selangor dan kita tidak pernah menyusahkan apa-apa permohonan daripada pihak Persekutuan. Oleh itu, dari segi pendidikan apabila Kerajaan Negeri, kerajaan Persekutuan tidak dapat memberikan peruntukan yang berlebihan maka Kerajaan Negeri selama 6 tahun yang lalu telah pun memberikan peruntukan tahunan kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sebanyak 16 juta setiap tahun. Itu menunjukkan kita membantu Kerajaan Persekutuan, kita juga... perumahan sebenarnya ini adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tetapi Selangorlah negeri pertama yang menubuhkan Lembaga Hartanah dan Perumahan dan Johor baru nak tubuh sekarang. Baru nak lulus Undang-undang tapi kita dah ke peringkat membina rumah kita sendiri. Membina rumah Selangorku dan juga banyak dasar yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan di peringkat melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga dilaksanakan dahulu oleh Kerajaan Negeri Selangor sebelum negeri-negeri yang lain menerapnya dan melaksanakannya dan kemudahan-kemudahan awam juga yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan seperti LRT, MRT dan BRT juga diberi kerjasama yang sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Negeri malah satu



lebuh raya yang kontroversi KIDEX. Kerajaan Negeri belum luluskan tetapi terpaksa menanggung segala tuduhan ya walaupun itu bukan projek daripada Negeri Selangor itu projek Persekutuan tetapi kita bersabar walaupun kita dituduh tapi kita terpaksa melalui prosesnya. Proses Undang-undang yang diperuntukkan dan juga dari segi umpamanya denggi dalam usaha kita untuk memerangi denggi sebenarnya peruntukan, saya dimaklumkan oleh pihak PBT peruntukan daripada pihak Kerajaan Persekutuan tidak diturunkan untuk tahun ini. Jadi oleh sebab itu, Kerajaan Negeri menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri untuk membantu Kerajaan Persekutuan bagi menyalurkan peruntukan dalam usaha kita dalam memerangi denggi.

Jadi oleh itu, saya berharap kawan kita di sebelah sana bantu mempertemukanlah EXCO-EXCO yang ingin berjumpa dengan Menteri kita termasuk saya sendiri ya. Rakan bijaksana saya dari Cempaka dah minta 3 kali, saya minta 2 kali, kurang sekali. Jangan minta telefon saya, saya nak minta telefon Menteri. (Ketawa). Kita nak jumpa sebab untuk membincangkan supaya kita sama-sama menjayakan projek-projek yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan dan projek yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Dengan itu saja, terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Puan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya tidak ingin bercakap panjang tetapi ada 2 perkara yang saya lihat saya perlu jelaskan dalam usaha untuk menangani keadaan harga hartanah yang mendadak tinggi oleh kerana bukan sahaja permintaan tetapi juga ada unsur-unsur spekulasi yang berlaku. Ini memang biasa berlaku dalam satu keadaan ekonomi yang bertumbuh rapi dan oleh sebab itu boleh jadi jawapan kita ialah kita juga tidak boleh membina rumah-rumah dengan mencari jalan yang dipanggil *cross subsidy* maknanya kita suruh orang buat rumah yang harga yang sangat tinggi kemudian dengan keuntungan harga yang sangat tinggi itu boleh menolong orang yang mengurangkan harga rumah-rumah kos rendah. Itu.. konsep itu ada kebenarannya dan juga ada kesukarannya sebab akan terjadi 2 perkara.

Satu ialah pembinaan rumah-rumah kos rendah itu dibina dengan begitu oleh kerana tidak mempunyai konsep keuntungan. Dibina dengan tidak menggunakan material ataupun bahan-bahan yang baik sebab dia, tujuannya ialah untuk mengurangkan kos. Dan akibatnya pembeli-pembeli itu akan dapat rumah yang akhirnya nilai rumah atau nilai hartanah itu tidak meningkat. Jadi itu salah satu daripada kesan negatif tentang cara yang rumah kos rendah yang berlaku sekarang.

Kedua, dan terdapat penempatan rumah-rumah kos rendah itu dibuat di tempat yang, tempat yang tidak akan dibina lagi. Ataupun tak dikatakan di ceruk-ceruk. Itu sebab kita dapati banyak rumah-rumah kos rendah di Lembah Subang semuanya itu

di ceruk sehinggakan bas pun susah nak pergi ke sana. Jadi oleh sebab itulah Kerajaan Negeri mencuba 1 cara, 1 cara baru untuk menangani masalah ini. Yang Berhormat EXCO Perumahan menerangkan rumah mampu milik yang kita akan bina, yang dalam program yang kita akan bina sekarang, kita akan bina berdasarkan kos. Maksudnya kecekapan pembinaan kita ialah kos. Jadi kita akan tahu apabila kita bersaing besok, sama ada rumah yang kita beli ini dengan pemaju yang menjual dengan rumah yang serupa macam kita, kita boleh tahu kos-kos pemaju yang membuat sebab kita dah boleh membuat dengan harga itu. Dan Kerajaan Negeri akan menjualnya kepada masyarakat dengan tidak mengambil keuntungan. Dengan cara itu kita akan dapat imbangkan permintaan ataupun harga yang mendadak, yang berada di pasaran sekarang. Itu caranya.

**Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin, saya tertarik dengan

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, ini ucapan penangguhan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Tak ada untuk mencelah.

**Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tak, saya nak minta penjelasan

**TUAN SPEAKER:** Tak ada. Ini masa dah tamat ni.

**Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ia, minta penjelasan *sorry*. Minta maaf ya?

**TUAN SPEAKER:** Tak ada. Sungai Burong

**Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ya

**TUAN SPEAKER:** Ini ucapan penangguhan Dato' Menteri Besar bukan untuk pertanyaan.

**Y.B. DATO' HAJI SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tak boleh buat penjelasan ya?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dan perkara yang kedua, saya nak hanya ini. Saya ingat, saya berterima kasih kepada Dewan kerana telah membuat peruntukan tentang perbelanjaan untuk membina Jambatan Ke-3 di Klang dan program itu berjalan lancar dan kita sudah menerima tender. Dan saya berharap pemantauan dari Ahli-ahli Dewan juga perlu untuk melihat perkembangan ini sebab saya rasa kalau ini dapat kita laksanakan maksudnya kita sendiri merasakan bahawa keputusan-keputusan yang kita lakukan dan juga kita akan mendapat hasil daripada keputusan-keputusan yang betul kita lakukan. Itu sebab saya nak ingatkan 2

program yang kita lakukan dengan menggunakan rizab negeri. Satu ialah jambatan, kedua ialah rumah mampu milik. Dan ini akan sentiasa dikemukakan kemajuannya kepada Dewan. Dan akhir sekali saya ingin menyatakan kepada Dewan bahawa program untuk mengambil alih dan menyusun semula industri air mula sampai penghujungnya yang penawaran dan juga penerimaan. Penawaran Kerajaan Negeri sudah diterima oleh syarikat-syarikat yang utama dalam penyusunan semula ini. *Insyallah* dalam Dewan yang akan datang saya rasa program pengambilan sudah mula jalan. Tapi tanggungjawabnya sangat besar sebab kita mesti bukan sahaja boleh mengurusnya tetapi mengurusnya dengan lebih berkesan lagi iaitu satu ialah *non revenue water*, air yang tidak, tidak mendapat hasil itu yang sekarang 33% mesti diturunkan kepada 20%. Itu dan angka tunjuk.

Kedua, sistem *piping* mesti juga diperbetulkan supaya kita akan dapat aliran air terawat dengan cepat dan juga tidak mempunyai masalah-masalah kerosakan yang selalu berlaku.

Itulah saja. Lagi sekali saya bagi pihak rakan-rakan EXCO mengucapkan terima kasih dan Dewan akan datang kita akan berbincang fasal perbelanjaan tahun yang akan datang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menanggapi persidangan kali ini saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan di atas kerjasama yang telah diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Kedua kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, Urus setia, pelapor-pelapor dan semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar. Sukacita juga saya mengumumkan bahawa Yang Berhormat Kinrara dan Yang Berhormat Paya Jaras tidak dapat hadir kali ini kerana mereka sedang mewakili Dewan Negeri Selangor di dalam 'The 63rd West Minister Seminar On Parliamentary Practice and Procedure' di London sekarang.

Syabas juga saya ucapkan kepada ADUN Jeram yang telah membawa 1 usul yang relevan dan penting untuk rakyat Selangor. Ini yang saya mahu lihat di dalam Dewan Negeri Selangor bahawa Dewan digunakan sebagai platform untuk membahaskan isu kepentingan rakyat. Bukan selalu main isu agama dan politik perkauman. Kepada semua Yang Berhormat, sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke Pentadbiran Dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar penyata rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian.

Dengan ini, saya menangguhkan persidangan hari ini hingga ke satu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 5.00 petang )**